



This book is provided in digital form with the permission of the rightsholder as part of a Google project to make the world's books discoverable online.

The rightsholder has graciously given you the freedom to download all pages of this book. No additional commercial or other uses have been granted.

Please note that all copyrights remain reserved.

### **About Google Books**

Google's mission is to organize the world's information and to make it universally accessible and useful. Google Books helps readers discover the world's books while helping authors and publishers reach new audiences. You can search through the full text of this book on the web at <http://books.google.com/>

USUP ABDUL KADIR

# HIKAYAT RAJA BABI



*Transliterasi Jawi ke Rumi oleh* **Arsyad Mokhtar**

*Ilustrasi oleh* **Arif Rafhan Othman** Digitized by Google

# **Hikayat Raja Babi**

*Usup Abdul Kadir*

Transliterasi Jawi ke Rumi oleh:

*Arsyad Mokhtar*

# **Hikayat Raja Babi**

Ditulis oleh Usup Abdul Kadir pada 1775

Transliterasi Jawi ke Rumi oleh: Arsyad Mokhtar

e-Book ISBN 978-967-0750-72-9

Tiada hakcipta. PDF dan e-book naskah ini boleh dimuat-turun secara percuma daripada beberapa laman web seperti Google Books, E-Sentral, Bachabooku dan Kaki Buku. Sebagai naskah 'public domain', tiada kebenaran atau royalti diperlukan untuk anda mencetak, menjual, menterjemah ke dalam bahasa lain, atau dialih ke media lain (contohnya, diadaptasi menjadi muzikal di Istana Budaya).

## PENDAHULUAN KATA

Tawaran daripada Fixi untuk merumikan hikayat ini benar-benar merupakan satu cabaran bagi diri saya. Cabarannya bukanlah terletak pada fakta bahawa tulisannya dalam bentuk ejaan jawi lama kerana ia bagi saya lebih mudah berbanding sistem ejaan jawi baru.

Namun cabaran yang paling besar bagi saya adalah apabila bertemu dengan kata-kata nama khas. Cabarannya adalah untuk memastikan ejaan rumi yang dilakukan benarbenar tepat dengan apa yang dimaksudkan pengarang dan seboleh-bolehnya tepat pula dengan maksud yang terdapat di dalam kamus. Saya menggunakan Kamus Dewan dan kamus online Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP serta kamus-kamus online yang lain.

Ada juga antara kata yang tidak saya jumpai padanannya dengan carian di dalam kamus, maka saya harus menggugelnya. Langkah ini selalunya tidaklah menemukan kata tersebut terus dengan maknanya seperti carian kamus, namun ia memerlukan kepada bacaan yang pelbagai dan proses berfikir yang agak kompleks juga. Terkadang suatu kata tidak saya temukan maknanya berhari-hari lalu saya biarkannya sambil meneruskan perumian, lantas secara tanpa diduga maknanya muncul tiba-tiba.

Ini adalah terkait dengan langkah ketiga bagi menemukan makna sesuatu kata yang sukar itu di mana saya terpaksa beralih kepada maklumat-maklumat yang sedia ada di dalam ingatan saya daripada bacaan-bacaan hikayat-hikayat klasik yang lain dan kitab-kitab jawi sebelum-sebelum ini, juga pengalaman mendengar daripada bicara orang lama-lama. Hal ini juga mendesak saya untuk harus menyelak kembali apa saja naskhah-naskhah yang ada yang mungkin membantu. Membaca

hikayat ini juga mengingatkan saya kepada *Hikayat Si-Miskin*.

Hal kedua adalah pada beberapa keadaan didapati ejaan yang tidak konsisten bagi sesuatu kata. Tetapi ini bukanlah satu masalah yang terlalu besar apabila kita sudah memahami dan mesra dengan cara pengarang.

Selain itu saya juga mendapati naskhah manuskrip yang dijadikan rujukan untuk proses ini tidak tersusun pada beberapa halaman. Menyedari hal itu maka saya telah menyusunnya kembali mengikut yang sepatutnya.

Saya sungguh berterima kasih kepada pihak Fixi khususnya En. Amir Muhammad sendiri yang melorongkan saya peluang ini. Proses ini benar-benar mengukuhkan keyakinan betapa hebat dan kayanya peninggalan orang-orang dahulu yang kita sendiri terputus hubungan dengannya.

Secara keseluruhannya saya telah sedaya mungkin berusaha memberi yang terbaik dalam proses ini. Kesempurnaan seratus peratus tentunya di luar jaminan saya. Dengan itu saya dengan rendah hatinya mengharapkan tuan puan yang menemukan kesalahan untuk dapat memaklukkannya untuk dapat sama-sama diperbaiki.

Oh, satu lagi! Bagi saya hikayat ini amat menarik. Ada sedihnya, ada lucunya, ada romantisnya, ada lawan-lawan yang mengingatkan saya kepada komik-komik Tony Wong. Petua untuk menjadikan anda terhibur membacanya adalah dengan meletakkan ke tepi dahulu fikiran logic anda.

Semoga terhibur dan selamat membaca!

**Arsyad Mokhtar.**

*02.12 pg. Rabu, 10/12/2014,*

*Pendang, Kedah Darulaman.*

# Pendahuluan Hikayat

(daripada manuskrip)

Hijrah An-Nabi sallallahualaihiwasallam seribu seratus delapan puluh delapan tahun, sepuluh bulan kepada bulan Zulkaedah dan kepada tahun Hijri, dan kepada hari Jumaat, dan waktu pukul sebelas, bahawa tamat Hikayat Ceritera Raja Babi<sup>[1]</sup>.

Adapun yang punya iyahini<sup>[2]</sup> Usup ibn Abdul Kadir, peranakan koja<sup>[3]</sup>, anak di Negeri Semarang di Kampung Melayu asalnya duduk, kemudian maka pindah dia ke Pekojan, luar kota Semarang.

Tatkala pergi berdagang ke Negeri Palembang maka tiada punya dagang dan duduk berlabuh di Sungai Lumpur. Maka hendak menghiburkan hati supaya jangan menjadi gundah, maka duduk menyurat dua puluh hari lamanya, maka tamat.

Dan barangsiapa suka membaca tetapi jangan ditertawakan dan disunguti daripada hal hurufnya (tulisananya) kerana kalamnya mengamuk. Tekankan tauladannya.

Dimintak *tammat bilkhair* (dimohonkan agar sempurna dengan kebaikan).

Alkisah peri mengatakan cetera Raja Babi yang pahlawan lagi perkasa. Kepada zaman masa itu, seorang pun tiada boleh segala raja-raja sebagai Raja Babi.

Syahdan<sup>[4]</sup> segala raja-raja yang banyak semuanya takut dan ngeri tiada berani menentang mata. Syahdan lagi dengan bangsawan dengan arif, bertambah-tambah dengan bijaksana kepada barang sebagai permainan segala lelaki-lelaki habislah diketahui baginda.

Syahdan ialah raja segala lelaki kepada masa itu. Seorang pun segala raja-raja tiada berani melawan baginda itu mengadu kesaktian. Semuanya pun tewas oleh baginda. Syahdan demikianlah dihikayatkan oleh orang yang empunya hikayat ini.

Demikianlah cetera dikonon<sup>[5]</sup> raja sebuah negeri di gunung berapi Rantau Panjang Tebing Berukir. Syahdan akan namanya Seri Sultan Tahir Syah. Peri beberapa lamanya baginda di atas takhta kerajaan itulah syahdan berapa ratus banyak menterinya dan beribu-ribu banyak hulubalangnyanya.

Bagindalah raja yang bernobat tujuh kali sehari dan tabal tujuh kali semalam dan disembah oleh menteri, hulubalang. Disembah rakyat hina-dina, tentera berlok-lok kati bejana.

Ada kepada suatu hari baginda semayam di balairong dihadap oleh segala raja-raja, menteri, hulubalang yang beribu-ribu banyaknya semuanya dengan senjatanya masing-masing dengan perhiasan, maka Baginda Sultan fikirlah di dalam hatinya:

*“Wah! Sayang sekali kebesaranku ini akan terbuanglah gerangan kerana aku tiada berputera. Oh! Malangnya badanku tuan”.*

Lalu baginda memberi titah kepada Raja Mangkubumi<sup>[6]</sup>:



*“Ayuh kekanda! Tolong bicarakan kita hendak berputera. Ingin pulak rasanya kita.”*

Maka Raja Mangkubumi pun sujud menyembah. Sembahnya:

*“Daulat Tuanku Girgayu <sup>[7]</sup>! Sebenarnyah titah Yang Maha Mulia itu sahaja terjunjung di atas batu kepala yang diperhamba.”*

Setelah sudah memberi titah, maka Seri Sultan Raja Besar pun berangkatlah naik ke mahligai baginda, semayam di merong <sup>[8]</sup> peranginan dihadap siti dayang-dayang perwahara <sup>[9]</sup> mendera <sup>[10]</sup> berjawatan. Maka beraturlah segala gundik sultan datang menghadap baginda itu.

Sebermula akan Raja Mangkubumi pun menyuruhkan Bentara empat puluh orang pergi kepada segala raja-raja yang besar-besar kerajaan memining anak segala raja-raja akan jadi permaisuri semuanya dikahwini oleh baginda kerana baginda sangat hendak berputera itu.

Maka Bentara pun pergilah dengan segala orangnya dan membawa harta akan belanja segala anak raja itu dua puluh bahara <sup>[11]</sup> emas dan empat puluh bahara perak kepada seorang-seorang anak raja-raja itu. Maka tiadalah tersebut lagi perkataan.

Syahdan semuanya pun datanglah membawa anaknya kahwin dengan Baginda Sultan Muktabar Shah sekeliannya jadi isteri baginda.

Selang berapa lamanya, di atas kerajaan tiada juga berputera. Maka terlalu sangat masyghul, baginda disamar <sup>[12]</sup> akan dengan bergurau bersenda dengan segala isteri baginda yang empat puluh itu.

Maka titah sultan:

*“Ayuh, adinda permaisuri sekelian! Kekanda bilang diri weh <sup>[13]</sup>, jangan berpilu rasa adinda dengar. Mudahan abang kepada masa ketika*

ini seorang pun tiada lebih kurang, semuanya sama kepada hati kekanda abang. Pohonkan kepada tuan sekalian seorangpun jangan bermuram durjah <sup>[14]</sup>.

Dan janganlah tuan sekalian bersalah-salahan kerana daripada kekanda meninggalkan tuan kerana sediha <sup>[15]</sup> adat daripada purbakala adalah bagi kata orang tuha-tuha <sup>[16]</sup>, abang ini “**Bertuan banyak hamba seorang**”. Baharu hendak berjalan maka diserunya pulak oleh tuan seorang lagi. Baharu hendak pergi, maka datang pulak tuan seorang lagi berseru pulak, maka datang pulak tuan yang seorang lagi itupun memanggil pulak. Hatta dengan demikian hari pun malam suatu kerja pun tiada jadi. Abang pun demikianlah lagi.”

Maka segala isteri baginda pun tersenyum seraya tunduk seraya berkata:

“Adapun patik yang empat puluh ini adalah upama <sup>[17]</sup> seorang juga kepada hati patik ini, Tuanku.”

Sungguhpun segala para puteri itu berkata demikian itu sekadar di mulutnya juga yang kepada hatinya terlalu sakit rasanya.

Hanyalah Puteri Indera Suri juga yang berkata dengan benarnya. Syahdan mukanya pun manis berseri-seri gilang-gemilang cahaya mukanya. Yang lain daripadanya sungguhpun suka bercampur duka kerana sakit hatinya. Maka baginda pun tahulah akan hati segala isterinya.

Itulah selang berapa lamanya maka Puteri Indera Suri pun hamillah. Setelah baginda melihat isterinya hamil itu maka, Seri Sultan pun terlalu sukacitanya.

Syahdan bersatulah kasih sayang baginda kepada Puteri Indera Suri seperti mendapat bulan jatuh ke ribaan baginda dan seperti menatang minyak yang penuh dan seperti memangku puan manikam selaku-selaku

ditatang baginda di anak lidah. Demikianlah kasih sayang Seri Sultan akan adinda baginda itu.

Syahdan tiadalah baginda pergi kepada isteri baginda yang banyak. Dan segala gundik baginda itupun semuanya dibuangkannya dan dipulangkan kepada ibu bapaknya.

Syahdan segala isteri baginda pun disuruh antar<sup>[18]</sup> akan kembali ke negerinya. Maka semuanya pun menangis serta berkata:

*“Suatu pun tiada salah kita! Sampai hatinya datang rasanya membuang kita tiada berdosa. Semoga-moga anakmu itupun menjadi babi binatang haram zadah yang tiada harus dipelihara oleh segala manusia!”*

Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa Ta’ala segala sumpah dan doa segala anak raja-raja itupun dikabulkan Allah Subhanahu wa Ta’ala, Tuhan yang Maha Kuasa berlaku atas hambaNya.

Syahdan diceterakan oleh yang empunya cetera ini selang berapa lamanya permaisuri hamil itu tiada juga permaisuri berputera. Maka sampai kepada tujuh tahun lamanya. Maka Seri Sultan pun terlalu sangat masyghul melihat halnya permaisuri itu sangatlah sakitnya. Habis bulan membilang tahun pula, tiada juga berputera.

Maka Raja Besar pun menyuruh memanggil segala Ahli Nujum dan Biksu<sup>[19]</sup> dan Brahman yang sakti-sakti. Maka sekaliannya pun datanglah menghadap baginda itu. Maka titah Seri Sultan:

*“Hai Ahli Nujum Ketujuh<sup>[20]</sup> dan Brahman empat puluh! Lihatkan apalah kita apa juga sebabnya maka adinda Raja Permaisuri itu hamil sudah tujuh tahun tiada juga berputera.”*

Maka Ahli Nujum Ketujuh dengan segala Biksu Brahman pun semuanya sujud menyembah dengan takutnya melihat Baginda terlalu

sangat masyghul<sup>[21]</sup>, lakunya sangat pilu, durjahnya muram-muram bahasa, dan matanya belat-belat<sup>[22]</sup>, manis suaranya kusut-kusut bahasa, sekahnya<sup>[23]</sup> tiada banyak olah<sup>[24]</sup>, Dan keris baginda pun tidak tersisip lagi, sekadar dipangku oleh Nadim Bentara Sultan.

Maka segala ahli nujum pun membuka nujumnya dan membilang-bilang ramalnya. Ada yang membaca Vedam<sup>[25]</sup>nya. Masing-masing dengan pandainya.

Setelah sudah dilihatnya di dalam nujumnya maka semuanya pun menggerak-gerakkan kepalanya dan menggigit telunjuknya lalu sujud meniarap menyembah Baginda Seri Sultan. Seorang pun tiada berani berdatang sembah.

Maka titah Baginda:

*“Segeralah katakan seperti yang tuan hamba lihat itu. Janganlah ngeri-ngerian lagi. Wallahi! Tiada kita murkakan nujummu sekalian. Jika baik katakan baik, jika jahat katakan jahat.”*

Maka baharulah segala ahli nujum itu berkata:

*“Daulat Tuanku Girgayu! Jika dibunuh patik mati, jika digantung patik tinggi, jika dijualkan patik jauh, jika dipasung patik duduk di bawah Duli Yang Maha Mulia.*

*Adapun yang di dalam pemandangan hambamu yang hina sekalian ini, Tuanku, akan Paduka Adinda itu tiada akan mengapa, selamat sempurna juga, Tuanku.*

*Adapun akan Paduka Anakanda itu terlalu sangat besar tulah<sup>[26]</sup>nya kerana menanggung sumpah segala anak raja-raja yang empat puluh itu. Menjadi tiada boleh Yang Dipertuan memelihara Paduka Anakanda itu kerana sifatnya seperti babi Tuanku.”*

Maka baginda pun hairan seketika di dalam hatinya:

*“Segala para puteri anak segala raja yang ku suruh hantarkan*

kembali itulah gerangan menyumpah aku ini maka demikian halnya adinda permaisuri ini. Jika demikian baiklah aku suruh sambut <sup>[27]</sup> pulak ia ke mari.”

Maka titah baginda:

“Jika kita ambil kembali pulak segala anak raja-raja itu, adakah boleh putera kita itu menjadi manusia?”

Maka sembah Ahli Nujum Ketujuh itu:

“Daulat Tuanku! Yang di dalam nujum hamba yang papa ini tiadalah dapat lagi kembali menjadi manusia kerana sudah disebutkan oleh Tuhan Seru Sekalian Alam akan Paduka Anakanda itu menjadi babi dengan kerana sumpah segala anak raja-raja yang empat puluh itu, Tuanku.

Tetapi sudahlah dengan kudrat Allah Ta’ala. Janganlah Duli Yang Maha Mulia sangat bercinta <sup>[28]</sup> kerana Paduka Anakanda itu terlalu sangat besar tuahnya. Tiadalah dapat Yang Dipertuan memeliharakan dia, menjadi cilaka.”

Akan kata segala yang tiada berpendapatan <sup>[29]</sup>:

“Tuanku baiklah suruh panggil akan bidan empat puluh akan memeliharakan Paduka adinda itu kerana hampirlah akan selangannya <sup>[30]</sup> Raja Babi itu akan zahir ke dalam dunia ini. Segala bunga-bunganya pun semuanya sudah berkembang dan segala kayu-kayuan pun semuanya bertaruk <sup>[31]</sup> muda akan menyambut Paduka Anakanda.”

Maka baginda pun menitahkan Biduanda Kecil pergi mengambil bidan empat puluh suruh masuk semuanya bertunggu adinda Permaisuri sakit perutnya itu. Maka semua bidan pun semuanya masuk ke dalam mahligai bertunggu siang malam tiada kembali lagi.

Maka sampailah masanya Raja Babi akan jadi empat puluh hari lagi akan keluar, maka berbunyiilah lotong<sup>[32]</sup> di Seri Negeri memasang dirinya.

Syahdan Genta<sup>[33]</sup> Nuri Alam pun memukul dirinya. Syahdan melangsilah<sup>[34]</sup> bunyi Samping Cahaya<sup>[35]</sup> dan meragamlah bahana<sup>[36]</sup> dandi muri<sup>[37]</sup>. Maka disambutnya oleh Nagara<sup>[38]</sup> Kuning. Maka gendang nobat pun memalu dirinya.

Syahdan tunggul dan panji-panji alam kerajaan pun terkibar sendirinya dan “Alam Kidar”<sup>[39]</sup> pun menggoncang dirinya. Maka Gong Raya pun memukul dirinya.

Syahdan segala bunyi-bunyian pun semuanya berbunyiilah sendirinya terlalu gemuruh maha gempita bahananya lantas mengudara. Maka Cogan Alam Bergenta pun terdiri sendirinya.

Maka baginda pun terkejut, disangkanya dipalu orang juga. Lalu bertitah dengan murkanya:

*“Siapa memasang tanglung di gunung berapi dan siapakah yang gila memalu Nobat kita?!”*

Maka sembah Raja Mangkubumi:

*“Daulat Tuanku! Patik pun hairan pula akan diri patik. Semuanya itu berbunyi sendiri dirinya. Ya Tuanku, alamat apa gerangan ini?”*

Segala rakyat pun semuanya berkampung dengan segala senjatanya.

Maka sembah Nujum Ketujuh dan segala Biksu Brahman itu:

*“Janganlah Duli yang Maha Mulia terkejut. Itulah alamat Paduka Anakanda Raja Babi akan datang. Tuanku suruh akan Bentara berdiri empat puluh sebelah kanan dan empat puluh sebelah kiri*

mahligai ia Tuanku. Dan kembangkan payung iram-iram <sup>[40]</sup> kerajaan syahdan teraturlah pawai <sup>[41]</sup> alat seperti Yang Dipertuan akan berangkat supaya segera Paduka Adinda itu berputera, Tuanku!”

Maka Baginda pun menitahkan Raja Perdana Menteri mengatur alat yang sediakala dengan segeranya. Maka dengan sangat seketika berbarislah pawai raja di medan.

Syahdan gemuruhlah bunyi tempik sorak segala handai <sup>[42]</sup> dan johan yang perkasa. Maka berdirilah Nadim Bentara Sultan menyandang samasyar <sup>[43]</sup> kerajaan. Setelah sudah alat beratur maka Permaisuri pun berputeralah seekor babi tunggal terlalu hebat rupanya. Taringnya kuning seperti pisang masak.

Setelah dilihat oleh segala bidan akan rupa Raja Babi itu lalu dipersembahkan kepada baginda maka Sultan pun fikir di dalam hatinya:

*“Malang aku kepada raja-raja di dalam dunia ini. Segala raja-raja beranakkan manusia, aku juga beranak akan babi itu. Malu rasa ku pulak beranak akan binatang haram zadah.”*

Maka baginda pun bertitah menyuruh buangkan kepada Mangkubumi.

Maka Raja Mangkubumi pun menyembah lalu naik ke atas mahligai lalu disambutnya Raja Babi itu dengan hormat mulianya. Maka diselimutinya dengan kain Misri <sup>[44]</sup> yang merupakan emas lalu menyembah kepada Permaisuri, sembahnya:

*“Tuanku! Akan titah Paduka Kekanda menyuruh membuangkan Paduka anakanda ini kerana sembah segala ahli nujum yang tuha-tuha terlalu sangat besar puaknya jangan dipeliharaakanTuanku.”*

Maka Permaisuri pun menangis terlalu sangat. Katanya:

*“Aduh anakku! Nyawa bonda! Daripada bonda bercerai dengan*



tuan baiklah aku mati sekali-kali! Syahdan buanglah sanda <sup>[45]</sup>  
bersama-sama dengan anak sanda itu. Jika Baginda malu berputerakan  
tuan biarlah bonda bersama-sama dengan tuan!”

Maka sembah Perdana Menteri:

“Janganlah Tuanku soalkan Paduka Kekanda itu kerana baginda  
menurut kata ahli nujum menyuruh membuang ke hutan yang besar  
kalau ada juga gerangan faedahnya tuanku.”

Maka Raja Babi pun berpantun, katanya:

Ambil khundi <sup>[46]</sup> parangkan kandis,  
Gulai belanak buang siripnya,  
Ayuh bonda jangan menangis,  
Anak dibawak untung nasibnya.

Sakitnya lembu beranakan kambing,  
Merimin <sup>[47]</sup> kaki dulang,  
Sakitnya ibu beranakan kami,  
Meramaikan kampung orang.

“Janganlah bonda sangat bercinta. Tidakkah bonda malu  
berputerakan patik binatang haram zadah? Jangankan di dalam istana  
baginda, jika di bawah rumah segala rakyat pun tidak harus patik  
ditaruh akan Duli Tuanku.

Hai, Memanda Raja Mangkubumi dan Perdana Menteri!  
Segeralah bawak sanda keluar dari dalam negeri ini! Syahdan  
buangkanlah kami ke dalam hutan yang besar dan hantarkanlah kami ke  
padang yang maha luas. Di sanalah tempat babi semayam samanya  
babi.”

Maka Raja Mangkubumi dengan Perdana Menteri pun hairanlah

melihat babi pandai berkata-kata memberi belas dan pilu rasa hatinya. Maka keduanya raja itu pun menangis lalu bermohon keluar seraya mendukung Raja Babi lalu naik ke atas gajah. Baginda Sultan duduk di bawah payung iramiram kerajaan.

Syahdan berbarislah segala pawai raja-raja kiri kanan. Maka berangkatlah Raja Babi keluar kota dengan segala bunyi-bunyian pelbagai ragam bahananya dengan sorak tempiknya betapa adat sultan berangkat lalu masuk ke dalam hutan yang besar.

Berapa hari lamanya berjalan itu, maka sampailah kepada hutan yang tidak sampai manusia ke sana. Maka di sanalah Raja Babi diletakkannya oleh Mangkubumi di atas pupus jantan <sup>[48]</sup>. Katanya:

*“Tinggallah Tuanku Mahkota Memanda. Mogamoga selamat sempurna juga Tuanku kembali ke negeri Tebing Berukir jadi sultan di Gunung Berapi dan menjadi khalifah di Rantau Panjang dihadap segala raja-raja syahdan disembah oleh segala menteri dan hulubalang, bala tentera yang berlok-lok kati bejana, lasykar seperti daun kayu dan hutan.*

*Janganlah Tuanku terlali di bandar orang. Janganlah Duli termasa <sup>[49]</sup> di gunung raja. Janganlah Mahkota lali <sup>[50]</sup> di padang dewa. Tidakkah belas memandang ayahanda bonda daripada sangat harapnya akan Tuanku, maka baginda menurut pengajar segala ahli nujum sekalian Tuanku!”*

Maka Raja Babi pun tersenyum. Maka kelihatanlah taringnya seperti pisang emas yang masak rupanya. Maka Mangkubumi pun ngeri-neri bahasa rasanya, lalu ia menoleh kepada Perdana Menteri, dilihatnya sudah undur jauh berjalan akan belakangnya dahulu. Maka Raja Mangkubumi pun sujud menyembah Raja Babi, maka titah Raja Babi:

*“Hai, Memanda! Katakan sembah sukacita kita ke bawah Duli ayahanda laki isteri. Segera juga beta menghadap baginda. Itupun lamun*

[51] lagi ada hayatnya Babi di dalam alam dunia ini, datang juga beta menghadap Duli Ayahanda dan Bonda.

*Kembalilah, Memanda! Seorang pun jangan bertinggalan!”*

Maka Raja Mangkubumi pun menyembah lalu kembali dengan airmatanya belas melihat putera baginda tinggal dengan seorang dirinya.

Setelah ia sampai ke negeri lalu masuk menghadap Baginda laki isteri persembahkan segala kata Raja Babi itu, maka baginda kedua laki isteri pun menangis seraya bertitah:

*“Semoga-moga selamat sempurna dipelihara Allah juga kiranya anak babi aku tuan.”*

Sebermula, akan Raja Babi pun berjalanlah di dalam hutan itu. Maka ia pun bertemulah dengan Raja Babi Hutan. Terlalu banyak bala tentera babi beribu-ribu kawannya. Maka Raja Babi pun melompat lalu masuk ke dalam kawan babi yang banyak itu berjalan.

Setelah sampai kepada Rajanya, setelah dekat maka lalu ditempuhnya, lalu ia melompat maka diterajangkannya. Maka Raja Babi Hutan pun terkejut merasai sakit itu. Lalu ditangkap dan digigitnya. Maka bergomollah Raja Babi kedua itu bertangkap di dalam hutan itu.

Syahdan habislah segala kayu-kayuan itu patah-patah ditempuhnya bergomol dan bergigit. Dan bumi pun gempa, dan hutan pun bergerak, dan segala tentera babi pun semuanya gemparlah melihat Rajanya berperang. Sama segera itu, hendak pun ditolongnya tiada berani dekat. Sekalian pun terlompat-lompat dan terlari-lari tempuh-menempuh sama sendirinya babi. Terlalu hazmat [52] bahana suaranya segala tentera babi itu.

Maka Raja Babi Hutan pun tewaslah [53] lalu ia lari. Maka dihusirnya [54] juga oleh Raja Babi sampai ke padang yang maha luas.

Maka di padang itulah Raja Babi Hutan itu bertahan melawan pulak, lagi bertangkap dan bergomol sama. Rebah bangun pulak, undur-undur mara pulak, lagi sama berdiri berkaki dua.

Syahdan ekornya pun sama terkutik-kutik dan mulutnya pun sama ternganga-nganga dan taringnya pun sama kuning seperti pisang emas yang masak dan telinganya pun sama terdiri dan kepalanya pun sama tergeleng-geleng dan tersenget-senget dan sama mengeram-ngeram dan menderu bahananya seperti tagar<sup>[55]</sup> yang tiada berputusan lagi.

Syahdan padang itu pun bergempalah seperti akan karamlah rasanya. Syahdan terkejutlah Tuan Puteri di Pucuk Puding Emas<sup>[56]</sup> yang diam bertapa sama tengah padang yang maha luas itu. Maka Tuan Puteri pun berdiri di atas tangkai Puding Emas itu, maka dilihatnya babi terlalu banyak selaku-laku akan penuhlah padang itu dengan tentera babi semuanya. Ada yang menyungkur tanah, ada yang melompat-lompat, ada yang berlari-lari bertimpa-timpa. Masing-masing dengan lakunya dan gemuruh dengan bahana suaranya.

Maka dilihat oleh Tuan Puteri dua ekor babi bertangkap<sup>[57]</sup> terlalu hebat rupanya dan sikapnya seperti singa yang galak.

Syahdan babi yang kecil-kecil itulah yang terlalu sangat buasnya seperti akan lenyap<sup>[58]</sup>. Rupanya gilang-gemilang cahaya, bulunya kilau-kilauan, warnanya seperti gemala<sup>[59]</sup> tujuh bagai rupanya. Syahdan memakai gelang kaki tangannya, lehernya bergelang akan manikam tujuh belit, tujuh warnanya.

Maka tahulah Tuan Puteri akan babi itulah putera Seri Sultan Muktabar Shah.

Maka Tuan Puteri di Pucuk Puding pun berseru-seru dengan melaung suaranya. Demikian titah Tuan Puteri:

*“Hai, anakku tuan, Raja Indera Brahmakala! Janganlah*

*anakanda bergomol dengan babi hutan binatang haram zadah itu! Hai, anakku tuan, ambillah kesaktian bonda akan senjata anakanda.”*

Adapun Tuan Puteri di Pucuk Puding berseru-seru itu dengan nyaring suaranya dan tangannya pun dilambai-lambaikannya kepada Raja Babi. Syahdan kakinya pun direntak-rentakkannya di tangkai Puding Emas itu, seperti akan patahlah rupanya tangkai puding itu, maka tiada juga dijabar <sup>[60]</sup> akan oleh Raja Babi. Bertangkap juga ia.

Tiga hari tiga malam babi berperang di padang luas itu. Maka segala rumput yang tumbuh itupun habislah berterbangan seperti kawan katu-katu <sup>[61]</sup>, dan segala pasirnya habislah berhamburan naik ke udara.

Maka Tuan Puteri pun berseru-seru juga. Malah parau dengan suaranya dan sakitlah dengan dadanya ditampar-tamparnya sambil berseru-seru itu dan terlonjak-lonjak di pucuk puding seraya menyingsing-nyingsing kain bajunya dan melela-lelakan <sup>[62]</sup> parang putingnya seraya berseru-seru pulak katanya:

*“Hai, Raja Indera Brahmakala <sup>[63]</sup>! Ambillah parang kesaktian bonda ini! Syahdan sebarang kehendak tuan dapat dikerjakannya!”*

Maka lalu dilontarkan oleh Tuan Puteri. Parang Puting itu pun jatuh ke tangan Raja Babi lalu ditetakkannya kepada kepala babi hutan itu belah dua, maka ia pun matilah.

Segala babi yang banyak-banyak pun larilah masuk hutan rimba. Ada yang mati diparang oleh Raja Babi dengan parang itu.

Setelah sudah habis babi yang banyak lari, ada yang mati, maka Raja Babi pun berjalan ke taman Tuan Puteri di Pucuk Puding. Baharu ia hendak turun mandi maka datanglah Tuan Puteri di Pucuk Puding berseru-seru katanya:

*“Jangan anakku turun ke dalam kolam itu kerana tubuh tuan penuh dengan darah babi hutan itu. Biarlah bonda sirami tuan di Balai*

*Gading ini.”*

Maka Raja Babi pun melompat duduk di Balai Gading itu. <sup>[64]</sup>  
Syahdan maka Tuan Puteri pun segera mengambil daun puding itu sehelai diperbuatnya timba lalu divedokkannya air kolam itu lalu mandikannya Raja Babi dengan air mawar dan dilulurnya dengan ambar dan kasturi.

Setelah sudah maka dibawanya kembali ke Pucuk Puding, diperjamunya santap segala nikmat yang jati <sup>[65]</sup> rasanya. Maka duduklah Raja Babi di Pucuk Puding dipelihara oleh Tuan Puteri terlalu sangat kasih dan sayang.

Selang berapa antaranya maka kata Raja Babi:

*“Apalah sudahnya sanda diam di padang luas ini menyusahkan bonda dengan bermasak makanan juga sehari-hari. Syahdan kepada hari inilah sanda bermohon hendak bermain melihat termasa di negeri orang.”*

Maka Tuan Puteri pun menangis, katanya:

*“Apatah daya bonda lagi. Pergilah, tuan. Moga-moga selamat sempurna segera kembali ke bumi putera sendiri, jadi raja agung alam. Jikalau ada sakit sukar tuan, tuan citalah <sup>[66]</sup> Si Parang Puting namanya. Itulah memberi bonda akan tuan.”*

Maka kata Raja Babi:

*“Baiklah, bonda. Yang kasih sayang bonda itu tiada akan terbalas lagi kerana sanda babi binatang haram zadah tidak tahu membalas kasih orang berbuat jahat jadi baik.”*

Maka Tuan Puteri di Pucuk Puding pun bersenyum katanya:

*“Hampirlah tuan akan kembali pada asal sediakala. Masanya akan jadi binatang juga selamanya? Tuanlah raja yang berdaulat disembah segala raja-raja sekalian.”*

Maka dia ajarnya tipuan berperang dengan segala binatang,

berperang dengan segala jin dan peri dan dewa mambang. Syahdan diajarnya pelbagai tipuan <sup>[67]</sup> lelaki yang pahlawan.

Maka Raja Babi pun bermohonlah lalu ia berjalan keluar ke <sup>[68]</sup> padang yang luas seraya menoleh-noleh ke pohon puding emas itu. Dilihatnya Tuan Puteri ada berdiri <sup>[69]</sup> mengintai-ngintai melihat dia.

Setelah jauhlah tiada kelihatan lagi maka Raja Babi pun baharulah benar berjalan masuk hutan terbit hutan beberapa melalui bukit dan gunung yang tinggi-tinggi dinaikinya.

Syahdan berapa-berapa rimba raya yang semak-semak di jalan-jalannya dan beberapa gua <sup>[70]</sup> yang besar dimasukinya melihat akan kekayaan Allah, Tuhan Seru Sekalian Alam. Terlalu indah-indah <sup>[71]</sup> dilihatnya. Maka Raja Babi pun mengucap syukur akan kurnia Tuhan Yang Maha Kuasa berlaku atas hambaNya. Maka Raja Babi pun berasa arap <sup>[72]</sup> matanya lalu ia tidur di bawah kayu besar hampir gua batu.

Sebermula maka datanglah seorang jin, Kilat Angkasa namanya. Setelah ia melihat rupa anak babi itu terlalu indah-indah rupanya tidur di bawah kayu itu, maka kata jin itu:

*“Lain sekali rupanya babi ini. Seperti gemala tujuh warnanya. Patut sekali akan permainan raja-raja. Baiklah aku ambil kupersembahkan kepada Tuan Puteri alangkah sukanya. Dan aku pun diberinya segera yang indah-indah.”*

Setelah sudah ia fikir itu lalu disambarnya Raja Babi itu lalu diterbangkannya ke Negeri Syaharastan Yunan, lalu ke Padang Berantah Cahaya.

Setelah ia sampai ke mahligai Tuan Puteri Indera Kemala, maka iapun turunlah mendapatkan Johan Shah Adi. Ialah penghulu sambang <sup>[73]</sup> mahligai Tuan Puteri Indera Kemala itu.

Maka kata Johan Shah Adi:

*“Dari mana adinda datang ini? Syahdan bersambang tiada kira<sup>[74]</sup>, sentiasa gila-gila dengan bermain juga kerjanya. Baiknya tiada suatu peri berlaku<sup>[75]</sup> tinggal ini.”*

Maka Kilat Angkasa pun tertawa serta katanya:

*“Kekanda yang duduk itu apa yang kekanda<sup>[76]</sup> peroleh? Boleh makan dengan tidur inilah kerja abang. Akan sanda pergi berjalan-jalan boleh juga suatu<sup>[77]</sup> rupanya.”*

Maka Johan Pahlawan pun datang lalu dibukanya kendongan Kilat Angkasa seraya<sup>[78]</sup> berkata:

*“Apa juga yang dikendongan ini?”*

Maka dilihatnya anak babi tidur berlanggah<sup>[79]</sup>. Maka Johan Pahlawan pun terkejut katanya:

*“Apalah gunanya anak babi itu maka dikendong seperti anak kucing diperbuatnya. Sama aja orang tidak berguna ia ini.”*

Maka kata Johan Shah:

*“Ada ia kita buka juga kita lihat kalau-kalau anak pelanduk juga.”*

Maka Kilat Angkasa pun meletakkan<sup>[80]</sup> Raja Babi itu di atas hampan medan itu sambil berkata:

*“Sebab pun sanda ambil ini kerana rupanya terlalu indah-indah tidak seperti babi yang banyak-banyak itu. Entah pun rajanya gerangan ini.”*

Maka ramailah segala johan pahlawan yang di bawah mahligai itu datang melihat Raja Babi itu. Semuanya ngeri dan takut melihat matanya merah bercahaya-cahaya seperti manikam dan bulunya seperti kemala tujuh warnanya.



Maka Raja Babi pun mengajakkan dirinya dengan lemah-lembut lakunya.

Sebermula akan Tuan Puteri Indera Kemala pun ada melihat dari atas mahligai dengan segala dayang-dayang isi mahligai itu. Maka kata Inangda <sup>[81]</sup>:

*“Moleknya anak babi itu, Tuanku! Suruhlah mintak kita peliharakan.”*

Maka titah Tuan Puteri:

*“Apalah gunanya binatang hutan?! Kalau-kalau kita digigitnya!”*

Maka sembah Dang Raya Rani:

*“Kecil sangat, Tuanku! Belum lagi bergigi. Sedang harimau lagi dipeliharakan oleh Paduka Tuanku.”*

Maka titah Tuan Puteri:

*“Jika demikian pergilah diri mintak kepada Kilat Angkasa itu!”*

Maka Dang Raya Rani pun segeralah turun ke bawah mahligai itu menyampaikan titah Tuan Puteri mintak anak babi itu. Maka kata johan pahlawan:

*“Jika Tuan Puteri hendak bermainkan babi, bubuh rantai lehernya dahulu!”*

Maka Kilat Angkasa pun segera membubuh rantai emas kepada leher Raja Babi itu. Setelah sudah, maka katanya:

*“Ambillah, dayang! Katakan sembah kami ke bawah Duli Tuan Puteri.”*

Maka disambut oleh Dang Raya Rani lalu bawa naik ke mahligai. Setelah datang lalu diletakkannya di hadapan Tuan Puteri seraya menyembah, sembahnya:

*“Jinak sangat, Tuanku.”*

Maka segala dayang-dayang pun datanglah ramai dekat Raja Babi itu. Disapu-sapunya belakang Raja Babi itu. Maka titah Tuan Puteri:

*“Beraninya diri menyapu-nyapu..! Kami ngeri rasanya!”*<sup>[82]</sup>

Tuan Puteri undur sedikit.

Raja Babi pun terlali seketika memandang parasnya Tuan Puteri itu. Di dalam hatinya:

*“Baik sangat paras puteri ini! Patutlah maka mahligainya ditunggu oleh segala dayang-dayang dan pahlawan! Putera raja mana gerangan ini. Entah pun jin, entah pun peri. Siapa tahu?! Maka rupanya terlalu elok mejelis*<sup>[83]</sup>*”.*

*Syahdan aku pun diterbangkan oleh hulubalangnya maka aku sampai ke mari sudahlah dengan takdir Allah berlaku ke atas hambaNya.”*

Setelah itu segala Inangda pun datang membawa nikmat katanya:

*“Maukah diri makan?”*

Maka lalu suapkan ke mulut Raja Babi.

Maka ia pun berpaling lalu berjalan menyusur dinding mahligai itu dan kepalanya terangguk-angguk dan ekornya pun terkutik-kutik dan mulutnya pun termuncung-muncung menuju tempat Tuan Puteri duduk itu.

Maka Tuan Puteri Indera Kemala pun undurlah sambil ia berkata:

*“Inangda! Pegangkan rantainya maka jangan diberi sampai ke mari!”*

Seraya dikibas-kibasnya oleh Tuan Puteri dengan punca sabinya<sup>[84]</sup>. Maka gemerincinglah bunyi rantai manikam dan gemerlapanlah rupa awan<sup>[85]</sup> badannya.

Maka segala dayang pun suka tertawa-tawa terlalu ramai. Maka lalu diambil oleh Inangda seraya berkata:

*“Ayuh, Raja Babiku tuan! Ayuh, Raja Babiku nyawa! Marilah*

*tuan sini, janganlah tuan mengusik Tuan Puteri kerana ia lagi ngeri-ngerian takutkan tuan.”*

Lalu disapunya belakang Raja Babi. Ia pun pura-pura batuk lalu ia berdehem-dehem. Maka kata Dang Sundari <sup>[86]</sup>:

*“Lain sekali suaranya! Seperti suara orang pula dia!”*

Maka sahut Inangda:

*“Apatah akan lainnya dengan kita. Sama juga dijadikan Dewata Mulia Raya <sup>[87]</sup>!”*

Maka Raja Babi pun berpantun. Demikian bunyinya:

*“Anak babi menyeberang sungai,  
Seberang tali ditalikan,*

*Tabik sahaya rendah rembunai <sup>[88]</sup>,  
Sebarang nyanyi sahaya nyanyikan.”*

Maka semuanya pun terkejut menampar-nampar dadanya seraya berkata:

*“Pandai berpantun pula! Babi apakah gerangan ini?!”*

Maka sahut Raja Babi:

*“Kami dipelihara oleh Tuan Puteri di Pucuk Puding yang diam bertapa di Padang Luas. Syahdan ialah mengajar kami berkata-kata ini.”*

Maka kata Inangda:

*“Patutlah maka pandai berkata <sup>[89]</sup> kerana Tuan Puteri itu konon terlalu saktinya. Entah akan datang ia ke mari mengambil diri.”*

Maka sahut Raja Babi:

*“Apa kerjanya ke mari kerana sanda sudah bermohon pergi bermain melihat termasa negeri orang. Berapa lamanya kami berjalan*

*maka kami tidur di bawah pohon kayu besar, Kilat Angkasa pun datang lalu disambarnya kami diterbangkannya ke mari. Syahdan apakah nama negeri ini? Ceriterakan apalah kami dengar.”*

Maka kata Inangda:

*“Inilah negeri Syahrastan Yunan. Akan nama rajanya Tahir Johan Shah. Bagindalah raja Jin Islam.*

*Adapun Tuan Puteri ini dua bersaudara. Yang tuha lelaki bernama Raja Nobat Lela Indera. Syahdan akan Tuan Puteri ini pun sudah bertunangan dengan Raja di Gua Persunggi Alam yang bernama Seri Sultan Alam Shah Dewa hampirlah akan kahwin.”*

Maka Raja Babi pun tertawa. Syahdan kelihatanlah giginya seperti delima merekah, taringnya kuning seperti pisang emas yang masak. Maka segala yang melihat itupun terkejut ngeri-ngeri bahasa. Maka Tuan Puteri pun berpaling seraya bertitah:

*“Takut pulak kami rasanya.”*

Maka Raja Babi pun berpantun, demikian bunyinya:

*“Jika terpangku surat kiriman,  
Gemparlah orang isi negeri,  
Jikalau Tuanku raja budiman,  
Gentarkan apa pulak lagi?”*

*Sungguhpun patik bersifat babi, bukan sanda binatang hutan. Patik pun putera raja bernobat. Apatah daya dengan budi sudahlah nasib untung badan sanda seorang menjadi sifat serupa babi. Perinya badan tidak beruntung, perinya jiwa tidak berdaulat.”*

Maka titah Tuan Puteri:

*“Kami ngeri melihat taring diri itu terlalu tajam. Syahdan janganlah diri tertawa.”*

Maka segala dayang-dayang pun semuanya berkata:

*“Sungguhlah seperti titah Tuanku itu. Sayangnya bertaring pulak. Menjadi ngeri pulak rasanya patik sekalian.”*

Maka kata Raja Babi:

*“Sungguhpun sanda bertaring panjang, tiada babi makan orang. Apa yang ditakutkan? Sahaja diri sekalian itu mengada-ngada. Oleh tiada diboleh seperti kehendak diri itu berbalik bosan pula rasa kalbuku.”*

Maka ramailah segala dayang-dayang itu tertawa. Maka kata Inangda:

*“Ayuh, anakanda Raja Babiku tuan! Marilah tuan sini kepada bonda!”*

Maka Raja Babi pun datang dekat Inangda lalu ia rebah berguling di paha Inangda. Maka kata Inangda:

*“Manja sangat anak babiku tuan berdaulat. Molek bonda biarlah bonda ulitkan. Beradulah tuan centaka <sup>[90]</sup> mejelis bonda.”*

Maka kata Dang Raya Rani:

*“Sungguhpun mulut muncung, akan manisnya juga. Sungguhpun kaki pandak <sup>[91]</sup>, akan moleknya juga. Berdaulat anakanda bangsawan bonda.”*

Maka segala biduan pun tertawa katanya:

*“Pandai diri menimang anak babiku tuan. Yang molek, dinak <sup>[92]</sup> pandak, lagi berusul <sup>[93]</sup>, sedap manis penglipurlara, memberi berahi segala mendera.”*

Maka titah Tuan Puteri:

*“Kalau lapar gerangan ia itu, baik juga diberi makan. Jangan dibujuk ditimang-timang juga.”*

Maka kata Raja Babi:

*“Tiada tuanku patik lapar. Akan pesan bonda patik Tuan Puteri*

di Pucuk Puding, 'Janganlah makan sebarangbarang bagi, jika tidak dengan seperti adat kerajaan'."

Maka Tuan Puteri pun tersenyum dan segala dayang-dayang pun suka tertawa. Maka kata Dang Raya Rani:

*"Biarlah kami menjawat <sup>[94]</sup> air."*

Maka sahut Dang Cendera Maya Dini:

*"Biarlah kami memangku nasi persantapan."*

Maka kata Inangda:

*"Pergilah diri ambil hidangan bawak ke mari!"*

Maka Dang Raya Rani pun segera mengambil sebuah tabak <sup>[95]</sup>, maka diisinya nasi dan gulai dengan sepertinya.

Setelah sudah, maka dibawa oranglah ke hadapan Raja Babi itu. Syahdan beraturlah siti dayang-dayang berjawatan duduk menghadap Raja Babi sambil ia tertawa-tawa dan mengilai. Maka titah Tuan Puteri:

*"Makanlah engkau jangan berlapar. Kalau mati kebuluran."*

Maka Raja Babi pun bangun duduk seraya berkata:

*"Sayang juga tuan akan hambanya mati lapar. Jikalau Tuanku sudah bersuami kelak, lupalah akan patik. Matilah babi kelaparan."*

Maka kata Inangda:

*"Makanlah, tuan! Jangan berbanyak jera <sup>[96]</sup>. Masakan Tuan Puteri lupakan tuan!"*

Maka Raja Babi pun berpantun katanya:

*"Ditarik papan disorong papan,  
Buah keranji di dalam perahu,  
Disuruh makan babi makan,  
Disuruh mengaji babi tak tahu."*

*Sang Sina pergi mendukut <sup>[97]</sup>,  
Sang Sumbu pergi menyanding,  
Adakah singa makan rumput,  
Adakah lembu makan daging?”*

Inangda pun suka tertawa, katanya:

*“Benarlah seperti pantun tuan itu! Kerana makanan babi itu  
bubur keladi dan kelemoyang <sup>[98]</sup>. Akan tuan ini diadatkan seperti raja-  
raja yang besar daripada kasih Tuan Puteri dan sayang akan diri lapar.”*

Maka Raja Babi pun santaplah seraya menoleh kepada Tuan Puteri katanya:

*“Marilah Tuanku santap! Janganlah duduk mengadap patik  
makan ini seperti siti dayang-dayang selaku mendera yang berjawatan.”*

Maka titah Tuan Puteri:

*“Sampailah engkau binatang hutan pandai berkata, akan ertinya  
engkau tiada tahu! Patutkah aku diajak makan?!”* sambil ditamparnya  
belakang Raja Babi.

Maka segala dayang-dayang pun beramailah tertawa.

Maka Raja Babi pun sudahlah ia makan lalu undur duduk ke  
hadapan Tuan Puteri seraya berpantun:

*“Buah Tanjung masaknya rendah,  
Serasa <sup>[99]</sup> dimakan dikulum-kulum,  
Menjunjung kurnia patik nan sudah,  
Persembahkan jasa juga patik belum.*

*Ramunia masak di hujung,  
Buah kundur dikerabu,  
Kurnia patik junjung,*

*Hendak tidur ke dalam kelambu.”*

Maka dilontar oleh Tuan Puteri dengan sirih gigitnya, maka segera dimakannya oleh Raja Babi. Maka kata Dang Sundari:

*“Dimakannya pulak sirih gigitan Tuanku itu!”*

Maka sahut Dang Raya Rani:

*“Babi sondol! Barang lakunya dengan Tuan Puteri itu seperti isterinya. Benci pulak hatiku melihat lakunya!”*

Maka Tuan Puteri pun tersenyum katanya:

*“Babi si kutuk ini, jangan engkau kemari dekat aku!”*

Lalu ditolakkannya. Maka Raja Babi pun undur sedikit, katanya:

*“Jika Tuanku bersuami kelak Tuan tolakkan seperti patik inikah juga diperbuatkan?”*

Maka Tuan Puteri pun berpaling. Dijelangnya dengan ekor matanya seraya bertitah:

*“Janganlah engkau banyak kata! Benci aku mendengarnya. Pandai mengejek kita juga. Sampailah ia babi si kutuk tidak tahu akan diri binatang hutan!”*

Maka kata Raja Babi:

*“Daripada patik babilah maka berani berkatakata dengan Tuanku, tunangan Raja yang Agung Alam, Khalifah di Gua Persunggi <sup>[100]</sup> Alam. Entahkan bagaimana gerangan sifatnya. Akan khabarnya konon bergading lagi belalai, telinganya lebar seperti badak.”*

Maka segala dayang-dayang pun suka tertawa. Tuan Puteri pun turut tersenyum.



Alkisah datanglah kepada hikayat Raja di Gua Persunggi Alam, Seri Sultan Alam Syah Dewa.

Setelah sampailah bagai janjinya dengan Raja Tahir Johan Syah akan kahwin dengan Tuan Puteri Indera Kemala, maka ia pun menyuruh menyambut kekanda baginda di Gua Kemala Naga yang bernama Kobat Sikandar<sup>[101]</sup> Raja Alam dan Khalifah Raja Bangkahulu yang bernama Sikandar Muda dan Raja di Jumjuma Meleleh yang bernama Sutan Perkasa Perdana Alam.

Maka ketiganya pun datanglah dengan segala anak isterinya dan segala menteri hulubalang, rakyat bala tenteranya sekalian.

Maka Seri Sultan Alam Syah Dewa pun berangkatlah Baginda Keempat Bersaudara ke negeri Syaharastan Yunan dengan segala kelengkapan akan kahwin itu.

Setelah berapa antaranya, maka sampailah ke Padang Berantah Cahaya. Setelah tampaklah mercu mahligai Tuan Puteri Indera Gemala maka berhentilah segala tentera Raja Keempat Bersaudara itu membentang khemah terlalu ramainya.

Sebermula maka segala dayang-dayang dan isi mahligai pun gemparlah melihat rakyat banyak datang itu berpasuk-pasukan dan berlok-lok rupanya tenteranya. Syahdan mungkur<sup>[102]</sup> kaca pun ada terlayang-layang empat buah, dan rata<sup>[103]</sup> pun banyak dihela oleh gajah dan kuda. Syahdan payung pun banyak berkembang dan tunggul pun banyak berkibaran dan cogan pun banyak yang terdiri.

Maka kata Inangda:

*“Seri Sultan Alam Syah Dewa gerangan yang datang itu. Bangatlah<sup>[104]</sup> kita bertuan lagi.”*

Maka Raja Babi pun segera melompat lalu menari berkaki dua serta melambai-lambaikan tangan dan melenggokkan lehernya seraya meliuk-liukkan punggungnya dan merentak-rentakkan kakinya dan memetik-metik kukunya lalu berpantun. Demikian bunyinya:

*“Kecapi ditala biduan mabuk,  
Kain dipintal akan benang,  
Api bernyala di dalam lubang,  
Inikan bermain di tengah padang,  
Encik weh, fikir-fikirkan diri.”* [105]

*Tanam kacang di dalam gedung,  
Panjang sejengkal dicabutnya,  
Baik-baik bermain ular tedung,  
Salah sedikit dipagutnya.*

Maka kata Inangda:

*“Apakah yang suka ini berpantun dan bersuka tertari-tari? Apakah yang didapat ini, maka sangat termasa ini menunjukkan lela kepada bonda orang tuha hampirkan mati?”*

Maka segala dayang-dayang pun suka tertawa katanya:

*“Menarilah, Raja Babi! Berkenan kami melihat diri menari itu. Sayangnya diri serupa babi. Jika bagai rupa manusia gerangan diri, sahaja kami ambil akan laki kami.”*

Maka Raja Babi pun berdehem-dehem seraya berkata:

*“Kursemangat badan aku tuan! Mohonlah babi beristerikan dayang-dayang. Jika tidak bagai sifatnya, remuklah badan bertapa ganti susu. Jikalau tidak bagai parasnya, remuklah babi bertapa jadi Bksu Brahman menjadi ajar-ajar gunung.”*

Maka kata Dang Raya Rani:

*“Moga inilah yang tiada mau akan aku. Syahdan aku palingkan kainku ke belakang.”*

Maka kata Dang Lela Ratna:

*“Jikalau sebanjar sifatnya babi, mulut muncung lutut pandak, ekormu terkutik-kutik seperti jambul budak itu aku pun tidak ingin berlaki akan engkau itu. Biarlah badan mati beragan.”*

Maka Raja Babi pun mengiyai <sup>[106]</sup> seraya terbatuk-batuk. Katanya:

*“Jika laki bermata dua syahdan dadanya pun bertanduk dua juga orang itu. Tiada diingin akan aku bersempelah berjalan berkaki dua.”*

Maka segala isinya mahligai pun suka tertawa dan Tuan Puteri pun tersenyum mendengar babi berbantah dengan segala dayang-dayang itu. Maka kata Raja Babi:

*“Lihatlah laku Tuan Puteri itu. Suka tersenyumsenyum melihat tunangannya datang hendak kahwin, berarak lagi berusung. Sukanya gerangan Tuanku ini.”*

Maka Tuan Puteri pun masam mukanya seraya ditamparnya mulut Raja Babi serta berkata:

*“Kita pulak dikata lebih kurang! Sayangnya engkau, jika manusia gerangan diri, sama aja aku bunuh, maka baik hatiku ini!”*

Maka Raja Babi pun berpantun. Demikian bunyinya:

*“Gulai-gulai remis <sup>[107]</sup>,  
Senduk di belanga,  
Pura-pura bengis,  
Peluk lama-lama..”*

Maka Tuan Puteri pun tersenyum pula. Maka segala dayang-dayang pun ramai ia tertawa-tawa.

Syahdan selamanya Raja Babi duduk di mahligai itu siang malam, segala dayang-dayang suka bermainkan babi. Lebih-lebih Tuan Puteri yang sangat suka bergurau dan bersenda. Maka Raja Babi pun melompat naik ke peraduan Tuan Puteri lalu ia duduk di atas bantal *Sorga Cahaya*. Katanya:

*“Kami hendak tidur dahulu sekarang!”*

*Kita hendak pergi menghadap Seri Sultan Alam Shah Dewa itu, apakah yang hendak Tuanku kirimkan Paduka Kekanda itu biarlah patik bawakkan sekarang.”*

Maka Tuan Puteri pun segera naik ke peraduan, katanya:

*“Si cilaka ini tiada lain tempatnya tidur! Di atas bantal kita itu juga yang digomolinya!”*

Lalu ditarik akan oleh Tuan Puteri telinganya Raja Babi itu. Bergerak pun ia tiada. Memberatkan dirinya.

Maka Tuan Puteri pun berseru-seru akan Inangda katanya:

*“Bonda! Ambil anakmu ini! Habislah bantal kita rubah-rubah tempatnya. Berguling-guling seperti laku babi berkubang!”*

Maka Inangda pun datanglah. Katanya:

*“Marilah Tuan Putera bonda beradu ke tempat bonda!”*

Lalu disambutnya Raja Babi dibawa kembali ke peraduannya. Maka kata Raja Babi:

*“Bonda! Beta hendak pergilah dari sini kerana Tuan Puteri murka akan kami. Tinggallah bonda baik-baik.”*

Maka kata Inangda:

*“Janganlah tuan pergi kerana Tuan Puteri sangat kasih akan tuan. Sungguhpun lakunya murka, hatinya kasih juga akan tuan.”*

Maka Raja Babi pun diamlah.

Setelah hari malam, segala dayang-dayang pun habislah tidur

semuanya, maka Raja Babi pun turunlah dari mahligai itu, maka dilihatnya segala johan pahlawan yang berkawal itu semuanya pun sudah tidur. Maka Raja Babi pun berjalanlah menuju kepada khemah Raja di Gua Persunggi Alam seraya dicitanya Si Parang Puting.

Syahdan maka Parang Puting pun datanglah, katanya:

*“Apa kerja Tuanku memanggil patik ini?”*

Maka titah Raja Babi:

*“Sebabpun kami memanggil diri ini kerana kami hendak mengalahkan Raja di Gua Persunggi Alam itu kerana rakyatnya terlalu banyaknya.”*

Maka kata Si Parang Puting:

*“Endahkan apalah rakyat sekalian ini! Tambahi tujuh kebun lagi tiada patik gentarkan Tuanku!”*

*Syahdan Tuanku citalah negeri sebuah dengan kota perutnya dan istana balainya dan rakyat bala tenteranya supaya datanglah anak raja empat bersaudara.*

*Yang tuha bernama Degar Kilat, yang tengah Shamsu namanya, yang muda Shamsi Tabriz namanya, yang bongsu bernama Bangsawan Sifat Udara.”*

Maka Raja Babi pun terlalu suka lalu dicitanya sebuah negeri dengan isinya berkat tuah Si Parang Puting. Maka dengan seketika itu juga jadilah sebuah negeri dengan rakyat tenteranya berhadapan dengan kota Syaharastan Yunan di sebelah Padang Berantah Cahaya.

Maka Raja Babi pun duduklah di balairong di atas singgahsana yang bertatahkan emas sepuluh mutu dan berumbai-umbai akan intan baiduri.

Maka Raja Keempat Bersaudara pun duduklah dua di sebelah kanan, dua di sebelah kiri.

Syahdan berdirilah Nadim Bentara empat puluh di sebelah kanan dan empat puluh di sebelah kiri menyandang pedang yang berhulu

manikam yang kuning yang ditatah dengan emas permata intan baiduri.

Syahdan beraturlah segala menteri hulubalang duduk menghadapnya. Masing-masing dengan kursinya. Sekalian memakai cara Kores <sup>[108]</sup>, dan sikapnya terlalu perkasa.

Maka Si Parang Puting pun turun dari balairong itu lalu ia berjalan keluar kota. Lalu ia pergi kepada rakyat raja di Gua Persunggi Alam. Setelah hampir maka iapun berseruseru, katanya:

*“Hei, Raja Alam Syah Dewa! Ingat-ingat engkau! Esok hari kita berperang!*

*Janganlah engkau tiada tahu akulah yang bernama Si Parang Puting akan memenggal lehermu! Dititahkan Tuanku Raja Babi. Hendak pun aku penggal lehermu kepada malam ini jadilah kurang dari hulubalangku, syahdan hilanglah nama laki-lakiku!”*

Setelah sudah ia berseru-seru tiga kali berturut-turut dengan nyaring suaranya lantas terdengar kepada Raja Keempat Bersaudara dan kepada segala menteri hulubalang, jin segala kaum Raja di Gua Persunggi Alam semuanya pun terkejut mendengar suara terlalu nyaring hendak memenggal leher Seri Sultan Alam Syah Dewa esok hari.

Maka Seri Sultan Alam Shah Dewa pun tertawa, katanya:

*“Suara apakah itu gerangan? Angin tidak, ribut pun tidak, sekonyong-konyong datang suara hendak berperang esok hari.*

*Kekanda Abang Encik, Kekanda Abang Encik Tengah, Kekanda Encik Abang Muda! Apakah bicara kita sekarang akan suara itu?*

*Kekanda weh, jangan halpa <sup>[109]</sup> kerana Abang Ketiga membawa anak isteri ke mari, bersalahan lagi maka Baginda pun tiadalah terkira-kira lagi.”*

Hatta seketika lagi maka hulubalang Sambang Mahligai yang bernama Johan Pahlawan pun datang Keempatnya lalu sujud menyembah, sembahnya:

*“Tuanku! Ada sebuah kota emas hampir mahligai Paduka Anakanda syahdan Raja di Gua Persunggi Alam pun hendak berperang, maka memalu gendang peperangan dan orang yang di dalam kota itupun memalu gendang perang juga Tuanku!*

*Bahana rakyatnya terlalu banyak, patik lalu tadi bunyi tempik sorak segala pahlawan terlalu gempita. Bahana suaranya bahasa Kores belaka.”*

Maka titah Baginda:

*“Hai, Kilat Angkasa! Babi yang engkau bawakan anak aku itu adakah lagi atau tiadakah?”*

Maka sembah Kilat Angkasa:

*“Ada, Tuanku! Dengan rantainya.”*

Maka sahut Sambang Padang bernama Kilat Cemerlang:

*“Hamba lihat raja yang di dalam kota itu nyatalah babi serupalah dengan babi yang tuan hamba bawa itu. Tiada bersalahan lagi!”*

Maka kata Johan Syah Hadi:

*“Kalau-kalau kawannya maka ia serupa.”*

Maka titah Raja Tahir Johan Syah:

*“Suruh beringat segala rakyat dan kampungkan segala bala tentera itu sementara hari belum siang!”*

Maka Gong Pengerah pun dipalu oranglah.

Syahdan maka Raja Nobat Lela Indera pun datanglah diiringkan segala raja-raja yang muda-muda, lalu naik duduk kepada tempatnya, menghadap ayahanda baginda, lalu menyembah seraya berkata:

*“Apakah mula kerananya maka jadi selaku ini?”*

Maka Raja Mangkubumi pun berkhabarlah seperti kata Sambang Padang itu. Maka Raja Nobat Lela Indera pun memandang kepada Raja Johan Pahlawan Keempat Bersaudara, katanya:

*“Pergilah Raja Pahlawan kembali. Jangan halpa Raja berkawal!”*

Maka Johan Pahlawan pun menyembah lalu turun keempatnya berjalan kembali.

Sebermula akan Raja Babi, setelah sudah berbuat negeri itu maka iapun berkata kepada Si Parang Puting:

*“Dapatkah mahligai Tuan Puteri itu kita ambil bawa ke dalam kota kita ini?”*

Maka sahut Si Parang Puting:

*“Mengapa maka tiada boleh diambil ini konon sebuah mahligai. Jika tujuh buah gunung sekalipun dapat patik bawak ke mari!”*

Lalu ia lenyap tiadalah kelihatan lagi.

Maka Si Parang Puting pun pergilah ke mahligai Tuan Puteri. Setelah ia datang maka diparangnya tiang mahligai itu pun putuslah. Maka mahligai itupun berpusing-pusing lalu terbanglah masuk ke dalam kota emas itu.

Maka segala hulubalang yang bersambang pun semuanya gemparlah melihat mahligai itu berlari berjalan sendirinya masuk ke dalam kota emas itu. Maka diusirnya ramai-ramai dengan sorak tempiknya.

Maka Johan Pahlawan turut mengusir mahligai Tuan Puteri itu sampailah ke pintu gerbang suasa itu.

Syahdan akan mahligai itupun sudah lepas masuk ke dalam kota dan pintunya pun sudah tertutup, maka lalu ditendangkan oleh Johan Pahlawan Keempat Bersaudara dengan segala hulubalang yang banyak



itu dengan marahnya serta dengan tempik soraknya.

Maka kata Si Parang Puting:

*“Baik-baik engkau menendangkan pintu kami. Kalau kaki diri patah pintu kami tiadakan roboh, kerana tuah Raja Babi dengan berkat Si Parang Puting dimanakan dapat tewas di medan kepada masa ketika ini.”*

Maka lalu Si Parang Puting berjalan membawa mahligai itu lalu diletakkannya dekat dengan balairong itu.

Setelah hari siang maka Johan Pahlawan pun tersalah kakinya dan segala yang menendangkan pintunya gerbang itupun banyaklah yang patah lututnya. Ada yang patah betisnya, ada yang patah pinggangnya.

Maka sekeliannya pun undurlah masuk ke dalam kota Syaharastan Yunan lalu menghadap Raja Tahir Johan Shah persembahkan hal itu. Maka Baginda pun tiadalah terkata-kata lagi.

Sebermula akan Raja Babi pun segeralah naik ke mahligai. Kepada masa itu, akan Tuan Puteri dengan segala isi mahligai itu semua duduk menangis dengan takutnya. Adapun akan Tuan Puteri diriba oleh Inangda dengan gementar kakinya tangannya.

Maka Raja Babi pun datanglah dekat Tuan Puteri, katanya:

*“Datangkan bonda pun terketar-ketar bagai orang demam kura semuanya ini maka berkumpul-kumpul empat-lima orang berpeluk-pelukkan. Kita datang pun tidak diendakkannya lagi, gila terketar-ketar. Datangkan bonda pun turut terketar-ketar bagai orang muda-muda.”*

Maka Inangda pun menoleh, maka dilihatnya Raja Babi, katanya:

*“Aduh anakku tuan! Tidakkah tuan tahu akan mahligai ini tadi berjalan sendiri ke mari syahdan gemuruhlah bahana tempik sorak segala handai Johan Pahlawan, di mana hati tidakkan takut? Rasa nyawa pun naik ke dada! Apakah mulanya maka selaku ini?”*

Maka Raja Babi pun berpantun, demikian bunyinya:

“Udang galah dari Juwana,  
Kelulus <sup>[110]</sup> dari Jepara,  
Kehendak Allah terlalu bina,  
Tidak luas budi bicara.”

“Bonda weh, jangan takut ngeri-ngerian. Jika lagi ada hajatnya sanda dalam dunia ini – Wallahi! – tidakkan mengapa-ngapa. Pertetap juga hati Tuan Puteri, janganlah dibawa takut sangat. Sekarang abang keluar menyambut Paduka Kekanda Seri Sultan Alam Syah Dewa itu. Janganlah adinda sangat menangis.

Diamlah tuan nyawa abang. Diamlah molek centaka abang. Diamlah usul mejelis abang. Diamlah sentung pali <sup>[111]</sup> abang. Diamlah sarung badan abang. Diamlah bulang ulu <sup>[112]</sup> abang... diamlah safa pingai <sup>[113]</sup> abang...

Terjali weh, jangan melayah rahmat. Teradap weh, jangan tergugur embun. Bangsawan jangan berusak cita. Peramai weh, jangan bermuram durja. Terbilang weh, jangan citakan kekanda. Remuklah abang, hilang seorang. Remuklah abang lenyap seorang. Hayat pun apa akan gunanya, tidak disayang olehnya tuan, tidak dikasih olehnya nyawa.

Di dalam budi bicara abang, adindalah kelak mahkota abang, tuan kelak junjungan abang, diamlah Perabu <sup>[114]</sup> badan abang, diamlah seri mahligai babi.

Abang hendak bermohon keluar kerana hari sudah tinggi. Hari segala raja-raja hadir menanti, Si Parang Puting sudah berkerah.”

Maka kata Tuan Puteri:

“Semuanya pun dengan perbuatannya juga menjadi gemparlah orang seisi negeri ini!”

Maka kata Inangda:

*“Aduh Tuanku! Janganlah murka akan patik itu. Di manakan ia tahu akan pekerjaan yang demikian ini.”*

Maka Raja Babi pun turun dari mahligai itu lalu melompat naik ke Balairong semayam di atas singgahsana. Maka ramailah segala dayang-dayang itu melihat kelakuannya itu.

Maka kata Dang Seri Diraja:

*“Tuanku lihat juga kelaku ini babi itu. Raja besar sangat ia ini! Syahdan patutlah maka pandai ia berkata-kata kerana ia terlalu sakti! Entahkan boleh menjadi manusia gerangan ia... maka haruslah lain-lain sangat nyaring katanya dengan Tuanku.”*

Maka Tuan Puteri pun menangis, katanya:

*“Jika kebesarannya seperti Maharaja Dordan <sup>[115]</sup> sekalipun, lamun <sup>[116]</sup> serupa dengan babi itu, mohonlah akan bersuami akan dia!”*

Maka kata Inangda:

*“Jangan Tuanku bertitah demikian. Kalau didengar kerana ia babi yang sakti. Sedang negeri dengan segala isinya lagi dapat diperbuatnya, ini konon pulak rupa Tuanku. Takut patik berkata salah.*

*Hai segala anak cucuku tuan yang di dalam mahligai ini semuanya! Jangan tuan-tuan sekalian berbarang-barang kata lagi, kerana kita sudah di dalam negerinya. Bukanlah ia hendak keluar berperang dengan Seri Sultan Alam Syah Dewa itu? Tidakkah engkau mendengar bunyi-bunyian perang dipalu orang antara sebelah-menyebelah terlalu gemuruh?”*

Maka segala siti dayang-dayang pun semuanya tertawa, katanya pula:

*“Biarlah kita sekalian menyembah, lamun babi itu datang kelak kami sujud di kakinya!”*

Maka Inangda pun marah, katanya:

*“Janganlah berlebihan sangat kata tuan-tuan sekalian. Kalau-  
kalau disampaikan Dewata Mulia Raya <sup>[117]</sup> seperti kata diri.”*

Maka kata Dang Raya Rani:

*“Jika disampaikan Dewata, menyembahlah kita kepadanya.  
Hendak diapakan pula lagi?”*

Sebermula akan Raja Babi pun memberi titah kepada Nadim Bentara Kiri, menyuruh mengerahkan segala rakyat bala tentera kita keluar kota. Maka sembah Kores Peri Bangsa Raja:

*“Sudah hadir semuanya, Tuanku! Syahdan Biram <sup>[118]</sup> pun sudah  
patik periksa <sup>[119]</sup>. Menantikan Duli juga lagi.”*

Maka Raja Babi pun turun berdiri di tapakan, maka segala raja-raja dan menteri hulubalang pun turun ke tanah.

Maka gajah kenaikan pun datang lalu terem ke bumi seperti laku orang menyembah. Maka Raja Babi pun naiklah di atas gajah, duduk di atas rangka <sup>[120]</sup> yang keemasan ditatah dengan permata sembilan bagai.

Maka terkembanglah payung rama-rama <sup>[121]</sup> kuning empat puluh. Syahdan berdirilah Nadim Bentara empat puluh sebelah dan masingmasing dengan kenderaannya.

Syahdan Kores Peri Bangsa Dewa berdiri di kepala gajah memegang kusa <sup>[122]</sup> manikam ditatang-tatangnya. Raja memakai sarung zirah <sup>[123]</sup> berantai, berbulang lagi berqomar <sup>[124]</sup> dan tertajuk <sup>[125]</sup> lagi bermalai <sup>[126]</sup>. Sikapnya garang lagi perkasa. Ialah Raja Nadim Bentara Kiri.

Maka segala Raja-raja pun naiklah ke atas gajah dan kudanya. Masing-masing dengan payungnya berbagai-bagai warnanya. Maka terdirilah Cogan Alam Bernaga dan terkibarlah tunggul Panji-panji Alam

bertulis “*Biram Berjuang*” dan melangsilah bunyian dandi murinya. Maka meragamlah bunyian samping cahaya dan menyentak-nyentak bunyi nagaranya, dan meragamlah bunyi gendang nobatnya disambut oleh tambur di medan, berlompatan anak pendirinya. Maka ‘Alam Kidar pun menggoncang dirinya.

Syahdan berangkatlah Raja Babi keluar kota. Gemuruhlah bahana tempik sorak segala kaum Kores dan berlompatanlah segala hulubalang pahlawan yang ternama-ternama berjalan dahulu. Maka keluarlah Raja Babi dari dalam kotanya.

Kepada masa ketika itu belum peredaran akan berperang lagi.

Alkisah maka tersebutlah perkataan Sultan Paduka Raja Alam tabal di Gunung Mercu Seribu, nobat di Padang Jentera Bayu, senja di Medan Hamburan Kuntum, takhta di Balai Naga Berjuang dihadap anakanda baginda dan segala raja-raja dan menteri hulubalang dan pahlawan handai dan johan, rakyat bala tentera sekalian.

Maka titah Sultan Paduka Raja Alam kepada Kores Peri Mengindera Rupa dan Taulan Mengindera Raja Alam dan Sultan Muda Agung Perdana Raja Alam dan Bongsu Dewa Raja Bangsawan dan Usul Mengindera Raja Alam dan Mengerna Dewa Pahlawan Indera dan Dewa Vishnu Perdana Alam; dan kepada Raja Mambang Ketiga Bersaudara.

Yang tuha bernama Mambang Bernobat Indera, tabal di Tasik Brahma Luka, nobat di Pulau Putera Naga. Yang tengah bernama Mambang Indera Bayu, tabal di Tasik Antah Permana<sup>[127]</sup>, nobat di Pulau Biram Dewa. Yang bongsu bernama Mambang Sikandar Cahaya, tabal di Tasik Gambir Nila, nobat di Pulau Singa Terbang.

Dan kepada Raja Dewa Empat Bersaudara.

Yang tuha Sultan Muktabar Alam, tabal di Gunung Mercu Kemala, nobat di Padang Imbangan Pepasir, senja di Medan Emas Urai, takhta di Balai Biram Benderang.

Yang tengah Sultan Alam Brahmajeda, tabal di Gunung Kemala Ratna, nobat di Padang Ratna Baiduri, senja di Medan Mutia Kembang, takhta di Balai Bayu Berjentera.

Yang muda Sultan Dewa Alam Pertawi<sup>[128]</sup>, tabal di Gunung Mercu Sembilan, nobat di Padang Kuntum Mengurai, senja di Medan Kuntum Rempenai<sup>[129]</sup>.

Yang bongsu Paduka Dewa Gembira Sakti, tabal di Gua Hilir Gunung, nobat di Padang Merpati Safa, senja di Medan Cermin Alam,

takhta di Balai Angkatan Bayu.

Syahdan kepada Raja Indera Empat Bersaudara. Yang tuha Sultan Mengerna Indera tabal di Gunung Kemala Sakti, nobat di Padang Cita Berahi, senja di Medan Gangsa Rani Alam, takhta di Balai Biram Sakti.

Yang tengah Sultan Indera Mengendera, tabal di Gunung Intan Diserudi<sup>[130]</sup>, nobat di Padang Merdu Sali, senja di Medan Karang Permata, takhta di Balai Awan Setinggi.

Yang muda Sultan Indera Mengerna Lela, tabal di Gunung Kemala Naga, nobat di Padang Syani<sup>[131]</sup> Permata, senja di Medan Kaca Candi, takhta di Balai Naga Berjuang.

Yang bongsu Sultan Bongsu Indera Bangsawan, tabal di Gunung Meragam Permata, nobat di Padang Kumkuma Jintan, senja di Medan Antah Berantah, takhta di Balai Kelekatan Jiwa.

“Merapat pun tidak boleh nyedar, dekatnya antara badan dengan nyawa, Bongsu terlali sendaleka menentang permai tuan adinda, rasa kalbu bagai digoncang gempa, beradu malam tidakkan lupa, akan encik irang<sup>[132]</sup> lela rupa, sukacitanya sahaya menanti ketika.”<sup>[133]</sup>

Syahdan kepada Raja Cendera Empat Bersaudara. Yang tua bernama Ambang Paduka Raja Alam, tabal di Desa Zaman Khairani, nobat di Padang Antah Sanjani di Medan Rohani, takhta di Balai Jasmani.

Syahdan yang muda bernama Azrin Paduka Gempita Alam, tabal di Gunung Berangkai Cahaya, nobat di Padang Kilau Genta, senja di Medan Berantah Sailan, takhta di Balai Layangan Pepsair.

Syahdan yang bongsu Sultan Mengendera Paduka Azrin Dewa, tabal di Gunung Edaran Naga.

Syahdan maka kata Raja Jin Angkasa Perdana Johan:

*“Syahdan berapa lamanya sudah ada adinda berperang dengan Raja Indera Brahmakala itu, tuan?”*

Maka sahut Seri Sultan Alam Syah Dewa:

*“Belum lagi berperang kekanda.”*

Maka sembah Seri Sultan Alam Syah Dewa:

*“Silakan kekanda berangkat ke khemah patik merasai serasa layu.”*

Maka Baginda pun tersenyum:

*“Baiklah, adinda!”*

Lalu berjalan diiringkan segala raja, menteri dan hulubalang, handai dan johan pahlawan, bala tentera sekalian. Setelah sampai lalu masuk ke dalam khemah, duduk di atas kursi, masing-masing dengan kursinya, maka Sultan Alam Shah Dewa pun persembahkan puannya <sup>[134]</sup> kepada kekanda baginda ketujuh serta sembahnya:

*“Santaplah kekanda serasa layu, tiada layak beta dirasai tidak.”*

Maka Raja Jin Angkasa Perdana Johan Shah pun tersenyum, katanya:

*“Baiklah, adinda!”*

Lalu disantapnya baginda serasa itu sekapur, maka puan itupun diunjukkan kepada adinda baginda keenam lalu disambutnya puan itu. Diambil sirih itu seorang sekapur lalu dimakan. Puan itupun dikembalikannya kepada baginda.

Setelah sudah makan sirih itu maka hidangan nasi santapan pun diangkat oleh muda-muda jin itu ke hadapan Baginda Ketujuh Bersaudara dengan segala raja-raja, menteri dan hulubalang, bentara dan handai johan pahlawan bala tentera sekalian. Setelah sudah teratur sekalian hidangan itu, maka sembah Seri Sultan Alam Syah Dewa Keempat Bersaudara:



*“Santaplah Kekanda Ketujuh gandum tiada ia mana bina <sup>[135]</sup>  
gandum rekaan umat Ali, tidak menaruh Umi Fatimah, tidak menaruh  
taulan bonda, tidak menaruh sahabat handai jua, aduh kekasih sedih  
sekali.”*

Maka Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan Ketujuh Bersaudara pun tersenyum, maka katanya:

*“Marilah adinda kita makan!”*

Sembahnya:

*“Baiklah, kekanda!”*

Lalu santap masing-masing kepada hidangannya. Yang raja sama raja, yang menteri sama menteri, yang hulubalang sama hulubalang, yang bentara sama bentara, yang biduanda sama biduanda, yang pahlawan sama pahlawan, yang johan sama johan, yang rakyat sama rakyat, tiada diberinya campur-baur.

Setelah sudah makan lalu basuh tangan syahdan memakai segala bau-bauan yang harum baunya. Setelah sudah memakai bau-bauan itu maka hidangan minuman pula diangkat oleh muda-muda jin daripada arak beram. Diminumnya anggur, zabit <sup>[136]</sup> giling pengisi kahwa <sup>[137]</sup> sarbat <sup>[138]</sup>. Timbul pelbagai rasanya memberi asyik berahi segala yang minum dia.

Maka segala bunyi-bunyian pun berbunyilah daripada harbab <sup>[139]</sup> kecap, dandi muri, serdam <sup>[140]</sup> bangsi <sup>[141]</sup>, nagara merdu samping sakti, kopak <sup>[142]</sup> ceracap <sup>[143]</sup>, serunai nafiri <sup>[144]</sup> terlalu merdu bunyinya merawan akan hati.

Segala yang asyik berahi pun berbangkitlah menari, terlalu indah-indah rupa tarinya seraya menaikkan hulu khundinya dan melambai-lambaikan tangannya syahdan menyengetkan bulang di ulunya dan

menyambutkan pinjung<sup>[145]</sup> telinganya dan menyinsing-nyinsing tangan bajunya. Masing-masing dengan laku. Ada yang lambat, ada yang keras.

Tidaklah cekap sahaya mengarang, tubuh sakit sahaya mengarang tiada menaruh barang-barang pembeli jua. Dah malam sekarang.<sup>[146]</sup>

Setelah sudah makan minum itu, maka Raja Jin Angkasa Perdana Johan Shah Ketujuh Bersaudara pun bermohonlah kepada Seri Sultan Alam Syah Dewa, lalu kembali ke khemahnya.

Sebermula alkisah maka tersebutlah perkataan Kores Peri Mengindera Rupa dan Taulan Mengindera Raja Alam dan Sultan Muda Agung Perdana Alam dan Bongsu Dewa Raja Bangsawan dan Usul Mengindera Raja Alam dan Mengerna Dewa Pahlawan Indera dan Dewa Vishnu Perdana Alam dan Raja Mambang Berantah Indera dan Mambang Indera Bayu dan Mambang Seganda Cahaya dan Sultan Muktabar Alam dan Sultan Alam Brahmajeda dan Sultan Alam Pertawi dan Paduka Dewa Gembira Sakti dan Raja Sultan Mengindera dan Sultan Indera Mengindera dan Sultan Indera Mengerna dan Sultan Bongsu Indera Bangsawan melayang itu hampirlah kepada Padang Berantah Cahaya itu.

Maka tampaklah Kota Emas Kerajang<sup>[147]</sup> itu. Maka segala raja-raja yang melayang itupun mengatur pawai.

Pertama-tama melayang itu Raja Mambang Ketiga Bersaudara.

Yang tuha bernama Mambang Berantah Indera, tabal di Tasik Brahma Luka, nobat di Pulau Putera Naga.

Yang tengah bernama Mambang Indera Bayu, tabal di Tasik Antah Permata, nobat di Pulau Biram Dewa.

Yang bongsu bernama Mambang Seganda Cahaya, tabal di Tasik Gambir Ninala, nobat di Pulau Singa Terbang.

Sudah itu Raja Dewa Empat Bersaudara, yang tuha Seri Sultan Muktabar Alam, tabal di Gunung Mercuru Kemala, nobat di Padang Ambangan Paksi, senja di Medan Emas Urai, takhta di Balai Biram

Berbenderang. Berkenderaan di atas Langkap Indera, di bawah payung intan dikarang, berbulang<sup>[148]</sup> pelangi awan, bersarung kesumba murapi<sup>[149]</sup> diperciki dengan air emas, berkain ungu digengser<sup>[150]</sup>, rumal<sup>[151]</sup> pelangi main-mainan qadam<sup>[152]</sup>. Panah zamrud dikirikan, pedang berhulu manikam dipersandang. Terlalu baik sikapnya<sup>[153]</sup>.

Sudah itu Sultan Alam Brahmajeda tabal di Gunung Kemala Ratna, nobat di Padang Ratna Baiduri, senja di Medan Mutia Kembang, takhta di Balai Bayu Berjentera. Berkenderaan di atas Merak Pingai<sup>[154]</sup>, di bawah payung pudu<sup>[155]</sup> dikarang, berbulang ungu ditaburi, bersarung hijau digengser, berkapan talinya berantai, rumal kesumba main-mainan qadam.

Sudah itu Sultan Dewa Alam Pertawi, tabal di Gunung Mercu Kesembilan, nobat di Padang Kuntum Mengurai, senja di Medan Kuntum Rampai, berkenderaan di atas Nila Gangga, di bawah payung iram-iram kuning karang dengan permata ratna.

Sudah itu Paduka Dewa Gambir Sakti, tabal di Gua Membelah Gunung, nobat di Padang Merpati Safa, senja di Medan Cermin Alam, takhta di Balai Angkatan Bayu Raja di atas Indera Bayu, di bawah payung pingai berpermata.

Sudah itu Raja Indera Empat Bersaudara, yang tua Sultan Mengerna Indera, tabal di Gunung Kemala Sakti, nobat di Padang Cita Berahi, senja di Medan Gangsarani Alam, takhta di Balai Biram Sakti, tertakhta di atas Naga Terbang di bawah payung mutia<sup>[156]</sup> dikarang.

Sudah itu Sultan Indera Mengindera berkenderaan Merak Mengigal, berpayung kertas biru pinar emas berbulang hitam berpunca putih, bersarung nasmara digengser, berkapan Teluk Awarna rawa-rawa.

Sudah itu Sultan Indera Mengerna<sup>[157]</sup> Lela. Berkenderaan di atas satu Angkara<sup>[158]</sup>, berpayung kertas jingga pinar emas, berbulang-bulang intan dikarang, bersarung tekua ambangan<sup>[159]</sup>, berkapan songket jong sarat, kentala<sup>[160]</sup> serasa dikirikan, ramal pelangi disapukan diraja.

Sudah itu maka Sultan Bongsu Indera Bangsawan berjalan di udara di atas Garuda Mahabara, di bawah payung ambangan bayu, memakai mahkota tiga puluh dua pangkat, bersarung zirah berkerawang sembilan lapis, bersarwal<sup>[161]</sup> dewangga<sup>[162]</sup> merah, bermuza<sup>[163]</sup> sampai ke mata duli. Cokmar pancalogam dipersandangnya di bahunya kiri. Pedang berhulukan manikam dipersandangnya bahu kanan. Terlalu pahlawan sikapnya. Tiada membilangkan lawan lakunya.

Sudah itu Ambang Paduka Raja Alam pula berjalan. Berkenderaan di atas Walimana<sup>[164]</sup> Sakti, di bawah payung beludru<sup>[165]</sup> dikarang dengan permata intan. Panah zamrud dipegangnya dengan tangannya kanan. Pedang bersarungkan baiduri sandangnya kepada bahunya kiri. Berjalan perlahan-lahan.

Sudah itu Alam Paduka Dewa pula berjalan. Berkenderaan di atas Gangga Bayu, di bawah payung nilam dikarang, berbulang ribu-ribu mastuli<sup>[166]</sup> dikarang diselang dengan permata pudi. Bersarung ungu digengser. Berkain diraqam<sup>[167]</sup> mega beratur, berpontoh<sup>[168]</sup> Biram Berjuang, berqomar sehari bulan<sup>[169]</sup>, bergelang tujuh tingkat, berkhundi melela berhulu manikam merah. Panah zamrud dikirikan. Samasyar melayang dipegang dengan tangan kanan. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Azrin Paduka Gempita Alam pula berjalan. Berkenderaan di atas Kursi Melayang, di bawah payung berzamrud

dikarang, berbulang-bulang pelangi. Bersarung hijau digengser, berkapan ungu bersongket bunga tabur, berkancing merak mengigal<sup>[170]</sup>, berpontoh naga bertangkap, bergelang padi mengurai, seraya menyandang samasyar melayang. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Sultan Mengindera Paduka Azrin pula berjalan di bawah payung khatifah<sup>[171]</sup> beremas. Dewa berkenderaan di atas Gelam<sup>[172]</sup> Sakti, berbulang ungu ditelepek<sup>[173]</sup> dengan perada terbang, bersarung kesumba murapi, berkapan hijau digengser, bergelang tujuh pangkat, berantai tujuh belit, berkancing garuda melayang, berikat pinggang gelam bersali, berkhundi berselit, rumal kesumba disampaikan<sup>[174]</sup> ke bahu. Panah baiduri digendong di tangan kanan. Pedang manikam dipersandang. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Kores Peri Mengindera Rupa, ditabal di Tasik Benderang Cahaya, nobat di Padang Saujana Keinderaan, senja di Medan Awan Berjentera, takhta di Balai Benderang Alai-balai Disambungi Bayu Berpuput. Syahdan Raja berkenderaan Mungkur Melayang, di bawah payung ambangan paksi.

Terdirilah cogan alam, terkibar-kibarlah tunggul panji-panji Seri Medan, tertitirlah<sup>[175]</sup> nobat *Raja Berangkat*, berbarislah pawai *Raja Beredar*, meragamlah bunyi-bunyian gendang *Arak-arakan* Sultan Berangkat, merawan-rawan bunyi harbab kecapi, dandi muri, serunai nafiri, sampung sakti, *memberi pilu rasanya kalbu kerana tidak teman beradu seperti terselam di laut selebu*<sup>[176]</sup>, *kerana tiada teman bercumbu.*<sup>[177]</sup>

Syahdan sudah itu Taulan Mengindera Raja Alam, tabal di Tasik Brahma Luka, nobat di Padang Brahma Berjentera, senja di Medan Brahma Muhlaq, takhta di Balai Puputan Brahma. Ia berkenderaan di atas

Kursi Berjentera, di bawah panji-panji alam bernaga, bermahkota tiga puluh dua pangkat, berbaju zirah sembilan lapis, berseluar senteng ungu, bermuza sampai ke mata duli<sup>[178]</sup>, berbulang, baju kepada dadanya, memakai dasi<sup>[179]</sup> kepada lehernya, samasyar berhulu akan manikam disangkutkannya kepada pinggangnya, cokmar pancalogam disandangnya kepada bahunya kiri, pedang Turangga disandangnya kepada bahunya kanan. Ialah Raja yang pahlawan tiada diberlawan<sup>[180]</sup> di medan.

Syahdan kemudian daripada itu Khalifah Muda Agung Perdana Basyar Paduka Alam Agung Di Udara, Baginda Raja Putera Sultan Paduka Raja, tabal di Gunung Mercuri Seribu, nobat di Padang Jentera Bayu, senja di Medan Hamburan Kuntum, takhta di Balai Naga Berjuang. Khalifah memakai bulang ribu-ribu cahaya, bersarung tekua layangan, berkapan pingai lela ambangan, beramal mutia indera layangan, bersabuh<sup>[181]</sup> ungu indera ambangan dan rumal bersahari<sup>[182]</sup> main-mainan qadam. Panah Ya'kub dipegang dengan tangan kiri, pedang berhulu manikam dipersandang di bahu kanan. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Bongsu Dewa Raja Bangsawan, tabal di Gua Brahma Berjentera, nobat di Padang Indera Brahma, termasa di Medan Kemala Brahma, takhta di Balai Layangan Brahma. Bongsu berkenderaan Gelam Sakti, di bawah payung kemala ratna, berbulang intan dikarang pingai digengser diperciki dengan air emas, berkapan hijau warna minyak digengser, bersabuh pingai berenda pudi dikarang, bersayap sandang cala perang, berantai tujuh belit, berpaduka<sup>[183]</sup> tujuh tingkat, berqamar emas bermata intan, berpontoh naga berjuang, bergelang emas tujuh tingkat, bercincin emas permata intan semberap<sup>[184]</sup> jari, rumal pelangi permainan qadam, pedang berhulu zamrud disandang kepada bahu kanan, panah manikam dikirikan. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Usul Mengindera Raja Alam pula berjalan. Dewa berkenderaan di atas Garkat<sup>[185]</sup> Indera, di bawah payung iram-iram kuning berumbai-umbaikan mutiara, berbulang kesumba murapi, bersarung zirah nilam dikarang, berkapan songket kupu-kupu melayang, bertali leher tujuh belit, berpaduka tujuh pangkat, berqamar sehari bulan, bergelang jari tujuh sebelah barangan mutu manikam merah, berpontoh naga bertangkap, bersayap sandang cala perang, rumal kesumba disampai ke bahu, samasyar melayang dikirikan, panah mutiara ratna dikanankan, rumal pelangi main-mainan qadam.

Sudah itu Mengerna Dewa Pahlawan Indera pula berjalan. Berkenderaan di atas Naga Gentala<sup>[186]</sup>, di bawah payung intan dikarang, memakai mahkota sembilan pangkat, bersarung zirah tujuh lapis, bersarwal senteng ungu, bermuza sampai ke mata duli, bergetang<sup>[187]</sup> baju kepada lehernya lalu ke dadanya, berqamar emas bermata intan, rumal ungu tertelepuk daun bidai emas digantung disampirkan<sup>[188]</sup> kepada bahunya kanan. Cokmar panjang logam ditimang-timangnya. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Dewa Vishnu Perdana Alam, tabal di Gunung dan di Tasik Karang Permata, nobat di Pulau Biram Berjentera, termasa di Padang Kumkuma<sup>[189]</sup> Jintan Hairani Cahaya, senja di Medan Gengseran Alam, takhta di Balai Mega Berjentera. Sultan berkenderaan di atas Naga Gini, naga ditanggung kursi pelayang, di bawah payung ambangan paksi dipuput bayu melayang, bermahkota naga taru<sup>[190]</sup> sembilan belas pangkat, bersarung tekua indera layangan, berkapan pelangi lela ambangan, berantai mutia dikarang, berdokoh<sup>[191]</sup> tujuh tingkat, bergelang antah-berantah tujuh tingkat, bersayap sandang<sup>[192]</sup>

naga berjuang, berpontoh biram berjuang, berqamar emas berlazuardi<sup>[193]</sup>, sayap sandang cala<sup>[194]</sup> perang. Rumal kesumba bermain-mainan qadam. Panah Ya'kub dikirikan, pedang berhulukan zamrud dipersandang di bahunya kanan. Terlalu baik sikapnya.

Berjalan itu berambal-ambal dan berpasuk-pasukan. Masing-masing dengan payungnya berbagai-bagai warnanya.

Terdirlah cogan alam bernaga, terkibarlah tunggul panji-panji alam sahnya medan. Melangsilah bunyi dandi muri, serunai nafirinya. Syahdan meragamlah bunyian samping cahaya dan mengenakan-enak bunyi nagaranya dan meragamlah bunyi gendang nobatnya disambut oleh tambur di medan, dan berkobar-kobar asap lotongnya menitir-nitir<sup>[195]</sup> awan. Berlayangan rupa kenderaan, kembang kemuncup rupanya naungan, berkilatan rupa daun bidai mulianya, gemerincing bunyi gegetar<sup>[196]</sup> mulianya, bersinar-sinar cahaya pula mahkotanya syahdan bersambutan rupa pinjung<sup>[197]</sup> telinganya.

Syahdan dengan sesangat sekutika<sup>[198]</sup> baginda melayang itu sampailah ke Padang Berantah Cahaya, lalu berkhemah di padang itu.

Setelah dilihat oleh Kores Peri Bangsaraja dan Kores Peri Bangsadewa yang sali<sup>[199]</sup> itu Kores Peri Mengindera Rupa dan Taulan Mengindera Raja Alam dan Khalifah Muda Agung Perdana Raja Alam dan Bongsu Dewaraja Bangsawan dan Usul Mengindera Raja Alam dan Mengerna Dewa Pahlawan Indera dan Dewa Vishnu Perdana Alam Ketujuh Bersaudara yang datang itu, maka Bentara Kedua pun berdatang sembah kepada Raja Indera Brahmakala Raja Babi, sembahnya:

*“Paduka Ayahanda Kores Peri Ketujuh Bersaudara Tuanku, yang datang itu.”*



Setelah didengar oleh baginda akan sembah Bentara Kedua itu maka Raja Indera Brahmakala pun berangkatlah mendapatkan Ayahanda baginda ketujuh diiringkan segala raja-raja.

Setelah sampai lalu masuk ke dalam khemah. Setelah dilihat Kores Peri Mengindera Rupa Ketujuh Bersaudara akan Raja Indera Brahmakala itu, maka Baginda Ketujuh pun berdirilah seraya berkata:

*“Silakan anakanda naik duduk dekat ayahanda!”*

Maka Raja Indera Brahmakala menyembah sujud di kaki Ayahanda Ketujuh Bersaudara. Maka dipeluk cium oleh Baginda Ketujuh Bersaudara lalu duduk di kursi emas berpermata.

Maka baginda pun memberikan puannya kepada anakanda baginda seraya katanya:

*“Santaplah sirih, ayahanda!”*

Maka segera disambut oleh Raja Indera Brahmakala puan itu seraya menyembah lalu dimakannya sekapur, kemudian dikembalikan pula puan itu seraya menyembah, sembahnya:

*“Silakan Tuanku masuk ke dalam kota!”*

Titah baginda:

*“Baiklah, tuan!”*

Maka Baginda Ketujuh pun berangkatlah masuk ke dalam kota diiringkan anakanda baginda dengan segala raja-raja, menteri, hulubalang, bala tentera. Setengah tinggal berkhemah di Padang Berantah Cahaya.

Syahdan setelah baginda sampai ke Kota Emas Kerajang lalu masuk ke dalam kota berjalan naik ke balairong semayam di atas singgahsana dihadap Adinda Keenam dan Raja Indera Brahmakala dengan segala raja-raja, menteri hulubalang dan adi dan johan dan pahlawan, rakyat bala tentera syahdan maka Raja Indera Brahmakala pun persembahkan puan naga taru kepada Ayahanda Baginda Ketujuh, sembahnya:

*“Santaplah tuanku serasa tiada ia mana, bina rekaan orang desa Syahrastan Yunan tidak dengan seperti.”*

Maka Baginda Ketujuh pun tersenyum lalu santap seorang sekapur. Setelah sudah makan sirih maka hidangan nasi pun diangkat oleh segala muda kores beratus-ratus hidangan di hadapan Baginda Ketujuh Bersaudara syahdan di hadapan segala raja-raja sekalian.

Maka sembah Raja Indera Brahmakala:

*“Santaplah Ayahanda Ketujuh dan segala raja-raja tiada dengan sepertinya. Telanjuran ayahanda sekalian sali beredar mendapatkan patik yang hina lagi sifat serupa babi, tidak sebanjar <sup>[200]</sup> dengan raja bergunung, tidak setara dewa berpadang, tidak sebanding jin bergua, tidak sejenis mambang bertasik.*

*Sudah untung nasibnya patik dengan kehendak Tuhan Ilahi, di mana boleh salahi lagi.”*

Terlalulah belas Baginda Ketujuh Bersaudara dengan segala raja-raja mendengar kata Raja Indera Brahmakala itu, maka titah baginda:

*“Anakanda weh, jangan berpilu rasa. Putera weh, jangan berkecik kalbu. Akan titah Paduka Moyanganda Seri Sultan Paduka Sultan-sultan Paduka Raja Alam, bangatlah anakanda akan kembali kepada sifat manusia. Marilah tuan santap dengan ayahanda!”*

Maka sembah Raja Indera Brahmakala:

*“Santaplah, tuanku! Biar patik mengadap tuanku!”*

Maka Baginda Ketujuh Bersaudara pun santaplah. Maka segala raja-raja pun makanlah masing-masing kepada hidangannya. Yang raja sama raja, yang menteri sama menteri, yang hulubalang sama hulubalang, yang bentara sama bentara, yang biduanda sama biduanda, yang rakyat sama rakyat, yang pahlawan sama pahlawan. Tiadalah berinya bercampur-bahawur <sup>[201]</sup>.

Setelah sudah makan lalu basuh tangan. Setelah sudah, lalu makan silih dan memakai segala bau-bauan yang amat harum baunya. Setelah sudah, maka hidangan minuman pula diangkat oleh muda-muda kores daripada arak beram<sup>[202]</sup>, tapai anggur, zabib, delima khurma<sup>[203]</sup>, kahwa sarbat giling pengisi. Timbul pelbagai citarasanya. Maka piala ratna mutu manikam pun diperedar oranglah kepada segala raja-raja itu.

Maka berbunyilah segala bunyian daripada harbab kecapi, dandi muri, bangsi serdam, kopak ceracap, merangu<sup>[204]</sup> medali<sup>[205]</sup>, samping saktinya, gong gendang, serunai nafiri, nagara terlalu merdu bunyinya merawankan hati segala yang mendengar dia. Maka segala raja, menteri hulubalang, handai<sup>[206]</sup> dan johan pahlawan, rakyat, bala tentera pun minumlah, sulang-menyulang<sup>[207]</sup>, angguk-berangguk terlalu ramai dengan tempik soraknya.

Setelah bunga selasih mabuknya<sup>[208]</sup>, segala yang asyik berahi pun bangkitlah menari. Terlalu indah-indah rupa tarinya serta menekan khundi seraya menyengetkan bulang diulunya serta menyinsing-nyinsing tangan bajunya sambil menyambut-nyambut pancung<sup>[209]</sup> telinganya seraya bercakap. Demikian sembahnya:

*“Tuanku mahkota junjungan patik mahkota weh, dengar sembahnya patik! Jika sekadar segala raja-raja yang di bawah Seri Sultan Alam Syah Dewa itu patiklah akan lawannya, di udara baik, di bumi pun baik. Sezarah patik tidak gentarkan! Wallahi tidak patik ngerikan. Segagahnya hilang dengan nyawa segagahnya mengerat dengan badan!”*

Setelah didengar oleh Kores Peri Mengindera Rupa dan Taulan Mengindera Raja Alam dan Khalifah Muda Agung Perdana Raja Alam

dan Mengerna Dewa Pahlawan Indera dan Usul Mengindera Raja Alam dan Dewa Vishnu Raja Alam dan Bongsu Dewa Raja Bangsawan mendengar cakap segala raja itu, maka Baginda Ketujuh Bersaudara pun tersenyum. Maka kata Kores Peri Mengindera Rupa:

*“Ayuh anakanda Raja Indera Brahmakala! Tuan weh, dengar sangir <sup>[210]</sup> ayahanda. Yang bernama Raja Jin Angkasa Perdana Johan Syah itu ayahandalah akan lawannya!”*

Sudah itu Taulan Mengindera Raja Alam pula bercakap seraya berkata:

*“Ayuh, anakanda! Yang bernama Raja Jin Mengindera Lela itu kitalah akan lawannya. Barang sebagainya kita tidak undur!”*

Seraya menekan-nekan hulu pedangnya.

Sudah itu Khalifah Muda Agung Perdana Alam pula berkata:

*“Ayuh, anakanda Raja Brahmakala! Yang bernama Raja Jin Mandukesani itu ayahandalah akan lawannya! Di udara baik, di bumi pun baik. Sezarah tidak ayahanda gentarkan!”*

Sudah itu Mengerna Dewa Pahlawan Indera pula berkata:

*“Ayuh anakanda tuan Raja Indera Brahmakala! Yang bernama Raja Jin Berangkai Alam ayahandalah akan lawannya berpalu akan cokmar. Di udara pun baik, di dunia pun baik. Tidak ayahanda ngerikan!”*

Sudah itu Usul Mengindera Raja Alam pula bercakap seraya menyinsing tangan bajunya seraya mengendong-ngendong lengannya seraya berkata:

*“Ayuh anakanda Raja Indera Brahmakala. Adapun yang bernama Raja Jin Sali Bandan itu ayahandalah akan lawannya berperang!”*

Sudah itu Dewa Vishnu Raja Alam pula bercakap seraya menyengetkan bulang hulunya seraya berkata:

*“Ayuh anakandaku tuan Raja Indera Brahmakala! Anakanda*

*w eh, dengar sangirnya ayahanda! Yang bernama Raja Jin Brahma Rudrabala itu ayahandalah akan lawannya!”*

Sudah itu maka bercakap pula Bongsu Dewa Raja Bangsawan seraya berkata:

*“Ayuh anakanda Raja Indera Brahmakala! Anakanda w eh, dengar sangirnya ayah. Yang bernama Raja Jin Gelanggi Alam itu ayahandalah akan lawannya bertetakan samasyar dan berpalkan cokmar! Sezarah tidak Bongsu gentarkan.*

*Jika gunung sama tingginya, jika padang sama luasnya, jika tentera sama banyaknya, jika pedang sama tajamnya, jika khundi sama dipinggang haram tidak Bongsu gentarkan. Jikalau tiada dibagi sangirnya bukanlah ayahanda Putera Sultan Paduka Sultan Paduka Raja Alam <sup>[211]</sup>!”*

Setelah Raja Indera Brahmakala mendengar cakap ayahanda baginda ketujuh bersaudara itu maka sembah Raja Indera Brahmakala:

*“Yang kurnia duli Ayahanda Ketujuh itu terlalulah limpah patik menanggung. Kurnia Duli Tuanku itu tiadalah terbalas oleh patik. Syahdan yang Seri Sultan Alam Syah Dewa keempat bersaudara itu patiklah akan lawannya berperang barang di mana tempat.”*

Setelah sudah makan minum itu maka segala raja-raja itupun kembalilah masing-masing kepada istananya.

Setelah hari sudah siang maka berbunyiilah gendang perang antara kedua pihak raja-raja itu. Maka Baginda Ketujuh Bersaudara pun bangunlah daripada beradu lalu basuh muka dan santap sirih. Setelah sudah santap sirih maka hidangan nasi persantapan pun diangkat oranglah ke hadapan Baginda Ketujuh Bersaudara. Maka Baginda Ketujuh pun santaplah.

Setelah sudah santap lalu makan sirih dan memakai selengkapnya pakaian kerajaan yang keemasan. Setelah sudah lalu berangkat ke balairong semayam di atas singgahsana dihadap adinda baginda dan

anakanda baginda dengan segala raja-raja hendak keluar berperang itu.

Sebermula alkisah maka tersebutlah perkataan Raja-raja Jin yang di Gunung Hijau Empat Bersaudara. Yang tuha bernama Raja Jin Tahir Malik. Yang tengah bernama Tahir Johan Shah. Yang muda bernama Tahbir Johan. Yang bongsu bernama Lela Johan Syah.

Syahdan Raja Dewa Empat Bersaudara. Yang tuha bernama Alam Syah Dewa. Tabal di Gunung Awan Berarak, nobat di Padang Naga Awarna <sup>[212]</sup>, senja di Medan Pelbagai Kuntum, takhta di Balai Pasak Angkatan Bayu.

Yang tengah Paduka Kobat Indera Alam, tabal di Gunung Mega Beratur, nobat di Padang Awan Berjentera, senja di Medan Pelang-pelangi, takhta di Balai Awan Setanggi.

Yang muda Paduka Dewa Lela Udara, tabal di Gunung Lela Indera, nobat di Padang Sambangan Sailan Naga Sakti, senja di Medan Ratna Baiduri, takhta di Balai Serangkai Mayang.

Yang bongsu Paduka Bangsawan Mengindera Layali, tabal di Gunung Kemala Naga, nobat di Padang Mendam Khayali, senja di Medan Merawan Sali.

Dan kepada Raja Indera Empat Saudara. Yang tuha bernama Sultan Indera Menggaji Lela, tabal di Gunung Sunggi Ratna, nobat di Padang Cita Khairani, senja di Medan Kaca Awarna, takhta di Balai Bayu Karomi.

Yang tengah Usul Bernobat Lela Mengerna, tabal di Tasik Khairani Cahaya, nobat di Pulau Nagasari, senja di Medan Lembah Beralam, takhta di Balai Pasak Logam.

Yang muda Raja Indera Mengindera, tabal di Gunung Kemala Ambar, nobat di Padang Sarat Baiduri, senja di Medan Julungan Naga, takhta di Balai Bayu Berpuput.

Dan yang bongsu bernama Paduka Bongsu Indera Mempelai,

tabal di Desa Belanta Indera, nobat di Padang Belanta Dewa, senja di Medan Usar Permata.

Syahdan Raja Cendera <sup>[213]</sup> Empat Bersaudara, yang tua bernama Raja Cendera Dewa, tabal di Desa Gandam <sup>[214]</sup> Ratna, nobat di Padang Intan Diserudi <sup>[215]</sup>, senja di Medan Mendung Gernila, takhta di Balai Brahmakala.

Yang tengah bernama Cendera Lelakasa Perdana, tabal di Desa Raqam Zamin, nobat di Padang Khairani Merdu Sali, senja di Medan Khairani Terjali, bertakhta di Balai Merawan Sali.

Yang Muda bernama Cendera Dewa Besi Perdana, tabal di Tasik Antah Permata, nobat di Padang Lela Saujana, senja di Medan Aneka Awarna, bertakhta di Balai Mutia Ratna.

Yang bongsu bernama Bongsu Cendera Gundah Gulana, tabal di Pulau Faqir Maulana, nobat di Padang Sarab Awan, senja di Medan Mengembara Bahana, bertakhta di Balai Marjana.

Sebermula akan Raja Mambang tiga bersaudara. Yang tuha bernama Mambang Segara <sup>[216]</sup> Indera, tabal di Tasik Sambar Cahaya, nobat di Pulau Kemala Naga.

Yang tengah bernama Mambang Belanta Segara, tabal di Tasik Pelang-pelangi, nobat di Pulau Inderani Naga.

Yang bongsu bernama Mambang Nila Segara, tabal di Tasik Pancawarna, nobat di Pulau Karang Permata.

Setelah segala raja-raja itu mendengar khabar Seri Sultan Alam Syah Dewa berperang dengan Raja Indera Brahmakala di negeri Syaharastan Yunan, maka segala raja-raja itupun keluarlah dari dalam negerinya melayang menuju ke Desa Syaharastan Yunan.



Antara tiada berapa lamanya melayang itu maka tampaklah Kota Emas Kerajang dan kota Syahrastan Yunan.

Sebermula tampaklah segala kenderaan raja-raja melayang itu, berkibaran rupa tunggul panji-panji dan berkembang rupa payungnya dan gemerincing bunyian gegetar mulianya, bersambutan rupa pinjung telinganya, bersinar-sinar cahaya pula mahkotanya, berambangan rupa kenderaan.

Dengan sangat seketika sampailah segala raja-raja ke Padang Berantah Cahaya itu. Maka segala raja-raja itupun membentang khemah masing-masing dengan awarnanya <sup>[217]</sup>.

Setelah dilihat oleh Sultan Alam Syah Dewa yang datang itu Raja-raja Jin yang di Gunung Hijau Empat Bersaudara dan Raja Dewa Empat Bersaudara dan Raja Cendera Empat Bersaudara dan Raja Mambang Tiga Bersaudara, maka Seri Sultan Alam Syah Dewa menitahkan anak raja jin empat orang menyambut segala raja-raja itu:

*“Katakan hamba empunya sembah kepada baginda sekalian itu.”*

Maka anak raja keempat pun menyembah lalu pergi berjalan menuju khemah segala raja-raja itu. Setelah sampai lalu masuk duduk menyembah, sembahnya:

*“Tuanku dipersilakan Paduka Adinda ke khemah Paduka adinda.”*

Maka segala raja-raja itupun berjalanlah diarakkan segala raja dan menteri hulubalang rakyat sekalian.

Setelah sampai ke khemah lalu masuk. Setelah dilihat oleh Seri Sultan Alam Syah Dewa Keempat dan Raja Jin Angkasa Perdana Johan Syah Ketujuh maka baginda sekalian pun berdirilah seraya berkata:

*“Silakan kekanda dan adinda sekalian naik duduk di atas kursi!”*

Seraya berjabat tangan berpeluk bercium lalu duduk masing-masing dengan kursinya. Maka sirih persantapan segala raja-raja itupun diperedarkan oleh muda jin itu ke hadapan baginda sekalian.

Maka kata Seri Sultan Alam Syah Dewa:

*“Santaplah kekanda sekelian serasa ia mana tidak bina, dirasai sekadar penghibur-hibur kalbu yang duka.”*

Maka segala raja-raja itupun tersenyum mendengar kata Seri Sultan Alam Syah Dewa itu seraya katanya:

*“Baiklah, tuan!”*

Lalu dimakannya sirih itu. Setelah sudah dimakannya sirih, maka hidangan nasi pun diangkat oleh muda-muda jin ke hadapan segala raja-raja dan menteri dan hulubalang pahlawan handai dan johan. Setelah sudah diaturnya maka kata Seri Sultan Alam Syah Dewa:

*“Santaplah kekanda sekelian gandum rekaan umat Ali <sup>[218]</sup>, tidak menaruh Umi Fatimah, tidak menaruh sobat handai, tidak menaruh taulan bonda. Sahabat kekasih sedih sekali.”*

Maka segala raja-raja itupun tersenyum mendengar kata Seri Sultan Alam Syah Dewa itu lalu basuh tangan santap masing-masing kepada hidangannya.

Setelah sudah makan lalu basuh tangan. Setelah sudah basuh tangan lalu santap sirih dan memakai segala bau-bauan yang amat harum baunya. Setelah sudah memakai bau-bauan itu maka hidangan minuman pula diangkat oleh muda-muda jin itu daripada arak beram dengan anggur dan zabib giling pengisi. Dan timbul pelbagai jati rasanya.

Maka piala ratna mutu manikam diperedarkan oranglah kepada raja-raja. Makan minumlah segala raja-raja itu sulang-menyulang angguk-beranggukan. Bunyi-bunyian pun berbunyilah daripada harbab kecapi, dandi muri, serdam bangsi, kopak ceracap, samping sakti, gong gendang, serunai, nafiri. Terlalu merdu bunyinya merawankan hati.

Segala yang asyik berahi pun bangkitlah menari. Terlalu indah-indah rupa tarinya. Bersinar-sinar cahaya pula mahkotanya, gemerlapan cahaya pontoh gelangya, gemerincing bunyi gegetar mulianya, tajuk

kuncinya <sup>[219]</sup>, silir-semilir rumal di bahunya seraya menyambut pinjung telinganya serta menekan-nekan khundi sambil bercakap, sembahnya:

*“Tuanku Alam Mahkota Duli weh, dengar sembahnya patik! Sekadar segala raja-raja yang di bawah Raja Indera Brahmakala itu patiklah akan lawannya tuanku!”*

Maka Raja Jin Angkasa Perdana Johan Syah pun berkata:

*“Ayuhai adinda dengar sangirnya abang! Yang bernama Kores Peri Mengindera Rupa itu kekandalah akan berparang. Di udara baik, di bumi pun baik. Sezarah tidak kekanda gentarkan!”*

Sudah itu bercakap pula Raja Jin Mengindera Lela:

*“Ya adinda! Yang bernama Taulan Mengindera Raja Alam itu kekandalah akan lawannya berpalukan cokmar dan bertetakan pedang. Tidak abang gentarkan!”*

Sudah itu bercakap pula Raja Jin Mandukesani:

*“Ayuhai adinda! Yang bernama Khalifah Muda Agung Perdana itu kekandalah akan lawannya tatkala masa di tengah medan peperangan bertetakan samasyar melayang.”*

Sudah itu Raja Jin Ganggi Alam pula bercakap:

*“Ayuhai adinda! Yang bernama Usul Mengindera Raja Alam kekandalah akan lawannya berparang!”*

Sudah itu bercakap pula Raja Jin Sali Bandan:

*“Ayuhai adinda! Yang bernama Mengerna Dewa Pahlawan Indera itu kekandalah akan lawannya!”*

Sudah itu bercakap pula Raja Jin Brahma Rudrabala:

*“Adapun yang bernama Dewa Vishnu Perdana Alam itu kekandalah akan lawannya!”*

Sudah itu bercakap pula Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam:

*“Ayuhai adinda Seri Sultan Alam Dewa! Yang bernama Bongsu Dewa Raja Bangsawan itu patutlah abang akan lawannya. Jika gunung sama tingginya, jika padang sama luasnya, jika tasik sama dalamnya,*

*jika panah sama saktinya, jika pedang sama tajamnya, jika rupa sama majalisnya, jika usul sama segaknya, jika khalak <sup>[220]</sup> sama besinya. Jalan mana Bongsu tewas.”*

Seraya melambung-lambungkan cokmarinya.

Syahdan maka sembah Seri Sultan Alam Syah Dewa:

*“Yang kasih Kekanda Ketujuh Bersaudara itu seberat badan menanggung dia. Adapun yang bernama Raja Indera Brahmakala dengan segala raja-raja yang di bawahnya itu patik keempat bersaudarah akan lawannya berperang.”*

Syahdan bercakap pula Raja Jin Tahir Syah Malik:

*“Yang bernama Raja Jin Gelanggi Alam itu betalah akan lawannya berperang!”*

Maka kata Raja Jin Tahir Johan Syah:

*“Adapun yang bernama Raja Jin Brahma Logam itu betalah akan lawannya bermain senjata!”*

Maka bercakap pula Raja Jin Tabir Johan Syah:

*“Yang Raja Jin Lela Angkasa itu betalah akan lawannya!”*

Maka bercakap pula Raja Jin Lela Johan Syah:

*“Yang bernama Raja Jin Berangga Iskata itu betalah akan lawannya!”*

Syahdan berkata Raja Alam Syah Dewa:

*“Adapun yang bernama Seri Sultan Muktabar Alam itu kekandalah akan lawannya!”*

Sudah itu bercakap pula Paduka Kobat Indera Alam:

*“Adapun yang bernama Sultan Alam Brahmajeda itu betalah akan lawannya bertambat rumal!”*

Maka bercakap pula Paduka Dewa Lela Udara:

*“Adapun yang bernama Sultan Dewa Alam Pertawi itu betalah akan lawannya bertetak akan samasyar melayang!”*

Sudah itu bercakap pula Paduka Bangsawan Mengindera Lela:

*“Adapun yang bernama Paduka Dewa Gambir Sakti betalah akan lawannya!”*

Sudah itu Sultan Indera Menggaji Lela bercakap:

*“Adapun yang bernama Seri Sultan Mengerna Indera itu betalah akan lawannya!”*

Sudah itu bercakap pula Usul Bernobat Lela Mengerna, ialah Raja di Gua Persunggi Alam:

*“Adinda weh, dengar sangirnya kekanda. Yang bernama Sultan Indera Mengindera itu abanglah kelak akan lawannya!”*

Sudah itu bercakap pula Raja Indera Mengindera:

*“Adapun yang bernama Sultan Indera Mengerna itu betalah akan lawannya!”*

Sudah itu maka bercakap pula Paduka Bongsu Indera Mempelai:

*“Adapun yang bernama Sultan Bongsu Indera Bangsawan itu kitalah akan lawannya barang di mana tempat, meskipun di dalam perigi buta Bongsu lawan juga bertambat misai dan berikat suri <sup>[221]</sup>. Wallahi tidak Bongsu ngerikan, sedikit tidak Bongsu gentarkan!”*

Setelah sudah ia bercakap itu lalu ia berpantun:

*“Perisai tertali rambut,  
Rambut didandan akan cemara,  
Muda besi jangan takut,  
Beta sepadan dengan putera.*

*Rambut didandan akan cemara,  
Kelekati <sup>[222]</sup> di dalam puan,  
Kita sepadan dengan putera,  
Sama mati kita tuan.”*

Sudah itu bercakap pula Raja Cendera Dewa:

*“Adapun yang bernama Sultan Mengerna Indera itu kekandalah akan lawannya!”*

Sudah itu bercakap pula Raja Cendera Lela Angkasa Perdana:

*“Adapun yang bernama Sultan Indera Mengindera itu kekandalah akan lawannya!”*

Sudah itu bercakap pula Raja Cendera Dewa Besi Perdana:

*“Adapun yang bernama Sultan Indera Mengerna Lela itu kekandalah akan lawannya!”*

Maka bercakap pula Bongsu Cendera:

*“Kekandalah akan lawannya!*

*Adapun yang bernama Sultan Bongsu Indera Bangsawan itu kekandalah akan lawannya!”*

Maka bercakap pula Raja Jin Angkasa Melela:

*“Adapun yang bernama Ambang Paduka Raja Alam itu betalah akan lawannya!”*

Sudah itu Raja Jin Tunggal Alam pun berkata:

*“Yang bernama Alam Paduka Dewa itu abanglah akan lawannya!”*

Sudah itu maka bercakap pula Raja Jin Angkasa Malik:

*“Adapun yang bernama Azrin Paduka Gempita Alam itu betalah akan lawannya!”*

Sudah itu bercakap pula Raja Jin Jemala Perang:

*“Adapun yang bernama Sultan Mengindera Paduka Azrin itu kekandalah akan lawannya!”*

Sudah itu Raja Mambang Segara Indera pula bercakap seraya menekan hulu khundinya dan menyinsing-nyinsing tangan bajunya:

*“Adapun yang bernama Raja Mambang Berantah Indera itu betalah akan lawannya!”*

Sudah itu Raja Mambang Belanta Segara:

*“Mambang Indera Bayu itu sandalah akan lawannya!”*

Maka bercakap pula Raja Mambang Nilu Segara:

*“Adapun yang bernama Raja Mambang Sikandar Cahaya itu betalah akan lawannya!”*

Setelah didengar oleh Seri Sultan Alam Syah Dewa akan cakap segala raja-raja itu maka kata Seri Sultan Alam Syah Dewa:

*“Yang kasih saudara hamba itu seberat garudanya hamba menanggung dia. Tiadalah terbalas oleh hamba!”*

Setelah sudah makan minum maka segala raja-raja itupun bermohonlah kepada Seri Sultan Alam Syah Dewa. Masing-masing kembali ke istananya bersenda bergurau dengan anak isterinya. Entahkan mati entahkan hidup kerana bermain senjata.

Syahdan sebermula kepada malam itu Kores Peri Mengindera Rupa Ketujuh Bersaudara pun berkata kepada Raja Indera Brahmakala:

*“Ayuh anakanda dengar sangirnya ayahanda pentaki <sup>[223]</sup> kepada anakanda. Janganlah tuan keluar berperang dengan Seri Sultan Alam Syah Dewa itu.*

*Biarlah Ayahanda Ketujuh Bersaudara dahulu keluar berperang dengan Raja Jin Angkasa Perdana Johan Syah Ketujuh Bersaudara itu kerana ayahanda dengar khabarnya tiada diberi oleh Raja Jin Angkasa Perdana akan Seri Sultan Alam Syah Dewa itu keluar berperang selagi ada segala raja-raja yang serta dengan Seri Sultan Alam itu!”*

Setelah itu didengar oleh Raja Indera Brahmakala akan kata Kores Peri Ketujuh Bersaudara dengan segala raja-raja sekalian itu maka sembah Raja Indera Brahmakala:

*“Baiklah tuanku! Adapun yang Seri Sultan Alam Syah Dewa Keempat Bersaudara itu patiklah akan lawannya bersukat darah dan bertimbang daging!”*

Sebermula tersebutlah Raja Jin Angkasa Perdana Ketujuh Bersaudara pun berkata kepada Seri Sultan Alam Syah Dewa Keempat Bersaudara:

“Ayuh Andika <sup>[224]</sup> Empat tuan weh, dengar sangirnya abang. Kepada waktu ketika ini abang pintalah kepada tuan janganlah Adinda Keempat Bersaudara keluar berperang! Biarlah abang Ketujuh Bersaudara dengan segala raja sekelian keluar berperang dengan Kores Peri Ketujuh Bersaudara dengan segala raja-raja yang serta dengan dia itu!”

Maka sembah Seri Sultan Alam Syah Dewa Keempat Bersaudara:

“Baiklah Tuanku! Adapun akan Raja Indera Brahmakala dengan segala raja-raja kaum Kores baginya patik Keempat Bersaudaralah lawannya dia berperang!”

Setelah sudah ia mesyuarat itu maka Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan pun menyuruh memalu genderang perang. Terlalu hazmat <sup>[225]</sup> maha gempita bunyinya kepada malam itu.

Setelah didengar oleh Kores Peri bunyi genderang itu baginda pun menyuruh akan Johan Pahlawan Priyai Alam memalu genderang. Terlalu gempita kepada malam itu. Segala pahlawan makan minum bersuka-sukaan dengan tingkah tarinya.

Setelah hari siang maka segala raja-raja pun bangunlah daripada beradu lalu basuh muka dan makan sirih lalu santap nasi. Setelah sudah lalu memakai selengkapnya pakaian kerajaan lalu berangkat ke balairong dihadap segala raja-raja dan menteri, hulubalang, pahlawan handai dan johan, rakyat, bala tentera sekalian.

Maka titah baginda kepada Kores Peri kepada Raja Mambang



Berantah Indera dan kepada Raja Mambang Indera Bayu dan kepada Raja Mambang Seganda Cahaya dan kepada Sultan Muktabar Alam dan kepada Sultan Alam Brahmajeda dan kepada Sultan Dewa Alam Pertawi dan kepada Sultan Mengerna Indera dan kepada Sultan Indera Mengerna Lela dan kepada Sultan Bongsu Indera Bangsawan dan kepada Ambang Paduka Raja Alam dan kepada Alam Tengah Paduka Dewa dan kepada Azrin Paduka Gempita Alam dan kepada Sultan Mengindera Paduka Azrin, maka Baginda Kores Peri Mengindera Rupa pun bertitah:

*“Baiklah kekanda sekalian keluar berperang!”*

Maka sembah segala raja-raja itu:

*“Baiklah, Tuanku!”*

Lalu menyembah sekalian bermohon keluar kota.

Setelah sampai keluar kota lalu berjalan, kemudian peperangan dengan segala bunyi-bunyian dan tunggul panji-panji berkibaran berbagai-bagai awarnya.

Setelah sampai ke medan tempat berperang itu lalu berdiri bersaf-saf menantikan lawannya belum keluar dari dalam kotanya itu.

Sebermula setelah hari siang maka segala raja-raja itupun bangun daripada beradu lalu basuh muka dan santap sirih lalu santap nasi. Setelah sudah lalu basuh tangan, dimakan sirih dan memakai segala bau-bauan yang harum baunya. Setelah sudah lalu memakai selengkapnya alat kerajaan lalu berangkat ke balairong semayam di atas singgahsana.

Maka titah Raja Jin Angkasa Perdana kepada Raja Mambang Segara Indera dan Raja Mambang Belanta Segara dan kepada Raja Mambang Nila Segara dan kepada Raja Alam Syah Dewa dan kepada Paduka Kobat Indera Di Alam dan Paduka Dewa Lela Udara dan Paduka Bangsawan Mengindera Lela dan kepada Sultan Indera Menggaji Lela dan Sultan Bernobat Lela Mengerna dan kepada Raja Indera Mengindera dan kepada Paduka Bongsu Indera Mempelai dan kepada Raja Cendera

Dewa dan kepada Cendera Lela Kesani Perdana dan kepada Cendera Dewa Besi Perdana syahdan kepada Bongsu Cendera Gundah Gulana:

“Baiklah segala saudara hamba sekalian beredar ke medan peperangan kerana lawan kita sudah lama menanti akan kita!”

Setelah raja-raja mendengar titah baginda itu maka sekalian pun menyembah bermohon keluar dari dalam khemahnya. Masing-masing naik ke atas kenderaannya. Berkembangan rupa payungnya dan berkibar-kibaran rupa tunggul panji-panjinya berbagai-bagai awarnya dan rupanya lalu berjalan ke medan peperangan dengan segala bunyi-bunyian terlalu gegak-gempita dengan tempik soraknya.

Setelah sampai ke medan tempat berperang itu lalu berhenti seraya mengikat perang <sup>[226]</sup> bernama Garuda Bayu <sup>[227]</sup>.

Setelah berhadapannyalah kedua pihaknya sama memalu gendang perang lalu sama tampil berperang terlalu ramai amuk-beramuk, usir-mengusir, hambat-berambat, tikam-menikam dan tetak-menetak, parang-memarang, palu-memalu terlalu ramai dengan tempik soraknya.

Syahdan segala yang berlembing bertikamkan lembingnya, dan segala yang berpedang bertetakan pedangnya dan segala yang bercokmar berpalukan cokmarnya dan segala yang berpanah berpanahan dan segala yang berkhundi berjangkung-panggung bertikamkan khundinya sama mati keduanya.

Syahdan segala yang bergajah berjuangkan gajahnya dan segala yang berkuda bergigitkan kudanya, segala yang berata bertemukan ratanya, segala yang berkenderaan sambar-menyambar di udara memalukan cokmarnya dan tetakan pedangnya. Syahdan berkilatan sinar cahaya pula mahkota segala raja-raja itu seperti bintang di dalam awan yang tebal rupanya.

Syahdan gemuruhlah bunyi tempik soraknya segala pahlawan handal dan johan hulubalang, menteri, rakyat, balatentera kedua

pihaknya. Banyaklah mati dan lukanya ada seketika berperang itu.

Maka lebu <sup>[228]</sup> duli <sup>[229]</sup> pun berbangkitlah ke udara. Terang cuaca menjadi gelap-gelita tiada yang kelihatan lagi. Kilat senjata segala hulubalang johan pahlawan juga yang kelihatan memancar-mancar seperti kilat di dalam awan rupanya ada seketika berperang.

Maka darah pun banyaklah tumpah ke bumi, maka lebu duli itupun hilanglah. Maka kelihatanlah orang berperang itu seperti orang bermain tutul <sup>[230]</sup> rupanya, hambat-berambat dan usir-mengusir ke sana ke mari tiadalah berketahuan lagi lakunya itu syahdan sama tiada mau undur.

Setelah dilihat oleh pahlawan dewa yang bernama Dewa Indera Pahlawan akan hal perang itu tiada beralahan itu maka Dewa Indera Pahlawan pun mengamuk ke dalam tentera dewa yang seperti laut memarangkan pedangnya dengan kedua belah tangannya memegang hulu pedangnya seraya menetak ke kiri dan ke kanannya. Barang di mana ditempuhnya tiadalah bertahan lagi. Habislah lari cerai-berai seperti tembatu <sup>[231]</sup> dihempas ombak rupanya.

Setelah dilihat oleh Pahlawan Sikandar Alam akan rakyatnya habis lari itu maka iapun segera tampil mengamuk ke dalam rakyat yang seperti laut itu seraya memalukan cokmarnya ke kiri dan ke kanan tiada berhingga lagi. Barang kena tiadalah menderita lagi matinya segala rakyat kaum di Gua Persunggi Alam itu.

Setelah dilihat oleh Dewa Indera Pahlawan akan Pahlawan Sikandar Alam lalu didapatkannya serta bertempik:

*“Hei, Dewa! Siapa namamu?! Supaya matimu jangan tiada bernama!”*

Setelah didengar oleh Pahlawan Sikandar Alam bunyi suara Dewa Indera Pahlawan itu maka iapun menoleh ke belakangnya, maka dilihatnya seorang Dewa berkenderaan di atas Singa Terbang. Maka

iapun memalingkan ratanya seraya bertempik, katanya:

*“Hei, Dewa! Engkaukah berseru?! Akan engkau marilah kita bermain senjata!”*

Maka kata Pahlawan Sikandar Alam:

*“Baiklah! Apa yang ada senjatamu marilah datangkan kepadaku!”*

Setelah didengar oleh Dewa Indera Pahlawan maka iapun menghunus pedangnya lalu diparangkan kepada Pahlawan Sikandar Alam, maka ditangkiskan dengan perisainya.

Maka kedua pahlawan pun bertetakan pedangnya bertangkis-tangkisan. Maka kedua pedang itupun patahlah. Maka kedua pahlawan pun berpalukan cokmarnya, maka kedua cokmar itupun patahlah. Maka kedua pahlawan itupun bertangkap berkeras-kerasan tiadalah beralahan.

Maka Pahlawan Sikandar Alam teringatlah akan kesaktiannya lalu dibacanya maka ditiupkannya kepada Dewa Indera Pahlawan. Maka Dewa Indera Pahlawan pun lemah tulangnya lalu ditangkap oleh Pahlawan Sikandar Alam diikatnya teguh-teguh lalu diserahkan kepada Usul Mengindera Sidhu Perdana syahdan lalu dipenjarakannya.

Setelah terdengar kepada Raja Mambang Segara Indera dan Mambang Belanta Segara dan Mambang Nila Segara dan kepada Raja Alam Syah Dewa dan kepada Paduka Kobat Indera Di Alam dan Paduka Dewa Lela Udara dan kepada Paduka Bangsawan Mengindera Lela dan kepada Sultan Indera Menggaji Lela dan kepada Sultan Bernobat Lela Mengerna dan kepada Raja Indera Mengindera dan kepada Paduka Bongsu Indera Mempelai dan kepada Raja Cendera Dewa dan kepada Raja Cendera Lela Kesani Perdana dan kepada Cendera Dewa Besi Perdana dan kepada Bongsu Gundah Gulana akan Dewa Indera Pahlawan sudah tertangkap itu maka segala raja-raja itupun melayangkan kenderaannya tampil mengamuk ke dalam rakyat Kemala Hikmat itu.

Barang di mana ditempuhnya bangkai pun bertimbun-timbun seperti paus. Darah pun mengalir di bumi seperti air bah ada seketika segala raja-raja itu mengamuk. Maka rakyat Kemala Hikmat pun pecahlah perangnya habis lari cerai-berai tiada berketahuan perginya.

Setelah dilihat oleh Mambang Berantah Indera dan Mambang Indera Bayu dan Mambang Seganda Cahaya dan Sultan Muktabar Alam dan Sultan Alam Brahmajeda dan Sultan Dewa Alam Pertawi dan Sultan Mengerna Indera dan Sultan Indera Mengindera dan Sultan Indera Mengerna Lela dan Sultan Bongsu Indera Bangsawan dan Mambang Paduka Raja Alam dan Alam Tengah Paduka Dewa dan Azrin Paduka Gempita Alam dan Sultan Mengindera Paduka Azrin melihat rakyat Kemala Hikmat habis lari itu, maka segala raja-raja itupun tampillah melayangkan kenderaannya mengamuk ke dalam rakyat di Gua Persunggu Alam pun banyak matinya.

Bangkai pun seperti batang bergulingan dan darah pun mengalir di bumi seperti air pasang ada seketika diamuk oleh segala raja-raja itu. Maka rakyat jin itupun habislah lari cerai-berai seperti tembatu dihempas ombak rupanya.

Syahdan maka Mambang Segara Indera pun bertemulah dengan Mambang Berantah Indera, lalu mengadu kesaktian. Seorang pun tiada beralahan. Maka Mambang Berantah Indera pun terlalu sangat marahnya lalu ia melayangkan satu Angkara <sup>[232]</sup> kenderaannya hampir dengan kenderaan Mambang Segara Indera. Setelah diikat, lalu diparangnya dengan pedang, lalu ditangkiskan oleh Mambang Segara Indera dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kena kepada lehernya, putus gugur ke bumi. Maka bersoraklah rakyat Kemala Hikmat gemuruh bunyinya.

Setelah dilihat oleh Mambang Belanta Segara akan kekanda baginda, Mambang Segara Indera sudah hilang itu, maka Mambang

Belanta Segara pun melayangkan kenderaannya Satu Bumi mendapatkan Mambang Berantah Indera. Setelah dilihat oleh Mambang Indera Bayu akan Mambang Segara Indera mendapatkan kekanda baginda maka segera dipintasi oleh Mambang Indera Bayu serta bertempik, katanya:

*“Hei, mambang! Hendak ke mana engkau?! Marilah kita bermain senjata!”*

Setelah didengar oleh Mambang Belanta Segara akan tempik Mambang Indera Bayu itu, maka iapun menoleh ke belakangnya. Seorang mambang berkenderaan di atas Melana Kanggaru terlalu hebat sikapnya.

Maka Mambang Belanta Segara memalingkan Satu Bumi seraya bertempik, katanya:

*“Hei, Mambang! Siapa namamu?! Supaya matimu jangan tiada bernama!”*

Maka sahutnya:

*“Akulah yang bernama Mambang Indera Bayu. Tabal di Tasik Antah Permana. Nobat di Pulau Biram Dewa! Engkau siapa namamu?!”*

Sahut Mambang Belanta Segara:

*“Akulah yang bernama Mambang Belanta Segara. Tabal di Tasik Pelang-pelangi, nobat di Pulau Edaran Naga!”*

Setelah didengar oleh Mambang Indera Bayu akan kata Mambang Belanta Segara itu maka kata Mambang Indera Bayu:

*“Marilah barang yang ada tanda anak lelaki datangkan kepadaku!”*

Setelah didengar oleh Mambang Belanta Segara akan kata Mambang Indera Bayu itu, maka iapun segera memanah kepada Mambang Indera Bayu. Maka anak panah itupun datang beryala-nyala menuju Mambang Indera Bayu. Maka segera dipedangnya dengan pedangnya. Maka anak panah itupun putus penggal dua gugur ke bumi.

Setelah dilihat oleh Mambang Belanta Segara akan panahnya binasa itu, maka iapun terlalu sangat marahnya seraya ia memanah ke

udara. Gemuruh bunyinya di udara. Seketika lagi turunlah hujan terlalu lebat meniup rakyat Kemala Hikmat itu kedinginan tiada boleh berdiri lagi memegang senjatanya.

Setelah dilihat oleh Mambang Indera Bayu akan hal segala rakyat Kemala Hikmat itu, maka Mambang Indera Bayu pun segera memanah ke udara. Gemuruh bunyinya di udara. Ada seketika turunlah angin terlalu keras. Maka hujan itupun habis berterbangan ke laut.

Setelah dilihat oleh Mambang Belanta Segara akan senjatanya tewas oleh Mambang Indera Bayu itu, maka ia pun terlalu sangat marahnya lalu ia melayangkan kenderaannya hampir dengan kenderaan Mambang Indera Bayu. Setelah ia hampir lalu diparangnya dengan pedangnya, maka ditangkiskan oleh Mambang Indera Bayu dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada sarung zirahnya, putus sembilan! Maka berhamburanlah permatanya bagai dihambur rupanya.

Maka Mambang Indera Bayu pun terlalulah marahnya, lalu ia menghunus pedangnya yang ditinggalkan oleh ayahanda baginda, Mambang Berantah Kilau Genta, terlalu sangat saktinya tiada dapat ditentang lawannya.

Maka lalu diparangkannya kepada Mambang Belanta Segara, maka ditangkiskan oleh Mambang Belanta Segara dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada pinggangnya, penggal dua lalu mati. Maka bersoraklah rakyat Kemala Hikmat seperti akan terangkatlah Padang Berantah Cahaya itu.

Setelah dilihat oleh Mambang Nila Segara akan Kekanda Kedua sudah hilang itu, maka iapun menangis sambil melayangkan kenderaannya mengamuk ke dalam rakyat Kemala Hikmat memarang akan pedangnya ke kiri dan ke kanan, ke hadapan dan ke belakang seperti orang gila lakunya seraya berpantun. Demikian bunyinya:

*“Landak paku makan buluh,  
Dang Jenirah mandi di sampan,  
Kehendakku belum diperoleh,  
Mengerat sahaja dengan badan.”*

Lalu ia bertempik seraya melayangkan kenderaannya mendapatkan Mambang Indera Bayu maka segera dipintasi oleh Mambang Seganda Cahaya dari hadapan lalu bertemu dengan Mambang Nila Segara, maka kata Mambang Seganda Cahaya:

*“Hei, mambang! Hendak ke mana engkau?! Marilah kita bermain senjata!”*

Setelah didengar oleh Mambang Nila Segara akan kata Mambang Seganda Cahaya itu maka iapun bertempik, katanya:

*“Hei, mambang! Siapa namamu?! Supaya mati jangan tiada bernama!”*

Setelah didengar oleh Mambang Seganda Cahaya akan kata Mambang Nila Segara itu maka kata Mambang Seganda Cahaya:

*“Akulah yang bernama Mambang Seganda Cahaya. Tabal di Tasik Gambir Nila. Nobat di Pulau Singa Terbang! Syahdan engkau siapa namamu?!”*

Maka sahutnya:

*“Akulah yang bernama Mambang Nila Segara. Tabal di Tasik Panca Awarna. Nobat di Pulau Karang Permata. Marilah kita bermain senjata!”*

Serta dipanahnya akan Mambang Seganda Cahaya dengan panah yang sakti. Maka gemuruh bunyinya di udara, lalu menjadi gunung api datang menempuh rakyat Kemala Hikmat. Banyaklah terbakar.

Setelah dilihat oleh Mambang Seganda Cahaya akan hal segala tentera Kemala Hikmat banyak mati dimakan api itu, maka Mambang Seganda Cahaya pun memanah ke udara. Maka turunlah hujan terlalu



lebat menempuh gunung api itupun padamlah.

Setelah dilihat Mambang Nila Segara akan senjatanya tewas itu oleh Mambang Seganda Cahaya itu, maka iapun terlalu sangat marahnya seraya memanah ke udara lalu menjadi naga beribu-ribu banyaknya datang hendak menangkap Mambang Seganda Cahaya! Maka segera diparangnya oleh Mambang Seganda Cahaya dengan pedangnya. Maka naga itupun habis mati berpanggal-panggal.

Setelah dilihat oleh Mambang Nila Segara akan senjatanya tewas itu maka iapun menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Mambang Seganda Cahaya berturut-turut. Maka ditangkiskan oleh Mambang Seganda Cahaya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada sarung zirahnya. Habislah berhamburan permata, maka lalu kepada tubuhnya, keluar api memancar-mancar!

Maka Mambang Seganda Cahaya pun terlalu sangat marahnya seraya memusing-musing cakranya yang diberi oleh ayahanda yang di Tasik Pauh Zanggi yang bernama Mambang Gempita Sakti itu serta katanya:

“Hei, Mambang Nila Segara! Ingat-ingat engkau menangkiskan cakra ini!”

Lalu dilontarkannya kepada Mambang Nila Segara bernyala-nyala berjentera datang menuju Mambang Nila Segara lalu kena lehernya putus-putus kepalanya. Dibawanya terbang ke Tasik Bahrul Sakti, terhantar di Balai Pasak Berahi.

Syahdan setelah dilihat oleh Raja Alam Syah Dewa dan Paduka Kobat Indera Alam dan Paduka Dewa Lela Udara dan Paduka Bangsawan Mengindera Lela dan Sultan Indera Menggaji Lela dan Sultan Bernobat Lela Mengerna dan Raja Indera Mengindera dan Paduka Bongsu Indera Mempelai dan Raja Cendera Dewa dan Cendera Lela Kesani Perdana dan Cendera Dewa Besi Perdana syahdan Bongsu Cendera Gundah Gulana

melihat Raja Mambang ketiga Bersaudara sudah mati itu maka segala raja-raja itupun melayangkan kenderaannya mendapatkan Mambang Seganda Cahaya itu.

Setelah dilihat Sultan Dewa Muktabar Alam dan Sultan Alam Brahmajeda dan Sultan Dewa Alam Pertawi dan Sultan Mengerna Indera dan Sultan Indera Mengindera dan Sultan Indera Mengerna Lela dan Sultan Bongsu Indera Bangsawan dan Ambang Paduka Alam Raja dan Alam Tengah Paduka Dewa dan Azrin Paduka Gempita Alam dan Sultan Mengindera Paduka Azrin, maka segala raja-raja itupun melayangkan kenderaannya. Masing-masing dengan lawannya.

Maka Sultan Muktabar Alam pun bertemulah dengan Raja Alam Syah Dewa. Maka kata Raja Alam Syah Dewa:

*“Hei, Dewa! Siapa namamu?!”*

Maka sahut Sultan Muktabar Alam:

*“Akulah yang bernama Sultan Muktabar Alam! Engkau siapa namamu?!”*

Maka sahut Raja Alam Syah Dewa:

*“Akulah yang bernama Raja Alam Syah Dewa! Apa kehendakmu bertanyakan namaku?!”*

Maka sahut Sultan Muktabar Alam:

*“Marilah kita bermain senjata!”*

Setelah didengar oleh Raja Alam Syah Dewa maka iapun segeralah memanah kepada Sultan Muktabar Alam dengan anak panah yang sakti. Berdengung-dengung bunyinya seperti kumbang melangsi bunyi dengungnya, bernyala-nyala dengan tepatnya menuju Sultan Muktabar Alam, maka seketika ditangkiskan oleh Sultan Muktabar Alam dengan perisainya.

Setelah lalulah panah Raja Alam Syah Dewa itu, maka Sultan Muktabar Alam pun mengadang busur panahnya lalu dipanahkannya kepada Raja Alam Syah Dewa lalu kena mahkotanya jatuh ke bumi.

Berhamburan permatanya!

Setelah Raja Alam Syah Dewa melihat mahkotanya jatuh dari kepalanya itu maka iapun tahulah akan tewas tarungnya dengan Sultan Muktabar Alam itu. Maka Raja Alam Syah Dewa pun terlalu sangat amarahnya lalu ia melayangkan kenderaannya hampir dengan kenderaan Sultan Muktabar serta ia menghunus pedangnya, lalu diparangkannya kepada Sultan Muktabar Alam.

Maka ditangkis oleh Sultan Muktabar Alam dengan perisainya, maka perisai itupun belah dua lalu kepada baju zirahnya tujuh lapis, putus berhamburan permatanya lalu kena kepada tubuhnya. Keluar api memancar-mancar bernyala-nyala.

Maka Sultan Muktabar Alam pun terlalulah sangat marahnya lalu ia menghunus pedangnya yang diberi oleh nenekanda baginda, Sultan Mengindera Perdana Alam, terlalu sangat saktinya, seraya ia bertempik lalu diparangkannya kepada Raja Alam Syah Dewa. Maka ditangkiskan oleh Raja Alam Syah Dewa dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada pinggangnya, penggal dua. Maka Raja Alam Syah Dewa pun matilah.

Maka bersoraklah rakyat Kemala Hikmat gemuruh bunyinya.

Setelah dilihat oleh Paduka Kobat Indera Di Alam akan kekanda baginda sudah hilang itu maka Paduka Kobat Indera Alam pun menangis seraya katanya:

*“Ayuh abang Raja Alam Syah Dewa! Janganlah abang berjalan seorang!”*

Seraya melayangkan kenderaannya mendapatkan Sultan Muktabar Alam. Setelah dilihat oleh Sultan Alam Brahmajeda akan Paduka Kobat Indera Di Alam mendapatkan kekanda baginda itu maka segera dipintasinya oleh Sultan Alam Brahmajeda seraya bertempik katanya:

*“Hei, Dewa! Hendak ke mana engkau pergi?! Marilah kita*

*bermain senjata!”*

Setelah didengar oleh Paduka Kobat Indera Di Alam akan tempik Sultan Alam Brahmajeda itu maka Paduka Kobat Indera Di Alam pun menoleh ke kiri, maka dilihatnya seorang dewa terlalu sikap. Maka Paduka Kobat Indera Di Alam pun menyahut, katanya:

*“Hei, dewa! Siapa namamu maka berani engkau memanggil aku ini?!”*

Maka sahut Sultan Alam Brahmajeda:

*“Hei, dewa! Adapun akan namaku Sultan Alam Brahmajeda! Akan engkau, siapa namamu?!”*

Maka sahut Paduka Kobat:

*“Adapun namaku Paduka Kobat Indera Alam!”*

Seraya ia mengambil anak panahnya yang bernama Turangga Sila, lalu dipanahkannya ke udara. Gemuruh bunyinya di udara. Di seketika turunlah hujan terlalu lebatnya menempuh segala rakyat Kemala Hikmat. Maka segala rakyat habislah kedinginan tiada terbelakan segala senjatanya lagi, terlalu banyak matinya dibunuh oleh segala rakyat Di Gua Persunggi Alam.

Setelah dilihat oleh Sultan Alam Brahmajeda akan hal segala rakyat Kemala Hikmat maka terlalu banyak matinya, maka Sultan Alam Brahmajeda pun mengambil anak panahnya yang bernama Gempita Bayu lalu dipanahkannya di udara, gemuruh maha gempita bunyinya di udara. Ada seketika turunlah angin ribut taufan kilat sabung-menyabung memancar-mancar. Tiada yang kelihatan lagi. Maka Padang Berantah Cahaya itupun seperti akan terangkatlah lakunya. Maka segala kaum jin banyaklah matinya kena sinar kilat itu.

Setelah dilihat oleh Paduka Kobat Indera Alam akan senjatanya tewas oleh Sultan Alam Brahmajeda itu maka Paduka Kobat Indera Alam pun menghunus cincinnya lalu dilontarkannya ke udara. Seketika lagi maka kilat yang sabung-menyabung itupun hilanglah menjadi terang jua.

Maka segala raja-raja itupun beraturlah masing-masing dengan lawannya. Maka Paduka Kobat Indera Alam mengambil anak panahnya, Sutura Bayu namanya lalu dipanahkannya kepada Sultan Alam Brahmajeda, bernyala-nyala datangnya!

Maka ditangkiskan oleh Sultan Alam Brahmajeda dengan perisainya, maka perisai itupun tersalah, lalukan kepada dadanya, teruslah baju zirahnya sembilan lapis, lalu kepada tubuhnya, keluar api memancar-mancar.

Maka Sultan Alam Brahmajeda pun terlalu sangat marahnya seraya bertempik sambil memusing-musingkan cakranya bernama Kemala Sakti Rabuti seraya berkata:

*“Hei, Paduka Kobat Indera Alam! Jikalau engkau dapat menyalahkan cakraku ini tiadalah aku memegang senjata lagi!”*

Lalu dilontarkannya cakra itu. Bernyala-nyala datangnya menuju Paduka Kobat Indera Alam, maka ditangkisnya oleh Paduka Kobat Indera Alam dengan perisainya. Maka perisainya itupun belah dua, maka lalu kepada dadanya itupun belah dua menjadi belah empat dengan perisainya. Maka Paduka Kobat pun matilah. Maka bersoraklah rakyat Kemala Hikmat, terlalu gempita bunyinya.

Setelah didengar oleh Paduka Dewa Lela Udara akan kekanda baginda kedua sudah hilang itu maka iapun menangis serta melayangkan kenderaannya mendapatkan Sultan Brahmajeda. Setelah dilihat oleh Sultan Dewa Alam Pertawi akan seorang dewa datang mendapatkan kekanda baginda Sultan Alam Brahmajeda itu maka Sultan Dewa Alam Pertawi pun melayangkan kenderaannya mendapatkan Paduka Dewa Lela Udara.

Setelah hampirlah lalu ia bertempik katanya:

*“Hei, dewa! Siapa namamu?!”*

Setelah didengar oleh Paduka Dewa Lela Udara akan tempik Sultan Dewa Alam Pertawi itu maka iapun menoleh ke kiri, maka

dilihatnya seorang dewa berkenderaan di atas Langkap Indera terlalu pahlawan sikapnya. Maka Paduka Dewa Lela Udara pun memalingkan kenderaannya seraya berkata:

*“Hei, Dewa! Akulah yang bernama Paduka Dewa Lela Udara! Syahdan engkau siapa namamu?!”*

Setelah didengar oleh Sultan Dewa Alam Pertawi maka kata Sultan Dewa Alam Pertawi:

*“Akulah yang bernama Sultan Dewa Alam Pertawi! Marilah kita bermain senjata!”*

Setelah didengar Paduka Dewa Lela Udara maka iapun mengadang busur panahnya lalu dipanahkannya kepada Sultan Dewa Alam Pertawi, bernyala-nyala datangnya, lalu ditangkiskan oleh Sultan Dewa Alam Pertawi dengan perisainya. Telah lalu panah Paduka Dewa Lela itu.

Maka Sultan Dewa Alam Pertawi pun mengambil panahnya lalu dipanahkannya kepada Paduka Dewa Lela Udara, berdengung-dengung bunyinya seperti kumbang melangsi. Maka ditangkiskan oleh Paduka Lela Udara dengan perisainya. Maka perisai itupun ternyala-nyala lalu kena dadanya terus ke belakangnya. Maka Paduka Dewa Lela Udara pun matilah. Bersoraklah rakyat Kemala Hikmat tiadalah berhenti lagi.

Setelah dilihat oleh Paduka Bangsawan Mengindera Lela akan kekanda baginda ketiga sudah hilang itu maka Paduka Bangsawan Mengindera Lela pun menangis seraya melayangkan kenderaannya mendapatkan Sultan Dewa Alam Pertawi. Setelah dilihat oleh Sultan Mengerna Indera seorang dewa mendapatkan Sultan Dewa Alam Pertawi itu maka dipintasinya oleh Sultan Mengerna Indera.

Setelah bertemu maka katanya:

*“Hei, dewa! Siapa namamu?!”*

Maka sahut Paduka Bangsawan Mengindera Lela:

*“Akulah yang bernama Paduka Bangsawan Mengindera Lela.*

*Syahdan engkau siapa namamu?!”*

Maka sahut Sultan Indera:

*“Syahdan akulah yang bernama Sultan Mengerna Indera. Marilah kita bermain senjata! Apa yang ada senjatamu itu datangkanlah kepadaku!”*

Setelah didengar oleh Paduka Bangsawan Mengindera Lela akan kata Sultan Mengerna Indera itu maka Paduka Bangsawan Mengindera Lela pun mengadakan busur panahnya, maka lalu dipanahkannya kepada Sultan Mengerna Indera, maka ditangkiskan oleh Sultan Mengerna Indera dengan perisainya.

Setelah lalu panah Paduka Bangsawan Mengindera Lela itu maka segera dibalas panah oleh Sultan Mengerna Indera dengan panahnya yang bernama Indera Bayu, gemuruh bunyinya di udara bernyala-nyala datangnya tiadalah kelihatan kepada Paduka Bangsawan Mengindera Lela. Maka iapun terkejut dengan marahnya seraya melayangkan kenderaannya hampir dengan kenderaan Sultan Mengerna Indera.

Setelah hampir lalu diparangnya dengan pedangnya, maka segera ditangkiskan oleh Sultan Mengerna Indera dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada bahunya kiri tiada lut, keluar api bernyala-nyala dan memancar-mancar ke udara.

Maka Sultan Mengerna Indera pun terlalu sangat marahnya lalu ia menghunus pedangnya yang bernama Turangga Sila itu lalu diparangkannya kepada Paduka Bangsawan Mengindera Lela maka ditangkiskan oleh Paduka Bangsawan Mengindera Lela dengan perisainya, maka perisai itupun belah dua, lalu kepada pinggangnya, putus penggal dua. Maka Paduka Bangsawan Mengindera Lela pun matilah. Maka bersoraklah rakyat Kemala Hikmat.

Setelah didengar oleh Sultan Indera Menggaji Lela dan Sultan Bernobat Lela Mengerna dan Raja Indera Mengindera dan Paduka Bangsawan Indera Besi Perdana dan Bongsu Cendera Gundah Gulana

pun melayangkan kenderaannya menuju lawannya. Maka Sultan Indera Menggaji Lela pun bertemu dengan Sultan Indera Mengindera, maka kata Sultan Indera Menggaji Lela:

*“Hei, Indera! Siapa namamu?!”*

Maka disahut oleh Sultan Indera Mengindera:

*“Hei, Indera! Namaku Sultan Indera Mengindera! Syahdan akan engkau siapa!?”*

Maka sahut Sultan Indera Menggaji Lela:

*“Namaku Sultan Indera Menggaji Lela!”*

Seraya ia mengadang panahnya, lalu dipanahkannya kepada Sultan Indera Mengindera, berdengung-dengung dan bernyala-nyala datangnya menuju Sultan Indera Mengindera. Maka ditangkiskan oleh Sultan Indera Mengindera dengan perisainya seraya ia melayangkan kenderaannya hampir dengan Sultan Indera Menggaji Lela.

Setelah hampir maka lalu dipalunya dengan cokmarnya, maka ditangkiskan oleh Sultan Indera Menggaji Lela dengan perisainya. Daripada sangat gagah Sultan Indera Mengindera memalukan cokmar itupun maka perisainya itupun terpelanting daripada tangan Sultan Indera Menggaji Lela lalu kena mahkotanya habislah remuk redam, lalu kepada kepalanya, pecah berhamburan otaknya, lalu mati. Maka sorak rakyat Kemala Hikmat tiadalah berhenti lagi.

Setelah dilihat oleh Sultan Bernobat Lela Mengerna akan Sultan Indera Menggaji Lela sudah mati itu, maka Sultan Bernobat Lela Mengerna pun segera melayangkan kenderaannya mendapatkan Sultan Mengerna Indera lalu dipanahnya akan Sultan Mengerna Indera, maka ditangkiskan dengan perisainya. Telah lalu panah Sultan Bernobat Lela Mengerna itu.

Maka Sultan Mengerna Indera pun menghunus pedangnya yang diberi oleh Azrang Gempita Sakti, terlalu sangat saktinya tiada boleh



ditangkiskan oleh lawannya, maka lalu diparangnya kepada bahunya, putus bagai direncong. Maka Sultan Bernobat Lela Mengerna pun matilah.

Setelah dilihat oleh Raja Indera Mengindera akan Sultan Bernobat Lela Mengerna sudah mati itu, Raja Indera Mengindera pun melayangkan kenderaannya mendapatkan Sultan Indera seraya ia mengadang panahnya juga lalu dipanahkannya kepada Sultan Indera Mengindera, maka oleh Sultan Indera Mengindera diparangnya dengan pedangnya akan anak panah Raja Indera Mengindera itupun penggal dua. Maka iapun terlalu sangat marahnya.

Maka lalu ia melayangkan kenderaannya hampir kepada Sultan Indera Mengindera. Setelah hampir maka lalu diparangnya dengan pedangnya, maka ditangkiskan oleh Sultan Indera Mengindera dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua, maka lalu kepada baju zirah, putus sembilan lapisnya. Habislah berhamburan permatanya, lalu kepada tubuhnya tiada lut, keluar api bernyala-nyala.

Maka Sultan Indera Mengindera pun terlalu sangat marahnya lalu ia menghunus pedangnya seraya melayangkan kenderaannya hampir kepada Raja Indera Mengindera. Setelah hampir lalu diparangnya dengan pedangnya, maka ditangkiskan oleh Raja Indera Mengindera dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada lehernya, putus. Maka Raja Indera Mengindera pun matilah. Maka bersoraklah rakyat Kemala Hikmat tiada berputus lagi.

Setelah dilihat oleh Paduka Bongsu Indera Mempelai akan Raja Indera Mengindera sudah mati itu maka ia pun melayangkan kenderaannya mendapatkan Sultan Indera Mengindera. Setelah dilihat oleh Sultan Indera Mengerna Lela akan Paduka Bongsu Indera Mempelai mendapatkan Sultan Indera Mengindera itu maka segera dipintasinya dari hadapannya.

Setelah bertemu maka Sultan Indera Mengerna Lela pun

bertempik katanya:

*“Hei, Indera! Siapa namamu?! Marilah kita bermain akan senjata!”*

Setelah didengar oleh Paduka Bongsu Indera Mempelai akan tempik Sultan Indera Mengerna Lela itu maka iapun memandang ke hadapan. Dilihatnya seorang Indera terlalu baik sikapnya. Maka Paduka Bongsu Indera Mempelai pun berkata:

*“Hei, Indera, siapa namamu?! Syahdan akulah yang bernama Paduka Bongsu Indera Mempelai, syahdan akan engkau siapa namamu?! Supaya mati jangan tiada bernama!”*

Maka sahut Sultan Indera Mengerna Lela:

*“Hei, Paduka Bongsu Indera Mempelai! Akan namaku Sultan Indera Mengerna Lela. Apa yang ada senjata marilah datangkan kepada aku!”*

Setelah didengar oleh Paduka Bongsu Indera Mempelai maka iapun mengambil anak panahnya lalu dipanahkannya kepada Sultan Indera Mengerna. Bernyala-nyala datangnya menuju dada Sultan Indera Mengerna. Maka ditangkiskan oleh Sultan Indera Mengerna Lela dengan perisainya, maka perisai itupun terbelah lalu kepada dadanya, terbelah baju zirahnya sembilan lapisan lalu kepada tubuhnya, tiada lut. Keluar api memancar-mancar.

Maka Sultan Indera Mengerna Lela pun terlalu sangat marahnya seraya melayangkan kenderaannya hampir dengan kenderaan Paduka Bongsu Indera Mempelai. Setelah dekatlah lalu dipalu dengan cokmarnya yang berat seribu man<sup>[233]</sup> itu. Maka ditangkiskan Paduka Bongsu Indera Mempelai dengan perisainya. Daripada sangat zharab<sup>[234]</sup> palu Sultan Indera Mengerna Lela memalukan cokmar itu tiadalah tertangkiskan oleh Paduka Bongsu Indera Mempelai. Maka iapun matilah<sup>[235]</sup>.

Setelah Cendera Dewa melihat akan Paduka Bongsu Indera mempelai sudah mati itu maka iapun melayangkan kenderaannya mendapatkan Sultan Indera Mengerna Lela. Setelah dilihat Sultan Bongsu Indera Bangsawan akan Raja Cendera Dewa mendapatkan Sultan Indera Mengerna Lela itu maka segera dipintasinya dari hadapannya seraya bertempik, katanya:

*“Hei, Cendera! Siapa namamu?!”*

Setelah didengar oleh Raja Cendera Dewa akan kata Sultan Bongsu Indera Bangsawan itu maka sahut Raja Cendera Dewa:

*“Akulah yang bernama Raja Cendera Dewa! Akan engkau siapa namamu?! Supaya matimu jangan tiada bernama!”*

Maka kata Sultan Bongsu Indera Bangsawan:

*“Adapun akan namaku Sultan Bongsu Indera Bangsawan! Marilah kita bermain senjata!”*

Setelah didengar oleh Raja Cendera Dewa akan kata Sultan Bongsu Indera Bangsawan itu maka Raja Cendera Dewa pun mengadang panahnya lalu dipanahkan kepada Sultan Bongsu Indera Bangsawan.

Seperti riang-riang <sup>[236]</sup> di padang bunyinya anak panahnya, lalu ditangkiskan oleh Sultan Bongsu Indera Bangsawan dengan perisainya. Telah lalu panah Raja Cendera Dewa itu.

Maka dibalas oleh Sultan Bongsu Indera Bangsawan maka segera ditangkiskan oleh Raja Cendera Dewa dengan perisainya. Maka perisai itupun terus lalu kena dadanya teruslah ke belakangnya. Maka Raja Cendera Dewa pun matilah. Maka bala tentera Kemala Hikmat pun bersoraklah. Maka terlalu hazmat bunyinya.

Setelah dilihat Raja Cendera Lela akan kekanda baginda sudah mati itu maka iapun menangis seraya melayangkan kenderaannya mendapatkan Sultan Bongsu Indera Bangsawan. Setelah dilihat oleh

Ambang Paduka Raja Alam akan Raja Cendera Lela mendapatkan Sultan Bongsu Indera Bangsawan itu maka segera dipintasi oleh Ambang Paduka Raja Alam.

Setelah bertemu kedua raja-raja itu maka kata Ambang Paduka Raja Alam:

*“Hei, cendera! Siapa namamu?!”*

Setelah didengar oleh Raja Cendera Lela maka sahutnya:

*“Hei, Cendera! Aku yang bernama Raja Cendera Lela! Akan engkau siapa namamu?!”*

Maka sahut Ambang Paduka Raja Alam:

*“Hei, Raja Cendera Lela Kesani Perdana! Akulah yang bernama Ambang Paduka Raja Alam!”*

Setelah didengar oleh Raja Cendera Lela Kesani Perdana akan kata Ambang Paduka Raja Alam itu seraya memanah ke udara. Gemuruh bunyinya di udara. Maka anak panah Raja Cendera Lela Kesani Perdana itupun menjadi naga beribu-ribu datang hendak menyambar Ambang Paduka Raja Alam.

Maka Ambang Paduka Raja Alam pun memanah ke udara, lalu menjadi garuda berlapis-lapis banyaknya datang menyambar naga itu, habis mati. Maka garuda itupun melayang hendak menyambar Raja Cendera Lela Kesani Perdana. Maka Raja Cendera Lela pun melambungkan rumalnya ke udara lalu menjadi hujan senjata mengenai kepada garuda itu, habislah mati.

Setelah dilihat Ambang Paduka Raja Alam akan senjatanya tewas maka iapun segera melayangkan kenderaannya hampir kepada kenderaan Raja Cendera Lela Kesani Perdana. Setelah hampirlah lalu dipalunya dengan cokmarnya, maka ditangkiskan oleh Raja Cendera Lela Kesani Perdana dengan perisainya. Perisai itupun terpelanting lalu kena mahkotanya, remuk-redam dengan tubuhnya sekali, lalu mati.

Setelah dilihat oleh Raja Cendera Dewa Besi Perdana akan

kekanda baginda kedua sudah hilang maka iapun menangis seraya melayangkan kenderaannya mendapatkan Ambang Paduka Raja Alam.

Setelah dilihat Alam Tengah Paduka Dewa akan Raja Cendera Dewa Besi Perdana mendapatkan kekanda baginda Ambang Paduka Raja Alam itu, maka Alam Tengah Paduka Dewa segera melayangkan kenderaannya mendapatkan Raja Cendera Dewa Besi Perdana. Setelah hampirlah Alam Tengah Paduka Dewa dengan Raja Cendera Dewa Besi Perdana maka Alam Tengah Paduka Dewa pun bertempik, katanya:

*“Hei, cendera! Siapa namamu?! Marilah kita bermainkan senjata!”*

Setelah didengar oleh Raja Cendera Dewa Besi Perdana akan tempik Alam Tengah Paduka Dewa itu maka iapun menoleh ke kiri. Dilihatnya seorang cendera terlalu pahlawan sikapnya. Maka Raja Cendera Dewa Besi Perdana pun bertempik katanya:

*“Hei, cendera! Akulah yang bernama Raja Cendera Dewa Besi Perdana! Akan engkau siapa namamu?! Supaya matimu jangan tiada bernama!”*

Maka sahut Alam Tengah Paduka Dewa:

*“Hei, Raja Cendera Dewa Besi Perdana! Akulah yang bernama Alam Tengah Paduka Dewa! Apa yang ada senjatamu marilah datangkan kepadaku!”*

Setelah didengar oleh Raja Cendera Dewa Besi Perdana akan kata Alam Tengah Paduka Dewa itu maka Raja Cendera Besi Perdana pun mengadang tali busur panahnya lalu dipanahkannya kepada Alam Tengah Paduka Dewa. Berdengung-dengung bunyinya dan bernyala-nyala datangnya menuju Alam Tengah Paduka Dewa. Maka segera diparangnya oleh Alam Tengah Paduka Dewa dengan pedangnya, penggal dua.

Setelah dilihat Raja Cendera Dewa Besi Perdana akan panahnya penggal dua itu maka iapun terlalu sangat marahnya. Lalu diambilnya cakranya seraya dipusing-pusingnya lalu dilontarkannya kepada Alam

Tengah Paduka Dewa, maka lalu diparangnya dengan pedangnya, penggal dua, seraya katanya:

*“Hei, Raja Cendera Dewa Besi Perdana! Apa ada lagi senjatamu marilah datangkan kepada aku!”*

Setelah didengar oleh Raja Cendera Dewa Besi Perdana akan kata Alam Tengah Paduka Dewa itu maka iapun menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Alam Tengah Paduka Dewa, maka disambutnya dengan pedangnya. Maka pedangnya Raja Cendera Dewa Besi Perdana itupun putuslah, penggal dua.

Maka Alam Tengah Paduka Dewa pun tertawa seraya katanya:

*“Hei, Raja Cendera Dewa Besi Perdana! Sambutlah pedangku ini!”*

Lalu diparangkannya kepada Cendera Dewa Besi Perdana lalu mati. Maka bersoraklah rakyat Kemala Hikmat, terlalu gempita bunyinya.

Setelah dilihat oleh Bongsu Cendera Gundah Gulana akan kekanda baginda ketiga sudah mati itu maka iapun menangis seraya ia berpantun, demikian bunyinya:

*“Gelang paku gelang rama-rama,  
Hilang aku hilang kita bersama.”*

Lalu ia tertawa-tawa seraya ia melayangkan kenderaannya mendapatkan Alam Tengah Paduka Dewa. Setelah dilihat oleh Azrin Paduka Gempita Alam seorang cendera lakunya gila-gila basa mendapatkan Alam Tengah Paduka Dewa itu maka segera dipintasi oleh Azrin Paduka Gempita Alam lalu ia bertempik katanya:

*“Hei, cendera! Siapa namamu?!”*

Maka sahut Bongsu Cendera Gundah Gulana:

*“Akulah yang bernama Bongsu Cendera Gundah Gulana! Hei,*

*akan engkau siapa namamu?! Supaya matimu jangan tiada bernama!”*

Maka sahut Azrin Paduka Alam:

*“Akulah yang bernama Azrin Paduka Gempita Alam! Marilah kita bermain senjata!”*

Maka kata Bongsu Cendera Gundah Gulana:

*“Baiklah!”*

Lalu ia mengambil anak panahnya lalu dipanahkannya kepada Azrin Paduka Gempita Alam. Bernyala-nyala datangnya seperti panah kelawar dan menuju. Maka segera diparang oleh Azrin Paduka Gempita Alam dengan pedangnya. Akan panah Bongsu Cendera Gundah Gulana itupun putus penggal dua.

Setelah dilihat oleh Bongsu Cendera Gundah Gulana akan panahnya penggal dua itu maka iapun terlalu sangat marahnya lalu ia melayangkan kenderaannya hampir dengan kenderaan Azrin Paduka Gempita. Setelah hampirlah lalu dipalunya dengan cokmarnya, maka segera diparang oleh Azrin Paduka Gempita Alam dengan pedangnya. Maka cokmar itupun putus penggal dua.

Setelah dilihat oleh Bongsu Cendera Gundah Gulana akan cokmarnya putus penggal dua itu maka iapun segera menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Azrin Paduka Gempita Alam. Maka segera ditangkiskan oleh Azrin Paduka Gempita Alam dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada dadanya, putus baju zirahnya sembilan lapis, lalu kepada tubuhnya. Keluar api memancar-mancar seperti orang mencanai bernyala-nyala.

Maka Azrin Paduka Gempita Alam pun terlalu sangat marahnya seraya ia menghunus pedangnya lalu diparangkannya maka segera ditangkiskan oleh Bongsu Cendera Gundah Gulana dengan perisainya. Maka perisai pun belah dua lalu kepada bahunya, putus bagai direncong. Maka Bongsu Cendera Gundah Gulana pun matilah. Maka sorak rakyat Kemala Hikmat gemuruh bunyinya.

Setelah dilihat oleh Paduka Alam Mengindera akan adinda baginda sudah mati itu maka Paduka Alam Mengindera pun menangis seraya katanya:

*“Ayuh adinda Bongsu Cendera Gundah Gulana, mengerat menumpang kasih sayang, orang lenyap di dalam desa, orang hilang di dalam bandar, orang muas <sup>[237]</sup> di dalam medan raja, syahdan hapuslah di padang dewa. Sudahlah dengan kehendak Tuhan Ilahi gunung menjadi gunung, padang menjadi padang. Orang desa menjadi desa. Orang tasik menjadi tasik. Orang bandar menjadi bandar.*

*Ayuh, Bongsu Cendera Gundah Gulana! Adinda jangan berjalan seorang. Hayat pun apa gunanya lagi! Remuklah abang mengerat bersama-sama dengan adikku tuan Bongsu Cendera Gundah Gulana.”*

Maka Paduka Alam Mengindera pun melayangkan kenderaannya mendapatkan Azrin Paduka Gempita Alam. Setelah dilihat oleh Sultan Mengindera Paduka Azrin seorang cendera mendapatkan kekanda baginda itu maka Sultan Mengindera Paduka Azrin pun segera melayangkan kenderaannya Indera Bayu itu.

Setelah hampirlah maka Sultan Mengindera Paduka Azrin pun bertempik, katanya:

*“Hei, cendera, siapa namamu?!”*

Setelah didengar oleh Paduka Alam Mengindera akan tempik Sultan Mengindera Paduka Azrin itu maka Paduka Alam Mengindera pun menoleh ke kiri. Dilihatnya seorang cendera terlalu pahlawan sikapnya. Maka Paduka Alam Mengindera pun berkata:

*“Hei, cendera! Siapa namamu?!”*

Maka sahut Sultan Mengindera Paduka Azrin:

*“Akulah yang bernama Sultan Mengindera Paduka Azrin! Akan engkau siapa namamu?! Supaya matimu jangan tiada bernama!”*

Maka Paduka Alam Mengindera pun menyahut:



*“Akulah yang bernama Paduka Alam Mengindera!”*

Seraya dipanahnya dengan panah yang sakti, Nila Sutera namanya. Gemuruh bunyinya di udara. Seketika turun gunung api terlalu maha besarnya datang mengusir bala tentera Kemala Hikmat. Habislah lari cerai-berai masing-masing membawa dirinya.

Setelah dilihat Sultan Mengindera Paduka Azrin maka iapun segera memanah ke udara. Maka turunlah hujan terlalu lebat menempuh. Gunung api itupun padamlah. Maka Paduka Alam Mengindera pun memanah Sultan Mengindera Paduka Azrin panah yang bernama Karma Bayu bernyala-nyala datangnya menuju Sultan Mengindera Paduka Azrin.

Maka ditangkiskan oleh Sultan Mengindera Paduka Azrin dengan perisainya, maka perisai itupun terlalu kuat datangnya, tersalah lalu kepada dadanya terus baju zirahnya sembilan lapis, lalu kepada tubuhnya. Keluar api bernyala-nyala dan memancar-mancar.

Maka Sultan Mengindera Paduka Azrin pun terlalu sangat marahnya seraya ia menghunus pedangnya yang diberi nenekanda baginda, Seri Sultan Kemala Sakti, lalu diparangkannya kepada Paduka Alam Mengindera, maka ditangkiskan oleh Paduka Alam Mengindera dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua, lalu kepada pinggangnya, penggal dua. Maka Paduka Alam Mengindera pun matilah. Maka bersoraklah rakyat Kemala Hikmat seperti halilintar membelah bunyinya. Maka segala rakyat di Gua Persanggi Alam pun pecahlah habis lari sekaliannya membawa dirinya. Maka diusir oleh segala rakyat Kemala Hikmat. Barang bertemu habislah mati.

Maka hari pun malamlah. Maka gendang berhenti pun dipalu oranglah. Maka segala raja-raja pun kembalilah dengan dengan kemenangannya datang menghadap Kores Peri Mengindera Rupa dan Raja Brahmakala lalu duduk masing-masing dengan kursinya.

Maka hidangan pun diangkat oleh muda-muda kores ke hadapan

segala raja-raja itu. maka Kores Peri Ketujuh Bersaudara pun santaplah. Dan segala raja-raja, menteri, hulubalang dan pahlawan, rakyat, bala tentera sekeliannya pun makanlah. Masing-masing dengan hidangannya. Yang indera sama indera, yang cendera sama cendera, yang jin sama jin, yang dewa samanya dewa, yang mambang sama mambang.

Setelah sudah makan nasi lalu basuh tangan. Setelah sudah lalu makan sirih dan memakai segala bau-bauan. Setelah sudah, hidangan minuman pula diangkat oleh muda-muda kores. Maka piala yang bertatahkan intan mutu manikam itupun diperedar oranglah kepada segala raja-raja itu. Sekaliannya pun minumlah dengan tempik soraknya.

Maka segala bunyi-bunyian pun berbunyi dari pada rebab, kecapi, dandi, muri, serunai, nafiri, gong, gendang pun berbunyi. Terlalu merdu bunyinya merawankan hati. Segala yang asyik berahi pun bangkitlah menari, terlalu indah-indah rupa tari seraya berangguk-anggukan sulang-menyulang terlalu ramai.

Setelah sudah makan minum itu, masing-masing bermohon kembali ke rumah isteri bersenda bergurau dengan isterinya kerana lama sudah tiada bertemu dengan isterinya. Terlalu rindu dendam akan isterinya, melakukan kasih-kasihan.

Sebermula tersebutlah segala rakyat yang lari itu. Setelah hari sudah malam, maka sekeliannya pun datanglah menghadap Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan persembahkan segala raja-raja itu habislah mati semuanya.

Setelah didengar oleh Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan maka baginda pun terlalu sangat marahnya seraya bertitah:

*“Hai, segala saudaraku! Esok hari hamba sendiri keluar berperang. Beri hadirlah segala alat senjata! Jangan lagi taksir segala saudara hamba kepada sekali perang ini atau hamba mati maka berhentilah perang hamba dengan Kores Peri Mengindera Rupa itu!”*

Maka titah baginda kepada Johan Pahlawan Kilat Di Angkasa:

*“Palulah gendang perang kepada malam ini!”*

Maka Johan Pahlawan pun menyuruh memalu genderang perang, hazmat bunyinya.

Setelah didengar oleh Johan Pahlawan Gandar Alam bunyi gendang perang daripada sebelah Raja Jin itu maka iapun menyuruh memalu gendang perang. Terlalu gegak-gempita bunyinya dengan tempik soraknya serta makan minum dengan tempik tarinya terlalu ramai sementara menantikan hari siang.

Sebermula setelah sianglah hari maka segala raja-raja itupun bangunlah daripada beradu lalu basuh muka, santap nasi dan memakai segala yang indah alat kerajaan menantikan Baginda Kores Peri Mengindera Rupa berangkat.

Sebermula setelah hari siang, maka Kores Peri Mengindera Rupa pun bangunlah daripada beradu lalu basuh muka, santap sirih. Maka hidangan persantapan pun diangkat oleh segala dayang-dayang ke hadapan Baginda Ketujuh Bersaudara. Maka Baginda Ketujuh

Bersaudara pun santaplah. Sudah santap lalu basuh tangan dan santap sirih, syahdan memakai segala pakaian yang indah-indah selengkapnya alat kerajaan lalu berangkat ke balairong diiringkan adinda baginda keenam.

Setelah sampai lalu semayam di balai. Ada seketika lalu naik ke atas Mungkur Melayang, di bawah payung intan dikarang.

Akan Taulan Mengindera Raja Alam berkenderaan di atas Kursi Melayang, di bawah payung pudi dikarang.

Syahdan Sultan Muda Agung Perdana Di Alam berkenderaan di atas Rata Permata, di bawah payung zamrud dikarang.

Syahdan akan Bongsu Indera Bangsawan berkenderaan di atas Zirafah Indera, di bawah payung nilam dikarang.

Dan Usul Mengindera Raja Alam berkenderaan di atas Petala Bayu, di bawah payung pualam dikarang.

Sudah itu Mengerna Dewa Pahlawan Indera berkenderaan di atas Walimana Sakti, di bawah payung beludru dikarang.

Syahdan akan Dewa Vishnu Perdana Alam berkenderaan di atas Garkat Indera, di bawah payung pesak ragam dikarang.

Syahdan sebermula maka keluarlah dari dalam Kota Emas Kerajang itu mengatur pawai akan berjalan itu. Pertama berjalan dahulu Raja Mambang Ketiga Bersaudara. Yang tuha bernama Mambang Berantah Indera. Sudah itu Mambang Indera Bayu. Sudah itu Mambang Berseganda Cahaya.

Sudah itu Raja Dewa Empat Bersaudara. Yang tuha bernama Seri Sultan Muktabar Alam dulu berjalan. Sudah itu Sultan Alam Brahmajeda. Sudah itu Sultan Alam Pertawi. Sudah itu Paduka Dewa Gambir Sakti. Sudah itu Sultan Mengerna Indera. Sudah itu Sultan Indera Mengerna.

Sudah itu maka Sultan Bongsu Indera Bangsawan berjalan dibawa di atas Garuda Mahabara, di bawah payung ambangan bayu, memakai

mahkota tiga puluh dua pangkat, bersarung zirah berkerawang sembilan lapis, bersarwal dewangga merah, bermuza sampai ke mata duli. Cokmar pancalogam disandangnya di bahunya kiri. Pedang berhulukan manikam disandangnya kepada bahunya kanan. Terlalu pahlawan sikapnya. Tidak membilangkan lawan laku.

Sudah itu Ambang Paduka Raja Alam pula berjalan berkenderaan di atas Walimana Sakti, di bawah payung baiduri dikarang dengan permata intan, panah zamrud dipegang dengan tangan kanan, pedang bersarungkan baiduri disandangnya kepada bahu kirinya, berjalan perlahan-lahan.

Sudah itu Alam Paduka Dewa pula berjalan. Berkenderaan di atas Gangga Bayu, dipayung nilam dikarang, berbulang ribu-ribu mastuli dikarang diselang-selang dengan permata pudi, bersarung ungu digengser, berkapan pingai dirakam mega berarak, berpontoh biram berjuang, berqomar sehari bulan, bergelang tujuh tingkat, berkhundi melela berhulukan manikam merah, panah zamrud dikirikan, samasyar melayang dipegangnya dengan tangannya kanan, terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Azrin Paduka Gempita Alam pula berjalan. Berkenderaan di atas Kursi Melayang, di bawah payung zamrud dikarang, berbulang-bulang pingai, bersarung hijau dagang seri, berkapan ungu bersongket berbunga tabur, berkancing merak mengigal, berpontoh naga bertangkap, bergelang pudi mengurai seri, menyandang samasyar melayang terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Sultan Mengindera Paduka Azrin pula berjalan dibawah payung khatifah beremas. Dewa di atas Gelam Sakti, berbulang ungu ditelap dengan prada terbang, bersarung kesumba murapi, kapan hijau dagang seri, bergelang tujuh tingkat, berantai leher tujuh belit, berkancing garuda melayang, berikat pinggang gelam bersahi, berkhundi bersalut manikam merah, rumal kesumba disampaikan di bahunya kanan, panah baiduri digadang dengan tangannya kanan. Pedang manikam

dipersandangnya. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Kores Peri Mengindera Rupa, tabal di Tasik Benderang Cahaya, nobat di Padang Saujana Alam Keinderaan, senja di Medan Awan Berjentera, bertakhta di Balai Penderang Alam Balai Disambungi Bayu Berpuput Sentiasa. Raja berkenderaan di atas Mungkur Melayang, di bawah payung ambangan paksi.

Terdirilah cogan alam, terkibarlah tunggul panji-panji seri medan, tertitir nobat *Raja Berangkat*, berbarislah pawai *Sultan Beredar*, bergemalah dandi, muri, serunai, nafiri, samping sakti memberi berahi rasanya hati.

Tiada kuasa sahaya menanti, habis bulan tahun berganti. Memberi pilu rasanya kalbu, kerana tidak boleh bertemu, seperti terselam di laut selebu, kerana tiada teman bercumbu. <sup>[238]</sup>

Syahdan sudah itu Taulan Mengindera Raja Alam pula berjalan. Tabal di Tasik Biram Luka, nobat di Padang Biram Berjentera, senja di Medan Biram Makhluk. Bertakhta di Balai Puputan Biram Pahlawan. Berkenderaan di atas Kursi Berjentera, di bawah panji-panji alam bernaga. Bermahkota tiga puluh dua pangkat, berbaju zirah sembilan lapis. Berseluar senteng ungu. Bermuza sampai ke mata duli. Bergetang jua kepada dadanya. Memakai dasi kepada lehernya. Samasyar berhulukan manikam disangkutkan kepada pinggangnya. Cokmar pancalogam disandangnya kepada bahunya kiri. Pedang Turangga Sila disandangnya kepada bahunya kanan. Ialah raja yang pahlawan tiada diberlawan di medan.

Kemudian daripada itu Khalifah Muda Agung Perdana Besar Di Alam Agung Di Udara. Bagindalah putera Seri Sultan Paduka Raja Alam. Tabal di Gunung Mercuri Seribu, nobat di Padang Jentera Bayu, senja di Medan Hamburan Kuntum, takhta di Balai Naga Berjuang. Khalifah memakai berbulang ribu-ribu cahaya, bersarung tekua layangan,

[239]  
berkapan pingai lela ambangan, ramal kesumba indera layangan, bersebai ungu indera ambangan dan rumal bersahi main-mainan qadam. Panah Ya'akub dipegang tangannya kiri, pedang berhulukan manikam disandang di bahunya kanan. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Bongsu Dewa Raja Bangsawan. Tabal di Gua Biram Berjentera, nobat di Padang Indera Brahma, temasya di Medan Kemala Brahma, bertakhta di Balai Layangan Brahma. Bongsu berkenderaan di atas Gelam Sakti, di bawah payung gemala ratna, berbulang intan dikarang, bersarung pingai digengser diperciki air emas, berkapan hijau warna minyak dagang seri, bersabuh pingai berenda pudu dikarang, bersawat sandang cala perang, berantai tujuh belit, berpaduka tujuh tingkat, berqamar emas berpermata intan, berpontoh naga berjuang, bergelang emas tujuh tingkat, bercincin emas permata intan semberap jari, rumal pelangi permainan qadam, pedang berhulu akan zamrud disandang kepada bahunya kanan, panah manikam dikirikan. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Usul Mengindera Raja Alam pula berjalan. Dewa berkenderaan di atas Garkat Indera, di bawah payung iram-iram kuning berumbai-umbaikan mutiara dikarang, berbulang kesumba merapi, bersarung zirah nilam dikarang, berkapan songket kupu-kupu melayang, bertali leher tujuh belit, berpaduka tujuh pangkat, berqamar sehari bulan, bergelang jari tujuh sebelah barangan mutu manikam merah, berpontoh naga bertangkap, bersayap sandang cala perang, ramal kesumba disampaikan di bahu, samasyar melayang dikirikan, panah mutia ratna dikanankan, ramal pelangi main-mainan qadam.

Sudah itu Mengerna Dewa Pahlawan Indera pula berjalan. Berkenderaan di atas Naga Gentala, di bawah payung intan dikarang. Memakai mahkota sembilan belas pangkat, bersarung zirah tujuh lapis, bersarwal senteng ungu, bermuza sampai ke mata duli, bergetang baju kepada lehernya lalu ke dadanya, berqamar emas berpermata intan, rumal

ungu bertelepok berdaun bidai emas digantung disampaikan kepada bahunya kanan, cokmar pancalogam ditimang-timangnya. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Dewa Vishnu Perdana Alam pula berjalan. Sultan berkenderaan di atas Naga Gini; naga menanggung kursi melayang. Di bawah payung ambangan pepasir dipuput bayu layangan. Bermahkota naga taru sembilan belas pangkat. Bersarung tekua indera kayangan, berkapan pelangi lelaimbangan berantai mutia dikarang, berpaduka tujuh tingkat. Bergelang antah berantah tujuh tingkat. Bersayap sandang naga bertangkap. Berpontoh biram berjuang berpamor emas berlazuardi. Ramal kesumba mainan qadam. Panah Ya'kub dikirikan. Pedang berhulukan zamrud dipersandang kepada bahunya kanan. Terlalu baik sikapnya berjalan itu.

Sudah itu Raja Jin Gelanggi Alam pula berjalan. Berkenderaan di atas Jentayu Indera. Di bawah payung firus dikarang. Memakai mahkota sembilan belas pangkat. Bersarung zirah sembilan lapis, bersarwal senteng kuning. Bermuza sampai ke mata duli. Pedang berhulukan manikam dipersandangnya kepada bahunya kanan. Cokmar pancalogam dipusing-pusingnya dengan tangannya kiri. Terlalu hebat sikapnya.

Sudah itu Raja Jin Biram Logam pula berjalan. Di bawah payung intan dikarang, bersarung zirah sembilan lapis, bergetang lehernya sampai ke dadanya. Bersarwal senteng ungu tiga lapis, bermuza sampai ke mata duli. Samasyar berhulukan manikam disangkutkannya kepada pinggangnya. Pedang berhulukan zamrud disandangnya kepada bahunya kanan. Cokmar pancalogam dipusing-pusingnya dengan tangannya kanan. Terlalu pahlawan sikapnya.

Sudah itu Raja Jin Lela Angkasa pula berjalan. Di bawah payung ratna dikarang. Berkenderaan di atas Singa Terbang, memakai mahkota tujuh belas pangkat, bersarung zirah tujuh lapis. Bersarwal senteng hijau



tiga lapis, bermuza tiga lapis sampai ke mata duli. Panah zamrud dipegangnya dengan tangan kanan. Pedang berhulukan intan dipersandangnya. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Raja Jin Berongga Sekata pula berjalan. Berkenderaan di atas Indera Paksi. Di bawah payung nilam dikarang. Bersarwal beludru hitam, berqamar besi kersani lebar setulang kepada pinggangnya, bermuza sampai ke mata duli. Pedang berhulukan zamrud dipersandangnya kepada bahunya kanan. Cokmar besi kersani ditanggungnya bahunya kiri. Bermahkota tujuh pangkat. Ia berjalan terlalu hebat lakunya.

Berambal-ambal dan berpasuk-pasukan masing-masing dengan payungnya berbagai-bagi warnanya. Terdirilah cogan alam bernaga, terkibar-kibarliah tunggul panji-panji alam syahi medan. Melangsilah bunyian dandi, muri, serunai, nafiri. Syahdan meragamlah bunyi samping cahaya.

Syahdan mengenakan-enak bunyian nagaranya, meragamlah bunyi gendang nobat disambutnya oleh tambur di medan dan kobar-kobar asap lotongnya meniti-niti awan. Berlayangan rupa kenderaan, kembang kuncup rupa naungnya, berkilatan rupa daun bidai mulianya, gemerincing bunyi gegetar mulianya, bersinar-sinar pula cahaya mahkotanya, bersambutan rupa pinjung telinganya.

Syahdan dengan sangat seketika baginda berjalan itu, sampailah ke Padang Berantah Cahaya lalu beratur di medan peperangan bersaf-saf menantikan lawannya belum keluar dari dalam khemahnya.

Sebermula setelah hari siang, maka raja sekalian pun bangunlah dari beradu lalu basuh muka dan makan sirih dan santap nasi. Setelah sudah lalu memakai selengkapnya pakaian kerajaan lalu berangkat ke balai. Maka titah Raja Jin Angkasa Perdana Johan.

Syahdan Ketujuh Bersaudara pun berangkatlah keluar dari dalam khemahnya diiringkan segala raja-raja yang takluknya seribu sembilan ratus. Segala raja-raja jin yang bergua pertama-tama berjalan dahulu.

Raja Jin Tahir Malik berkenderaan di atas Merak Melayang, di bawah payung pudi dikarang. Memakai mahkota tujuh belas pangkat, bersarung zirah tujuh lapis, bersarwal dewangga kuning, bermuza sampai ke mata duli. Pedang berhulukan manikam dipersandangnya. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Raja Jin Tahir Johan Syah pula berjalan. Berkenderaan di atas Naga Terbang, di bawah payung baiduri dikarang. Memakai mahkota naga taru, bersarung zirah tujuh lapis, bersarwal beludru hitam. Bermuza ke mata duli. Pedang berhulukan zamrud disandangnya kepada bahunya kirinya. Cokmar pancalogam ditanggungnya kepada bahunya kanan. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu, Raja Jin Tahbir Johan Syah pula berjalan. Berkenderaan di atas satu bama <sup>[240]</sup>, memakai mahkota tujuh belas pangkat, bersarung zirah tujuh lapis, bersarwal dewangga hijau, bermuza sampai ke mata duli. Pedang berhulukan permata intan disandangnya kepada bahunya kanan. Panah zamrud dipegangnya dengan tangannya kanan. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Raja Jin Lela Johan Syah. Berkenderaan di atas satu Angkara. Di bawah payung mutia dikarang. Memakai mahkota tujuh belas pangkat, bersarung zirah tujuh lapis, bersarwal dewangga merah, bermuza sampai ke mata duli. Pedangnya berhulukan baiduri

dipersandangnya kepada bahunya kanan. Cokmar pancalogam ditanggungnya kepada bahunya kiri. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan pula berjalan. Berkenderaan di atas Rata Terbang, di bawah payung nilam dikarang, memakai mahkota sembilan pangkat, bersarung zirah sembilan lapis, bersarwal senteng ungu tiga lapis, bermuza sampai ke mata duli. Panah zamrud dipegang dengan tangannya kiri. Pedang berhulukan manikam merah dipersandangnya. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Raja Jin Mengindera Lela pula berjalan. Berkenderaan di atas Garuda Bayu, di bawah payung pualam dikarang. Memakai mahkota tujuh pangkat. Bersarung zirah tujuh lapis. Bersarwal dewangga ungu tiga lapis. Bermuza sampai ke mata duli. Samasyar melayang disangkutkannya kepada pinggangnya. Pedang berhulukan zamrud disandangnya. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Raja Jin Mandu Kesani pula berjalan. Berkenderaan di atas Gagak Sura, di bawah payung nilam dikarang. Memakai mahkota tujuh pangkat, bersarung zirah tujuh lapis, bersarwal beludru merah tiga lapis. Pedang berhulukan nila gandi<sup>[241]</sup> disandangnya kepada bahunya kanan. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu Raja Jin Gelangi Alam pula berjalan. Berkenderaan di atas Melana Kanggaru, di bawah payung pesak ragam dikarang. Memakai mahkota tujuh pangkat, bersarung zirah tujuh lapis, bersarwal senteng hijau tiga lapis, bermuza sampai ke mata duli. Cokmar pancalogam ditanggungnya kepada bahunya kanan. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu, Raja Jin Sali Bandan<sup>[242]</sup> pula berjalan. Berkenderaan di atas Naga Sawi, memakai mahkota tujuh pangkat, berbaju zirah tujuh lapis, bersarwal dewangga kuning, bermuza sampai ke mata duli, di bawah payung zarifah indera. Pedang berhulukan pancalogam disandangnya kepada bahunya kanan. Terlalu baik sikapnya.

Sudah itu, Raja Jin Brahma Rudrabala pula berjalan. Berkenderaan di atas Indera Bayu, di bawah payung zirah jadi dikarang, memakai mahkota sembilan belas pangkat, bersarung zirah sembilan lapis, bersarwal senteng hitam tiga lapis. Bermuza sampai ke mata duli. Menyandang pedang yang bernama Turangga Sila kepada bahunya kanan. Terlalu sikapnya.

Sudah itu, Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam pula berjalan. Bongsu berkenderaan di atas Garuda Mahabara. Bongsu bermahkota tiga puluh dua pangkat, bersarung zirah sembilan lapis, bersarwal tiga lapis. Bermuza sampai ke mata duli. Bongsu berpayung rama-rama kuning berumbairumbaikan permata intan. Pedang berhulukan kemala dipersandangnya kepada bahunya. Cokmar pancalogam dipusing-pusing dengan tangannya kanan. Terlalu hebat sikapnya.

Maka Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan ketujuh bersaudara pun berangkatlah keluar dari dalam khemahnya diiringkan segala raja-raja takluk seribu sembilan ratus segala raja-raja yang bergua menuju Padang Berantah Cahaya itu. Dengan sangat seketika ia melayang itu, nampaklah segala kenderaan raja jin berlayangan rupa kenderaannya.

Syahdan berkibaran rupa tunggul panji-panjinya. Syahdan gemerincing bunyi kemuncak gegetarnya dan berkembangan rupa payungnya. Syahdan bercahaya pula mahkota, syahdan bersampiran [243] rumal di bahunya. Berdengung-dengung bunyi samping rotan. Melangsi bunyi dandi, murinya. Mengenak-enak bunyi serunai nafirinya. Gegak-gempita bunyi gendang perangnya. Setelah sampai ke medan lalu berdiri bersaf-saf mengikat perang.

Setelah berpandangan, kedua pihak tentera itu lalu berperang, amuk-mengamuk, tikam-menikam, tetak-menetak, parang-memarang, husir-mengusir, ambat-mengambat terlalu ramai. Gegak-gempita, gelap-gulita tiada apa yang kelihatan lagi. Syahdan melainkan kilat senjata

segala raja-raja juga bernyala-nyala dan memancar-mancar seperti kilat di dalam awan juga rupanya.

Syahdan gemuruhlah bunyi tempik sorak segala bala tentera kedua pihak kaum itu sepertikan kiamatlah Padang Berantah Cahaya itu. Syahdan suatupun tidak kedengaran melainkan tempik sorak segala pahlawan handai johan bercampur dengan suara gajah dan kuda dan kenderaan segala raja-raja itu. Syahdan berlayangan rupa kenderaan segala raja-raja kedua pihak kaum itu sambar-menyambar di udara seperti rajawali dengan wuqab<sup>[244]</sup> rupanya terlalu ramai perang itu. Syahdan cahaya pula mahkota segala raja-raja itu seperti bintang di langit gemerlapan bersinar-sinar cahaya.

Maka terlalu banyak matinya antara kedua pihak kaum itu. Bangkai pun bertimbun-timbun, darah pun mengalir di bumi seperti air bah. Setelah banyaklah darah tumpah ke bumi, maka lebu duli itupun hilanglah. Maka kelihatanlah segala orang berperang itu seperti orang bermain gasing yang ligat rupanya berpusing-pusing seperti jentera yang ligat. Berolek-olek, berputar-putar terlalu ramai. Perang itu tujuh hari tujuh malam.

Setelah sampailah kepada delapan harinya maka Raja Jin Tahir Malik pun bertemulah dengan Raja Jin Gelanggi Alam. Maka kata Raja Jin Tahir Syah Malik:

*“Hai, jin! Siapa namamu?!”*

Maka sahut Raja Jin Gelanggi Alam:

*“Hai, jin! Akulah yang bernama Raja Jin Gelanggi Alam! Akan engkau, siapa namamu?”*

Maka sahut Raja Jin Tahir Syah Malik:

*“Akulah yang bernama Raja Jin Tahir Syah Malik! Apa kehendakmu?”*

Maka kata Raja Jin Gelanggi Alam:

*“Marilah kita bermain senjata!”*

Maka sahut Raja Jin Tahir Syah Malik:

*“Baiklah!”*

Lalu ia mengadang panahnya lalu dipanahkannya kepada Raja Jin Gelanggi Alam. Berdengung-dengung bunyinya dan bernyala-nyala datangnya menuju Raja Jin Gelanggi Alam, lalu ditangkiskan oleh Raja Jin Gelanggi Alam dengan perisainya.

Setelah lalu panah Raja Jin Tahir Syah Malik, maka ditangkiskan dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada bahunya putus bagai direncong. Maka Raja Jin Tahir Syah Malik pun matilah. Maka bersoraklah rakyat Kemala Hikmat, terlalu gempita bunyinya.

Setelah didengar oleh Raja Jin Tahir Johan Syah, maka iapun menoleh ke kiri. Dilihatnya akan kekanda baginda sudah hilang itu. Maka Raja Jin Tahir Syah pun menangis seraya melayangkan kenderaannya mendapatkan Raja Jin Gelanggi Alam.

Setelah dilihat oleh Raja Jin Brahma Logam seorang jin mendapatkan kekanda baginda; Raja Jin Gelanggi Alam, maka segera dipintasi oleh Raja Jin Brahma Logam. Setelah dekat lalu ia bertempik, katanya:

*“Hei, jin! Hendak ke mana engkau?! Marilah kita bermain senjata!”*

Setelah didengar oleh Raja Jin Tahir Johan Syah maka iapun menoleh ke kiri. Dilihatnya seorang jin terlalu hebatnya. Maka Raja Jin Tahir Johan Syah pun bertempik, katanya:

*“Hei, jin! Siapa namamu maka berani engkau berseru akan aku?!”*

Maka sahutnya:

*“Akulah yang bernama Raja Jin Brahma Logam! Akan engkau siapa namamu?! Supaya matimu jangan tiada bernama!”*

Maka sahut Raja Jin Tahir Johan Syah:

*“Aku yang bernama Raja Jin Tahir Johan Syah!”*

Seraya ia memanah kepada Raja Jin Brahma Logam. Bernyalanya berdentung-dentung bunyinya seperti kumbang melangsi bunyinya dengungnya. Maka ditangkiskan oleh Raja Jin Brahma Logam dengan perisainya. Maka perisai itupun tersalah lalu kepada zirah, terus ke sembilan lapisnya. Habislah berhamburan permatanya bagai dihamburkan orang rupanya, lalukan kepada dadanya, tiada lut. Keluar api memancar bernyalanya. Maka Raja Jin Brahma Logam terlalu sangat marahnya serta ia melayangkan kenderaannya hampir dengan kenderaan Raja Jin Tahir Johan.

Setelah hampir lalu dilontarnya dengan cakranya yang bernama Kemala Sakti. Gemuruh bunyinya seperti halilintar membelah bunyinya. Tiada kelihatan kepada mata Raja Jin Tahir Johan Syah, lalu disambarnya akan Raja Tahir Johan Syah diterbangkannya ke udara lalu dijatuhkannya ke tasik Antah Permana, terhantar di Balai Mendam Berahi.

Maka cakra Kemala Sakti pun kembalilah kepada Raja Jin Brahma Logam. Bersoraklah segala rakyat Kemala Hikmat. Gemuruh bunyinya.

Setelah dilihat oleh Raja Jin Tahbir Johan Syah kekanda baginda sudah ghaib diterbangkan cakra <sup>[245]</sup> Raja Jin Brahma Logam itu maka Raja Jin Tahbir Johan Syah pun menangislah seraya berkata:

*“Oh, abangku! Tuan hilang di dalam menimbang kasih orang, lenyap di dalam menurut kehendak orang.”*

Maka Raja Jin Tahbir Johan Syah pun melayangkan kenderaannya mendapatkan Raja Jin Brahma Logam. Setelah dilihat oleh Raja Jin Kilat Angkasa seorang jin mendapatkan kekanda baginda itu maka iapun segera melayangkan kenderaannya mendapatkan jin itu.

Setelah ia hampir kepada jin itu lalu ia bertempik, katanya:

*“Hei, jin! Siapa namamu?!”*

Setelah didengar oleh Raja Jin Tahbir Johan Syah maka iapun menoleh ke kiri. Maka dilihatnya seorang jin. Maka sahut Raja Jin Tahbir Johan Syah:

*“Akulah yang bernama Raja Jin Tahbir Johan Syah! Akan engkau siapa namamu?!”*

Maka sahut Raja Jin Kilat Angkasa:

*“Akulah yang bernama Raja Jin Kilat Angkasa! Marilah kita bermainkan senjata!”*

Sahut Raja Jin Tahbir Johan Syah:

*“Baiklah!”*

Maka lalu dipanahnya akan Raja Jin Kilat Angkasa dengan panahnya; Brahma Luka namanya. Gemuruh udara. Seketika lagi turunlah gunung api menempuh segala rakyat Kemala Hikmat. Terlalu banyak matinya dimakan oleh api.

Setelah dilihat oleh Raja Jin Kilat Angkasa akan hal rakyat Kemala Hikmat banyak matinya dimakan api, maka iapun mengambil anak panahnya yang bernama Bayu Sutera Nila, lalu dipanahkannya ke udara. Seketika lagi turunlah hujan terlalu lebat menempuh api itu. Maka api itupun padamlah.

Setelah dilihat oleh Raja Jin Tahbir Johan Syah akan senjatanya tewas oleh Raja Jin Kilat Angkasa maka iapun terlalu sangat marahnya. Lalu ia melayangkan kenderaannya hampir dengan Raja Jin Kilat Angkasa, lalu diparangnya dengan pedangnya, maka ditangkiskan oleh Raja Jin Kilat Angkasa dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada lehernya, tiada lut. Keluar api memancar seperti orang mencanai rupanya.

Maka Raja Jin Kilat Angkasa pun terlalu sangat marahnya. Lalu ia menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Raja Jin Tahbir Johan Syah, maka ditangkiskannya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada pinggangnya, penggal dua lalu mati. Maka



bersoraklah rakyat Kemala Hikmat. Terlalu gempita bunyinya.

Setelah dilihat oleh Raja Jin Lela Johan Syah akan kekanda baginda sudah mati ketiganya maka iapun menangis seraya berkata:

*“Oh, abangku ketiga! Mengerat menumpang kasih orang, lenyap di dalam kasih sayang orang, muas di dalam bandar jin, ghaib di Padang Berantah Cahaya, lenyap di medan peperangan, hilang di desa Syaharastan Yunan!”*

Terlalulah pilu rasa hatinya, lalu ia berpantun, demikian bunyinya:

*“Jangan ke hulu-hulu sangat,  
Makin ke hulu makin dalam,  
Jangan pilu-pilu amat,  
Makin pilu bertambah rawan.”*

Maka iapun melayangkan kenderaannya mendapatkan Raja Jin Kilat Angkasa. Setelah dilihat oleh Raja Jin Berongga Sekata akan seorang jin mendapatkan kekanda baginda itu maka segera didupakannya. Setelah dekat maka kata Raja Jin Berongga Sekata:

*“Hei, jin! Siapa namamu?!”*

Maka sahutnya:

*“Aku yang bernama Raja Jin Lela Johan Syah! Akan engkau siapa namamu?!”*

Maka sahutnya:

*“Akulah yang bernama Raja Jin Kilat Angkasa <sup>[246]</sup>. Apa yang ada senjatamu marilah datangkan kepada aku!”*

Maka sahut Raja Jin Lela Johan Syah:

*“Baiklah!”*

Segera dipanahnya dengan anak panahnya yang sakti yang bernama Bayu Pustaka. Gemuruh bunyinya di udara. Maka taufan ribut

petir halilintar pun turunlah serta dengan kilat sabung-menyabung. Gelap-gelita tiada apa yang kelihatan lagi. Banyaklah bertikam sama sendiri. Terlalu banyak matinya rakyat Kemala Hikmat.

Setelah dilihat Raja Jin Kilat Angkasa akan hal segala rakyat Kemala Hikmat banyak mati, maka iapun menghunus cincin pancalogam lalu dilontarkannya ke udara. Maka taufan dan ribut petir dan halilintar dan kilat sabung-menyabung gelap-gelita hilanglah jadi terang jua.

Maka Raja Jin Lela Johan Syah pun menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Raja Jin Berongga Sekata, maka ditangkiskannya dengan perisainya. Perisai itupun belah dua lalu kepada sarung zirahnya, putus sembilan lapisnya, lalu kepada tubuhnya, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala.

Maka Raja Jin Berongga Sekata pun terlalu sangat marahnya seraya mengeluarkan cokmarnya lalu dipalukannya kepada Raja Jin Lela Johan Syah, lalu kena kepada bahunya, luluh lantak dengan kenderaannya sekali lalu mati.

Maka sorak rakyat Kemala Hikmat gemuruh bunyinya.

Setelah dilihat segala rakyat jin kuning hijau akan rajanya keempat sudah mati itu maka pecahlah perangnya habis lari cerai-berai tiada berketahuan. Maka terdengarlah kepada Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan Ketujuh Bersaudara akan Raja Jin Tahir Syah Malik sudah mati keempatnya, maka Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan Ketujuh pun terlalu sangat marahnya seraya ia melayangkan kenderaannya tampil mengamuk ke dalam rakyat Kemala Hikmat. Barang di mana ditempuhnya bangkai bertimbun-timbun dan darah pun mengalir di bumi seperti air bah. Ada sekira-kira sejam Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan Ketujuh Bersaudara mengamuk itu maka rakyat Kemala Hikmat pun pecahlah perangnya habis lari cerai-berai tiada berketahuan perginya.

Setelah dilihat oleh Kores Peri Ketujuh Bersaudara akan

rakyatnya habis lari maka baginda ketujuh pun melayangkan kenderaannya memulihkan rakyat yang lari itu lalu mengamuk ke dalam rakyat jin yang seperti laut Antah Permana dengan segala raja-raja Kemala Hikmat itu. Yang bercokmar memalu cokmarnya, segala yang berpedang memarangkan pedangnya, segala yang berpanah memanahkan panahnya. Jikalau seratus berbanjar seratus, jika seribu berbanjar seribu terus.

Tiada terkira lagi matinya rakyat jin itu. Bangkai pun bertimbun seperti paus. Darah pun seperti laut rupanya. Tidaklah menderita lagi lalu lari cerai-berai seperti tembatu dihempas ombak di pantai rupanya.

Setelah dilihat Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan akan rakyatnya banyak mati maka baginda pun melayangkan kenderaannya tampil mendapatkan segala raja kaum Kores itu. Setelah hampir maka dilihat oleh Raja Jin Angkasa Perdana seorang peri terlalu pahlawan sikapnya memarangkan pedangnya seperti garuda menyambar rupanya.

Maka Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan pun bertempik, katanya:

*“Hei, peri! Siapa namamu maka terlalu sangat gagah perkasa memarangkan pedangmu itu?!”*

Setelah didengar oleh Kores Peri Mengindera Rupa maka iapun menoleh ke kiri. Maka dilihatnya seorang jin terlalu besar panjang dengan hebatnya. Maka kata Kores Peri:

*“Hei, jin! Engkaukah yang berseru akan aku?! Siapa namamu supaya matimu jangan tiada bernama?! Akulah yang bernama Kores Peri Mengindera Rupa, tabal di Tasik Benderang Cahaya, nobat di Padang Saujana Keinderaan, senja di Medan Awan Berjentera, bertakhta di Balai Benderang Alam Balai Disambung Bayu Berpuput Sentiasa.”*

Setelah didengar oleh Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan maka ia pun tersenyum, katanya:

*“Hai, Kores Peri! Akulah yang bernama Raja Jin Angkasa*

*Perdana Johan syahdan tabal di Gua Biram Berbenderang, nobat di Padang Safat Berjentera, senja di Medan Kaca Kuning, takhta di Balai Zamrud Sailan.”*

Maka kata Kores Peri Mengindera Rupa:

*“Marilah kita bermain senjata!”*

Maka sahut Raja Jin Angkasa Perdana Johan:

*“Syahdan baiklah!”*

Lalu diambilnya panahnya yang sakti lalu dipanahkannya ke udara. Gemuruh bunyinya di udara. Maka turunlah hujan bara api terlalu lebat menempuh rakyat Kemala Hikmat. Terlalu banyak matinya. Maka segera dibalas oleh Kores Peri dengan panah hujan air. Turunlah hujan air terlalu lebat menempuh. Hujan api itupun padamlah.

Maka dipanah pula oleh Raja Jin Angkasa Perdana dengan panah naga beribu-ribu datang hendak membelit Kores Peri. Maka dibalas oleh Kores Peri dengan panah Garuda, lalu ia melayang maka disambarnya naga itu. Habislah mati berpenggal-penggal gugur ke bumi menempuh segala rakyat jin itu. Banyaklah matinya.

Maka Raja Jin Angkasa Perdana pun menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Kores Peri, maka ditangkiskan oleh Kores Peri dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kena kepada bahunya kanan, tiada lut. Keluar api memancar-mancar.

Maka Kores Peri terlalu sangat marahnya lalu ia melayangkan mangkaranya hampir dengan Raja Jin Angkasa Perdana. Setelah dekat lalu diparangnya dengan pedangnya, maka ditangkiskan oleh Raja Jin Angkasa Perdana dengan perisainya. Perisai itupun belah dua lalu kepada lehernya, tidak lut. Keluar api bernyala-nyala.

Maka Raja Jin Angkasa Perdana pun terlalu sangat marahnya, lalu ia berdiri berpeluk tubuh. Ada seketika maka Padang Berantah Cahaya itupun menjadi laut terlalu dalamnya dengan ombaknya terlalu besar seperti akan sampai ke udara gelombangnyanya. Maka segala raja-raja kaum

Kores pun melayangkan kenderaannya naik ke udara. Maka segala rakyat Kores pun berenanglah di dalam laut itu. Banyaklah yang mati lemas.

Setelah dilihat oleh Kores-kores Peri akan hal segala kaumnya dan rakyatnya maka segera dipalu laut itu dengan cokmar. Maka laut itupun mendidih lalu kering pulang seperti sediakala. Maka Kores Peri pun mengambil panahnya yang bernama Brahma Luka seraya dipujanya, katanya:

*“Hai, Brahma Luka! Pergi engkau aku suruh terbangkan Raja Jin Angkasa Perdana itu engkau labuhkan ke Tasik Indera Brahma, engkau letakkan di atas Balai Biram!”*

Setelah sudah dipesannya maka lalu dipanahkannya ke udara. Seperti halilintar membelah bunyinya dengungnya, memancar-mancar dan bernyala-nyala datangnya lalu disambarnya Raja Jin Angkasa Perdana, diterbangkannya ke udara lalu dilabuhkannya ke Tasik Biram Brahma, dihantarkannya di atas Balai Puputan Brahma. Maka anak panah Brahma Luka pun kembalilah kepada ibunya <sup>[247]</sup>. Maka Kores Peri mengamuklah kepada dalam kaum jin itu.

Setelah dilihat Raja Jin Mengindera Lela akan kekanda baginda sudah ghaib sedang bunyi halilintar itu, maka iapun menangis serta melayangkan kenderaannya mendapatkan Taulan Mengindera Raja Alam. Setelah dekat lalu ia bertempik katanya:

*“Hei, Taulan! Siapa namamu?!”*

Maka sahutnya:

*“Akulah bernama Taulan Mengindera Raja Alam! Akan engkau siapa namamu?”*

Maka sahut Raja Jin Mengindera Lela:

*“Hei, Taulan! Akulah yang bernama Raja Jin Mengindera Lela!”*

Maka kata Taulan Mengindera Raja Alam:

*“Apa yang ada senjatamu marilah datangkan kepada aku!”*

Setelah didengar oleh Raja Jin Mengindera Lela lalu ia mengambil panahnya lalu dipanahkannya kepada Taulan Mengindera Raja Alam. Seperti riang-riang di padang bunyinya. Maka ditangkiskannya dengan perisainya, maka perisai itupun terus lalu kepada sarung zirah, terus lalu kena dadanya, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala.

Maka Taulan Mengindera Raja Alam pun terlalu sangat marahnya seraya ia menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Raja Jin Lela Mengindera, maka ditangkiskannya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kena kepada pinggangnya, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala.

Maka kedua pahlawan pun berpalikan cokmarnya seperti kunang berpalu samanya kunang, berpancaran keluar api dari dalam tubuhnya, bernyala-nyala. Maka kedua pihak kaum itupun hairan melihat termasa kedua raja itu.

Syahdan maka Taulan Mengindera Alam pun teringatlah akan panahnya yang diberi ayahanda baginda; Sultan Paduka Sultan Raja itu, lalu diambilnya seraya dipujanya, katanya:

*“Hai, Brahmakala! Pergi engkau sambar Raja Jin Mengindera Lela itu! Labuhkan di Tasik Gambir Nila. Antarkan olehmu ke dalam perut Sang Naga Gentala. Hubaya-hubaya <sup>[248]</sup> jangan tiada!”*

Lalu dipanahkannya ke udara. Gemuruh maha gempita kelamkelibut seperti halilintar membelah bunyinya dengungnya. Bernyala-nyala memancar-mancar datangnya, lalu disambarnya akan Raja Jin Mengindera Lela, lalu terbang ia ke udara lalu labuhkannya di Tasik Gambir Nila, diantarkannya ke dalam perut Sang Naga Gentala.

Setelah sudah anak panah-anak panah Brahmakala melabuhkan Raja Jin Mengindera Lela ke Tasik Gambir Nila, maka iapun kembalilah kepada ibunya.

Syahdan akan Taulan Mengindera Raja Alam pun mengamuklah

di dalam bala tentera jin yang seperti laut itu memalukan cokmarnya dengan kedua belah tangan. Barang kena tiadalah selamat lagi.

Setelah dilihat Raja Jin Mandu Kesani akan kekanda kedua sudah ghaib di tengah medan peperangan itu maka iapun menangis seraya melayangkan kenderaannya mendapatkan Khalifah Muda Agung Perdana. Setelah hampir lalu ia bertempik, katanya:

*“Hei, Indera, siapa namamu?!”*

Maka sahutnya:

*“Akulah yang bernama Khalifah Muda Agung Perdana! Akan engkau siapa pula namamu, hai jin?!”*

Maka sahutnya:

*“Akulah yang bernama Raja Jin Mandu Kesani!”*

Seraya dipanahnya dengan panah sakti, maka ditangkiskan oleh Khalifah Muda Agung Perdana dengan perisainya, maka perisai itupun terus lalu kepada sarung zirahnya, terus ke sembilan lapis, lalu kepada dadanya, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala.

Maka Khalifah Muda Agung Perdana pun terlalu sangat marahnya seraya menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Raja Jin Mandu Kesani. Maka segera ditangkiskannya dengan perisainya, maka perisai itupun belah dua lalu kepada lehernya, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala dari dalam tubuhnya.

Maka Khalifah Muda Agung Perdana pun mengambil panahnya yang bernama Indera Bayu lalu dipujanya, katanya:

*“Hai, Indera Bayu! Pergi engkau sambar Raja Jin Mandu Kesani! Engkau labuhkan ke Tasik Subhani Cahaya, hantarkan di Balai Berongga Maya!”*

Lalu dipanahkannya ke udara, gemuruh gempita kelam-kelibat gelap-gelita petir halilintar kilat sabung-menyabung seperti akan terangkatlah Padang Berantah Cahaya itu. Lalu disambarnya Raja Jin

Mandu Kesani diterbangkannya ke udara lalu dilabuhkannya ke Tasik Antah Subhani Cahaya, terhantar di Balai Berongga Maya.

Setelah sudah dilabuhkannya maka iapun kembalilah kepada ibunya.

Sudah itu maka Khalifah Muda Agung Perdana Raja Alam pun mengamuk ke dalam rakyat jin yang di laut itu.

Setelah dilihat Raja Ganggi Alam akan kekanda baginda ketiga sudah ghaib di tengah medan peperangan itu maka Raja Jin Ganggi Alam pun melayangkan kenderaannya mendapatkan Usul Mengindera Raja Alam lalu dipanahnya dari belakangnya. Maka Usul Mengindera Raja Alam pun menoleh ke belakangnya. Dilihatnya seorang jin yang memarah dia itu maka katanya:

*“Hei, jin! Mengapa lakumu seperti Umami Fatimah?”* <sup>[249]</sup>

*Bukanlah engkau umat Ali* <sup>[250]</sup>. *Memberi sopan* <sup>[251]</sup> *raja yang bergunung, memberi malu dewa yang berpadang, memberi aib jin bergua syahdan menghilangkan nama raja yang pahlawan!*

*Hei, jin, siapa namamu maka engkau melakukan laku pencuri?!”*

Setelah didengar Raja Jin Ganggi Alam akan kata indera itu, katanya:

*“Akulah yang bernama Raja Jin Ganggi Alam! Hei, indera, akan engkau siapa namamu?!”*

Maka sahutnya:

*“Akulah yang bernama Usul Mengindera Raja Alam!”*

Seraya dipalingkannya kenderaannya berhadapan dengan Raja Jin Ganggi Alam. Maka kata Usul Mengindera Raja Alam:

*“Marilah kita bermain akan senjata kita!”*

Maka Raja Jin Ganggi Alam pun menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Usul Mengindera Raja Alam, maka



ditangkiskannya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada lehernya, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala dan memancar-mancar seperti orang mencanai.

Maka Usul Mengindera Raja Alam pun menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Raja Jin Ganggi Alam, maka ditangkiskannya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada bahunya, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala dan memancar-mancar.

Maka kedua raja itupun bertetakan pedang, berpusing-pusing seperti jentera yang ligat rupanya.

Maka Usul Mengindera Raja Alam pun teringatlah akan panahnya yang diberi ayahanda baginda Sultan Paduka Sultan Raja Alam itu, lalu dipujanya seraya dipanahkannya:

*“Hai, Gandawata, pergi engkau labuhkan Raja Jin Ganggi Alam itu ke Tasik Bahrul Leka! Engkau hantarkan ke dalam Taman Asyiqi Berahi, di atas Balai Mendam Khayali!”*

Maka lalu dipanahkannya ke udara. Bunyinya seperti kumbang mengelasi bunga, merawan terlalu merdu seperti bunyi buluh perindu.

Maka Raja Jin Ganggi Alam<sup>[252]</sup> lalilah, maka disambar dibawanya terbang ke udara lalu dilabuhkannya ke Tasik Bahrul Leka, dihantarkannya ke dalam Taman Asyiqi Berahi di atas Balai Mendam Khayali.

Setelah sudah Gandawata melabuhkan Raja Jin Ganggi Alam<sup>[253]</sup> itupun kembali kepada ibunya.

Maka Usul Mengindera Raja Alam pun mengamuklah ke dalam rakyat jin yang seperti laut itu.

Setelah dilihat Raja Jin Sali Bandan akan kekanda baginda keempat sudah ghaib di tengah medan peperangan itu maka iapun

menangis seraya melayangkan kenderaannya mendapatkan Mengerna Dewa Pahlawan Indera. Setelah hampir, lalu ia bertempik, katanya:

*“Hei, Indera, siapa namamu?!”*

Maka sahut Mengerna Dewa Pahlawan Indera:

*“Hei, jin! Akulah yang bernama Mengerna Dewa Pahlawan Indera! Akan engkau siapa namamu?!”*

Maka sahut Raja Jin Sali Bandan:

*“Hei, indera! Akulah yang Raja Jin Sali Bandan!”*

Maka kata Mengerna Dewa Pahlawan Indera:

*“Apa yang ada senjatamu marilah datangkan kepada aku!”*

Maka Raja Jin Sali Bandan pun mengambil anak panahnya, dikenakan pada ibunya lalu dipanahkan kepada Mengerna Dewa Pahlawan Indera. Maka ditangkiskannya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada pinggangnya, tiada lut.

Maka Mengerna Dewa Pahlawan Indera pun terlalu sangat marahnya lalu dihunusnya pedangnya lalu diparangkannya kepada Raja Jin Sali Bandan, maka ditangkiskannya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada lehernya, tiada lut. Keluar api bernyalanya.

Maka Mengerna Dewa Pahlawan Indera pun terlalu sangat marahnya. Lalu diambilnya panahnya yang diberi oleh nenekanda baginda Azrang Mengindera Sakti, lalu dipujanya seraya berkata:

*“Hai, Indera Bayu Kemala Sakti! Pergi labuhkan Raja Sali Bandan itu ke Tasik Bahrul Ajaib. Gelapkan jangan diberi bercahaya lagi.”*

Lalu dipanahkannya ke udara, gemuruh bunyinya seperti halilintar membelah. Lalu disambarnya Raja Jin Sali Bandan diterbangkannya ke Tasik Bahrul Ajaib, dilabuhkannya di dalam gelap, tidaklah bercahaya lagi. Setelah sudah dipanah Indera Bayu Kemala Sakti menggelapkan Raja Bandan itu maka iapun kembalilah kepada ibunya.

Maka Mengerna Dewa Pahlawan Indera mengamuklah ke dalam rakyat yang seperti kersik<sup>[254]</sup> di pantai, memarangkan pedangnya. Terlalulah banyak matinya.

Setelah dilihat oleh Raja Jin Brahma Rudrabala akan kekanda baginda kelima sudah ghaib di tengah medan peperangan itu maka Raja Jin Brahma Rudrabala pun menangis lalu ia melayangkan kenderaannya mendapatkan Dewa Vishnu Perdana Alam. Setelah hampirlah lalu ia bertempik, katanya:

*“Hei, dewa! Siapa namamu?”*

Maka sahut Dewa Vishnu Perdana Alam:

*“Hei, jin! Akulah yang bernama Dewa Vishnu Perdana Alam! Akan engkau siapa namamu?”*

Maka sahut Raja Jin Brahma Rudrabala:

*“Akulah yang bernama Raja Jin Brahma Rudrabala!”*

Kata Dewa Vishnu Perdana Alam:

*“Marilah kita bermain senjata!”*

Setelah didengar Raja Jin Brahma Rudrabala lalu diambilnya anak panahnya lalu dipanahkannya kepada Dewa Vishnu Perdana Alam, maka ditangkiskannya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kepada pinggangnya, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala.

Maka Dewa Vishnu Perdana Alam pun menghunus pedangnya lalu diparangkannya kepada Raja Jin Brahma Rudrabala, maka ditangkiskannya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua lalu kena kepada bahunya kanan, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala.

Setelah dilihat oleh Dewa Vishnu Perdana Alam akan hal itu, terlalu sangat marahnya. Lalu ia mengambil panahnya yang diberi ayahanda baginda Sultan Paduka Raja Alam yang bernama Kemala Sakti serta dipujanya, katanya:

*“Hai, Berkemala Sakti! Pergilah engkau sambar Raja Jin*

*Brahma Rudrabala itu. Engkau labuhkan ke Tasik Jumjuma Nila, engkau hantarkan ke Taman Mendam Berahi di atas Balai Merawan Sali.”*

Setelah sudah Dewa Vishnu Perdana Alam berpesan kepada panah Berkemala Sakti itu lalu dipanahkannya ke udara. Gemuruh bunyinya seperti halilintar membelah, datangnya seperti kilat yang tangkas, lalu disambarnya akan Raja Jin bernama Rudrabala dibawahnya terbang ke udara, lalu dilabuhkannya ke Tasik Jumjuma Nila, dihantarkannya ke Taman Mendam Berahi, di atas Balai Merawan Shali Akan Adinda Sila Terjali. Sudah dilabuhkannya maka panah Biram Kemala Sakti pun kembali kepada Dewa.

Vishnu Perdana Alam pun mengemukakan ke dalam kaum jin itu.

Setelah dilihat oleh Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam akan kekanda baginda keenam sudah ghaib di tengah medan peperangan itu, maka iapun menangis, katanya:

*“Oh, abangku tuan keenam! Hilang di dalam kasih sayang orang, lenyap di dalam kasih orang. Sudahlah dengan kehendak Tuhan Ilahi mengerat di dalam desa orang, muas di dalam bandar orang. Tidak dangka <sup>[255]</sup> abang-abang berperni demikian remuklah Bongsu serta hilang remuklah bongsu serta lenyaplah, hayat pun apa gunanya lagi.”*

Maka iapun melayangkan kenderaannya mendapatkan Bongsu Dewa Raja Bangsawan. Setelah hampir lalu ia bertempik, katanya:

*“Hei, indera! Siapa namamu?”*

Setelah didengar oleh Bongsu Dewa Raja Bangsawan akan tempik Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam itu maka iapun menoleh ke kiri, maka dilihatnya seorang jin terlalu besar panjangnya. Maka Bongsu Dewa Raja Bangsawan pun memalingkan kenderaannya serta bertempik, katanya:

*“Hei, jin! Akulah yang bernama Bongsu Dewa Raja Bangsawan! Hei jin, akan engkau siapa namamu?!”*

Maka sahut Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam:

*“Hei, indera! Akulah yang bernama Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam! Apa kehendakmu maka engkau bertanyakan namaku?!”*

Maka sahut Bongsu Dewa Raja Bangsawan:

*“Marilah kita bermain senjata!”*

Maka sahut Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam:

*“Baiklah!”*

Lalu diambil anak panah lalu dipanahkannya kepada Bongsu Dewa Raja Bangsawan, maka ditangkiskannya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua, lalu kepada pinggangnya, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala.

Maka Bongsu Dewa Raja Bangsawan pun terlalu sangat marahnya. Lalu dihunusnya pedangnya, diparangkannya kepada Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam, maka ditangkiskannya dengan perisainya. Maka perisai itupun belah dua, lalu kepada lehernya, tiada lut. Keluar api bernyala-nyala.

Maka Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam mengambil cokmarnya lalu dipalukannya kepada Bongsu Dewa Raja Bangsawan, maka ditangkiskannya dengan perisainya. Bahananya seperti halilintar membelah. Bernyala-nyala seperti api memancar-mancar keluar daripada perisainya Bongsu Dewa Raja Bangsawan. Maka iapun terlalu sangat marahnya, maka diambil panahnya yang diberi ayahanda baginda, lalu dipujanya, katanya:

*“Hai, Brahma Indera Sakti! Pergi engkau sambar Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam. Engkau labuhkan ke Tasik Khairani Terjali. Akan ia engkau hantarkan ke Taman Mendam Kahayali, di atas Balai Merindu Washoli Akan Permai Merawan Sali Remuklah Mengerat Sekali!”*

Maka lalu dipanahkannya kepada Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam. Gemuruh bahananya, merawan-rawan seperti buluh perindu. Maka Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam pun terlali sendaleka di dalam

pantangnya dewa, leka di dalam pantangan raja, terpekur sultan di dalam sabana <sup>[256]</sup> menentang wajahnya permai, lalu disambarnya akan Raja Jin Berangkai Gelanggi Alam, dibawanya terbang ke udara lalu dilabuhkannya di Tasik Khairani Terjali, lalu dihantarkannya di Taman Mendam Khayali di atas Balai Merindu Washoli Akan Adinda Merawan Sali Remuklah Abang Mengerat Sekali.

Setelah sudah dilabuhkannya oleh Brahma Indera Sakti maka iapun kembali kepada ibunya.

Maka Bongsu Dewa Raja Bangsawan pun mengamuklah di dalam kaum jin, memarangkan pedangnya dengan kedua belah tangannya. Barang di mana ditempuhnya tiadalah bertahan. Habislah lari cerai-berai masing-masing membawa dirinya. Setengah kembali ke negerinya.

Sebermula akan Kores Peri Mengindera Rupa Ketujuh Bersaudara dan dengan segala raja-raja sekeliannya pun kembalilah diiringkan segala bala tenteranya dengan kemenangan, masuk ke dalam Kota Emas Kerajang lalu berjalan ke balai.

Setelah sampai ke balai lalu naik semayam di atas singgahsana. Maka Raja Brahmakala pun sujud menyembah ayahanda baginda ketujuh dan berjabat tangan dengan segala raja-raja sekeliannya.

Ada seketika duduk maka hidangan pun diangkat oleh segala muda-muda kores ke hadapan segala raja-raja itu dan menteri, hulubalang dan pahlawan, rakyat, bala tentera. Sekelian pun makanlah masing-masing kepada hidangannya.

Setelah sudah lalu basuh tangan. Setelah sudah basuh tangan maka lalu makan sirih dan memakai bau-bauan yang amat harum baunya. Setelah sudah maka hari pun malamlah. Maka segala raja-raja itupun bermohonlah masing-masing kembali ke rumahnya.

Sebermula akan Sultan Alam Syah Dewa pun terlalu pilu rasa

hatinya mendengarkan khabar Raja Jin Angkasa Perdana Johan syahdan Ketujuh Bersaudara dan segala raja-raja sekeliannya sudah mati itu. Maka Seri Sultan Alam Syah Dewa Keempat Bersaudara pun menangis terlalu sangat akan segala raja-raja jin kaum sahabatnya kabullah ia sehati mati <sup>[257]</sup> .

Sebermula setelah hari siang maka Kores Peri Mengindera Rupa Ketujuh Bersaudara pun bangunlah daripada beradu lalu basuh muka dan santap sirih sekapur, lalu berangkat ke balairong semayam di singgahsana dihadap adinda baginda ketujuh dan anakanda Raja Indera Brahmakala dan segala raja-raja menteri dan hulubalang dan bentara, sida-sida dan biduanda, rakyat, bala tentera sekelian. Maka titah Kores Peri:

*“Ayuh, anakanda Raja Brahmakala! Ayahanda hendak bermohon kepada tuan hendak kembali ke Gunung Mercu Seribu mengadap nenekanda Sultan Paduka Sultan Paduka Raja Alam jika Seri Sultan Alam Syah Dewa itu tiada bermusykil lagi kerjanya kepada anakanda.”*

Setelah didengar oleh Indera Brahmakala akan titah ayahanda baginda itu sembahnya:

*“Baiklah ia Tuanku! Manakala Tuanku akan berangkat itu?”*

Maka titah baginda:

*“Sekarang inilah, tuan!”*

Maka hidangan persantapan pun diangkat oleh muda-muda kores beratus-ratus hidangan ke hadapan baginda sekelian. Maka baginda ketujuh pun santaplah. Dan segala raja-raja pun makanlah masing-masing kepada hidangannya. Setelah sudah santap lalu basuh tangan dan santap sirih dan memakai segala bau-bauan yang harum baunya.

Setelah sudah itu maka Kores Peri Ketujuh pun berangkatlah keluar kota diiringkan segala raja-raja, menteri, hulubalang, bentara, biduanda, rakyat, bala tentera sekelian dengan segala bunyi-bunyiannya terlalu ramai gegak-gempita tidak berketahuan. Masing-masing dengan

ragamnya. Segala panji-panji pun berkibaran berbagai-bagai awarnanya.

Setelah sampai keluar kota, maka Baginda Ketujuh Bersaudara pun memeluk mencium anakanda baginda. Raja Indera Brahmakala pun menyembah baginda ketujuh serta berjabat tangan dengan segala raja-raja itu. Setelah sudah maka Kores Peri pun melayanglah ke udara menuju Gunung Mercu Seribu.

Tiada berapa lamanya melayang itu maka Kores Peri pun sampailah ke Padang Bayu Berjentera, lalu berjalan masuk ke dalam kota. Setelah sampai ke balai maka segala raja-raja yang di balai itupun turunlah memberi hormat kepada Baginda Ketujuh Bersaudara. Maka Kores Peri Ketujuh Bersaudara pun sujud menyembah ayahanda baginda menyampaikan sembah Raja Indera Brahmakala.

Setelah sudah maka hari pun malamlah. Maka baginda pun berangkatlah masuk ke dalam istana. Maka segala raja-raja itu pulanglah ke rumahnya bersenda dan bergurau dengan isterinya.

Tiadalah tersebut lagi perkataan Kores Peri Mengindera Rupa dan Taulan Mengindera Raja Alam dan Khalifah Muda Agung Perdana Raja Alam dan Mengerna Dewa Pahlawan Indera dan Usul Mengindera Raja Alam dan Dewa Vishnu Perdana Alam dan Bongsu Dewa Raja Bangsawan.



Alkisah sebermula maka tersebutlah perkataan Raja Babi hendak keluar berperang. Maka Raja Babi pun memberi titah kepada Nadim Bentara Kiri-kiri:

*“Kerahkan segala rakyat bala tentera kita keluar kota!”*

Maka sembah Kores Peri:

*“Sudah hadirilah semuanya, Tuanku! Syahdan biram pun sudah patik periksai. Menantikan Duli juga lagi.”*

Maka Raja Babi pun turunlah berdiri di tapakan balai. Maka segala raja-raja, menteri, hulubalang pun semuanya turunlah ke tanah. Maka gajah kenaikan pun datang lalu menjerumlah ke bumi seperti laku orang menyembah. Maka Raja Babi pun naik gajah duduk di atas rengga yang keemasan ditatah dengan permata sembilan bagai.

Maka terkembang payung iram-iram kuning empat puluh. Berdirilah Nadim Bentara empat puluh sebelah. Dan masing-masing dengan kenderaannya.

Syahdan Kores Peri Bangsa Dewa berdiri di kepala gajah memegang kusa <sup>[258]</sup> manikam ditatahnya. Raja memakai sarung zirah berantai, berbulang lagi berqamar, bertajuk <sup>[259]</sup> lagi bermalai, sikapnya garang lagi perkasa. Ialah Nadim Bentara Kiri.

Maka segala raja-raja pun naiklah gajah dan kuda masing-masing dengan payungnya berbagai-bagai warnanya, maka terlalu sikapnya. Maka terdirilah cogan alam bernaga, terkibar-kibirlah tunggul panji-panji alam bernaga bertulis akan *“Naga Berjuang”*. Melangsilah bunyi dandi, muri. Meragamlah bunyi gendang nobatnya disambut oleh tambur di medan. Berlompatan anak pendekarnya. Maka *“alam kidar”* pun menggoncang dirinya.

Syahdan berangkatlah Raja Babi keluar kota. Gemuruh bahana

tempik sorak segala kaum kores, berlompatanlah segala hulubalang dan pahlawan yang ternama-ternama berjalan dahulu. Maka keluarlah Raja Babi dari dalam kotanya.

Kepada masa ketika itu akan Seri Sultan Alam Syah Dewa pun sudah hadir bertakhta di atas Merak Pingai dilimbah naung rama-rama kuning. Samasyar manikam dikanankan, panah zamrud dikirikan. Lakunya sendu-sendu bahasa, durjahnya <sup>[260]</sup> muram-muram manis. Maka kata Kobat Sikandar Raja Alam:

*“Kurseangatnya nyawa abang, adinda! Janganlah tuan keluar berperang kepada hari ini. Biarlah abang ketiga dahulu keluar berperang.”*

Maka Sultan pun tersenyum sendaleka. Katanya:

*“Janganlah abang bertitah demikian itu. Kerana hari inilah Raja Babi hendak memenggal leher patik.*

*Tuanku! Janganlah Tuanku keluar berperang. Baiklah kekanda kembali ke Gunung Padang yang Gunung Padang cintakan abang, Medan Balai sali akan abang. Janganlah abang tuan turutan.*

*Sudahlah nasib Bongsu seorang hilang segenap padang dewa, lenyap di dalam bandar jin, muas dihapus Tuhan Ilahi. Kapan melangsi dari badan, bulang terpapas dari hulu. Fanalah Gua Persunggi Alam, tinggallah Gunung Mercuri Antah Saujana.”*

Sultan berkata itu seraya tertawa-tawa. Kelihatan gigi berkilat-kilat. Manis lakunya, sedang teruna merduwangsa, misainya baharu kembang-kembang kumis, mukanya bujur manis berseri.

Maka Kobat Sikandar Raja Alam dan Sikandar Muda Raja Alam dan Sutan Dewa Perkasa Alam ketiganya pun sama tiga jumjuma dirajanya. Berlinang-linang belas memandang adinda baginda lalu ia mengalah seraya bertitah:

*“Adinda tuan nyawa abang! Kekanda pun demikian juga. Apatah*

*lainnya dengan kata tuan itu. Masakan Bongsu lenyap seorang kerana kita empat bersaudara ini umpama suatu juga.”*

Setelah sudah berkata-kata itu mengerahlah segala rakyatnya bersaf-saf di tengah Padang Berantah Cahaya itu, lalu Kobat Sikandar mengikat <sup>[261]</sup> Perang Garuda Bayu <sup>[262]</sup> namanya.

Kobat Sikandar Cahaya sendiri menjadi kepala perang. Raja di atas Jempana <sup>[263]</sup> Ratna memakai sarung zirah berantai tujuh lapis, memakai mahkota tujuh belas pangkat, menyisipkan samasyar yang amat tajam kepada pinggangnya.

Suatu busur panah manikam merah disangkutkannya kepada bahunya kiri dan sebilah pendahan <sup>[264]</sup> ditimang-timangnya. Adalah sikapnya seperti harimau lepas tangkapnya, laku garang lagi perkasa. Khalifah di Gua Naga Taru, hulubalang di Bandar Desa Jin. Takut dan ngeri segala jin akan baginda itu kerana ia raja besar.

Akan Sikandar Muda jadi mata kanan raja, di atas Walimana Sakti. Sikapnya seperti singa yang galak, lakunya agung-agung manis. Memakai baju dada Burung Dewata, berbaju rantai yang seni-seni khalaknya <sup>[265]</sup> dari dalam, sekeliannya daripada emas kerajang permata yang molek-molek.

Maka ia berdiri memegang busur panahnya digadaggadangnya. Terlalu hebat rupanya sikapnya. Khalifah di Desa Bangkahulu, hulubalang di Gua Intan Diserudi. Baginda Sultan Sikandar Muda memakai mahkota manikam yang merah ditatah dengan emas. Berkulah <sup>[266]</sup> lagi bertajuk akan mutia dikarang.

Maka Sutan Dewa Perkasa Alam menjadi mata kiri. Duduk di atas Rata Terbang. Raja memakai sarung zirah berantai dari dalam, bersarung kesumba merapi dari luar. Bergelang jari tujuh sebelah. Memakai qamar dada burung, berkancing nilam pepasir melayang, berkulah lagi

bermahkota, memakai tajuk manikam Sailan<sup>[267]</sup>, bersunting lagi bermalai<sup>[268]</sup>, berpontoh lagi bergelang jari kaki tangannya, bercincin segenap jarinya.

Maka ia berdiri di atas rata yang permata sambil memusing-musing cakranya yang maha tajam, berkilat-kilat ke mukanya.

Maka Mangkubumi di Gua Kemala Naga yang bernama Paduka Gangga Maharupa ia jadi parah sikapnya, garang lagi perkasa seperti gajah mati di tengah padang.

Maka Seri Sultan Alam Syah Dewa jadi tubuh sikapnya seperti Gunung Berjentera. Baginda berbulang Alam Bernaga tujuh balut, memakai tanjak manikam pancawarna, bersunting lagi bermalai pepasir sekawan, bersarung zirah dari dalam, berbaju teratai jingga dari luar, memakai qamar bulan purnama kepada pinggangnya, berkancing merak mengigal kepada dadanya, bertali leher manikam Sailan tujuh balut, bergelang jari tujuh bagai warnanya, berpontoh lagi berkilat. Bahawa dan memakai azimat tujuh butir diikatkan kepada lengannya, memakai kain "Misri" berbungakan emas, bermuza sampai ke mata duli. Lakunya agung perdana, manis berusul, sendu-sendu bahasa merawankan hati segala yang memandang. Di bibirnya hitam berkilat-kilat, mukanya manis berseri-seri.

Akan pahlawan Berantah Sailan Keempat Bersaudara jadi sayap kanan, hulubalang di Gua Pancalogam Keempat Bersaudara jadi sayap kiri, hulubalang di Gua Sina Puri Tujuh Bersaudara jadi ekornya. Segala raja-raja jin di lembah takhta.

Sultan Keempat Bersaudara semuanya raja-raja jin besar kaum kongsi baginda sekelian muda-muda belaka. Sikapnya sama baik. Semuanya gagah berani. Dewa pahlawan sekeliannya memakai baju zirah berantai tujuh lapis, bermuza tiga lapis kepada kakinya. Berkulah lagi bermahkota dan berqamar berdada burung.

Semuanya suka termasa dengan segala tempik soraknya melompat-lompat di atas kenderaannya serta melelakan samasyarnya, mengadang-ngadang busur panahnya. Ada yang memusing-musing cakranya dan menatang-natang sunti ibunya<sup>[269]</sup>, ada yang menghadirkan lotong kacanya. Syahdan bersandingan rupa perisainya sinyalirnya.

Syahdan gemerincing bunyi senjatanya, gemerlapan rupa sumbu lotongnya. Biramnya menanti-nanti. Awan kelam-kelibut rupa angkasa, udara pun hila-hila bahasa.

Setelah sudah mengikat perang maka Raja Babi pun keluar dari dalam kotanya. Gemuruh bahana suara tentera kaum kores. Si Parang Puting berjalan dahulu. Setelah sudah keluar maka dilihatnya segala kaum jin sudah berbaris sekeliannya di atas kenderaannya melayang terlalu hebat rupa sikapnya. Maka Si Parang Puting pun bertempik, katanya:

*“Hei, segala kaum kores! Usahlah kita mengikat perang lagi kerana jin terlalu banyak. Syahdan tampillah ikat perang raja jin ini, jangan diberi dekat kota kita!”*

Maka Degar Qamar Keempat Bersaudara dengan marahnya ke hadapan melarikan kudanya berlumba-lumba dengan segala pahlawan yang banyak itu. Maka Raja Babi pun memarakan gajahnya masuk perang. Syahdan ramailah segala kaum kores menyerbukan diri seperti keletu-keletu<sup>[270]</sup> masuk ke dalam api lakunya. Maka segala yang berpedang memarangkan dengan pedangnya sambut-menyambut kanan-kiri. Gemerincinglah bunyi mata pedangnya bertemu sama pedang.

Syahdan segala yang bercakra pun sama melontar cakranya, berkilat-kilat sabung-menyabung. Syahdan segala yang berpanah berpanahan, berdengung-dengung bunyi panahnya seperti burung terbang

sekawan. Syahdan segala yang bergada<sup>[271]</sup> berpalu akan gadanya dan segala yang bercokmar berpalu akan cokmarnya, bahananya datang ke tengah rimba belantara.

Syahdan bunyi bedil seperti bertih direndang di kuali, kelam-kabut asap lotongnya. Syahdan gemuruhlah bahana tempik soraknya, terlalu hazmat maha gempita seperti akan terbanglah Padang Berantah Cahaya itu, selaku-laku langit akan runtuhlah. Maka lebu duli pun terbangkitlah ke udara. Terang cuaca jadi gelap-gelita. Suatupun tiada apa yang kelihatan lagi. Hanyalah kilat segala senjata juga yang memancar-mancar sabung-menyabung seperti kilat di dalam awan yang biru. Dan cahaya permata pula dan mahkota segala raja-raja bergemerlapan seperti bintang di langit.

Sebermula akan Raja Tahir Johan Syah pun berangkatlah semayam di atas bangun-bangun<sup>[272]</sup> dilimbah<sup>[273]</sup> khemah nikmat kuning dihadap oleh anakanda baginda dan segala raja-raja, handal johan pahlawan, rakyat bala tentera baginda. Semuanya berbaris-baris di kaki kota. Sekeliannya dengan alat. Terkesan masing-masing memegang senjatanya melihat termasa orang berperang itu.

Maka Raja Tahir Johan Syah pun tercengang hairan, terpekur sendaleka melihat kelakuan jin dengan kores terlalu sangat berani dan gagah perkasa. Kedua pihaknya sama pahlawan. Maka Nobat Lela Indera pun terlalu gembira rasanya hendak pergi berperang. Maka ia sujud menyembah ayahanda baginda, sembahnya:

*“Tuanku! Patik bermohon hendak pergi bantu Raja Di Gua Persunggi Alam kerana ia sampai ke mari pun sebab kita juga. Yang didapatkannya sekarang ini datanglah bala di atasnya itu dengan kerana kita juga, Tuanku!”*

Maka titah Raja Tahir Johan Syah:

*“Sebenar telah bicara anakanda itu, tetapi ada sedikit musykil kepada hati ayahanda ini. Baik masanya menang. Jika alah juga Seri Sultan itu sekarang apalah jadi negeri tuan ini? Lagipun saudara muda sudah diambil oleh Raja Babi itu.*

*Janganlah tuan pergi dahulu! Baik kita lihat mainnya tentera kedua raja-raja itu, kerana kedua tiada menyuruh kepada kita. Baiklah kita berdiam diri sekadar beringat juga kita. Barangsiapa hendak jahat, aku lawan jahat. Barangsiapa hendak baik, kita lawan dengan baik. Apatah tuan bersakit-sakit hendak menolong Seri Sultan itu kerana saudara tuan kepada Raja Babi itu, tuan.”*

Maka sembah segala raja-raja yang tuha-tuha:

*“Benarlah titah Yang Dipertuan itu, Tuanku!”*

Maka Raja Nobat Lela Indera pun diam tiada terkira-kira lagi. Katanya:

*“Patik bermohon hendak kembali. Malaslah patik melihat orang perang ini, Tuanku!”*

Lalu ia turun berjalan kembali ke istananya.

Bermula orang berperang itupun makin ramai pula. Ada yang bertikam sama sendirinya. Ada bapa memarang anaknya. Ada anak memarang bapanya. Ada yang memarang saudaranya. Terlalu sabur <sup>[274]</sup>.

Kepada masa ketika itu Raja Babi pun sudah terjun dari atas gajahnya lalu mengamuk ke dalam tentera jin yang seperti laut. Barang mana ditempuhnya bangkai bertimbun-timbun. Darah pun mengalirlah di bumi seperti air leleh. Maka lebu duli itupun hilanglah. Maka kelihatanlah orang berperang itu usir-mengusir, parang-memarang, tikam-menikam dengan sorak tempiknya terlalu gemuruh. Bahana suaranya kepada masa itu jika petir halilintar sekalipun tiada akan kedengaran lagi.

Maka Raja Babi mengusir segala jin itu. Ia berdiri berkaki dua memarangkan parang putingnya ke kanan dan ke kiri dirembaskannya mencari Seri Sultan Alam Syah Dewa tiada juga bertemu. Maka Raja

Babi pun menempuh ke dalam rakyat sebelah kanan, terlalu deras datangnya memarang akan parang putingnya. Sikapnya seperti singa yang gila menerpa lawannya. Seorang jin pun tiada yang berani bertahan di hadapan Raja Babi itu. Semuanya takut ngeri memandangi lakunya. Segala yang hampir dengan dia habis diparangnya.

Maka dilihat oleh Sikandar Muda kelakuan Raja Babi mengamuk itu berkaki dua:

*“Baik pula rupanya seperti garuda diikat ke belakang, dan ekornya terkutik-kutik, mulutnya muncung-muncung, hidungnya terkembang-kembang, bertambah hebat pula rupanya babi si katik si lantuh [275] itu. Allah! Berbangkit bosan pula kalbu kita memandangi dia terlalu banyak membunuh hulubalang, menteri, rakyat kita!”*

Maka segala raja-raja yang di bawah pun suka tertawa lalu bersorak semuanya. Gemuruhlah bunyi sorak tempik sebelah kanan. Sekeliannya memarah Raja Babi seperti hujan yang lebat datangnya menempuh tubuh Raja Babi. Seperti hujan jatuh ke batu, suatu pun tiada dikhabarkan oleh Raja Babi itu.

Diusirnya, juga ditempuhnya sambil memarangkan parang putingnya. Jika kena kepada lehernya putus terpelanting ke bumi seperti anak kera. Jika terparang pada pinggangnya putus penggal dua seperti memarang batang pisang. Jika dan dua orang berbanjar keduanya putus, jika tiga berbanjar ketiganya putus dengan sekali parang jugunya. Tiadalah menderita lagi segala kaum Bangkahulu orang di Gua Intan Diserudi maka semuanya pun lari mengusir rajanya.

Mata kanan Seri Sultan, Sikandar Muda pun tampil ke hadapan Raja Babi, berdiri di atas kenderaannya; Walimana Sakti, mengadang-adang busur panahnya yang sakti lalu dipanahkannya. Gemuruh bahananya seperti tagar. Maka datang anak panah itu berpusing-pusing berkeliling tiga kali kepada Raja Babi, maka segera diparangnya oleh Raja Babi dengan parang putingnya. Maka anak panah itu habislah



terpenggal-penggal. Maka dipanahnya sekali lagi, maka Raja Babi pun melompat membelah panah itu. Maka kata Raja Babi:

*“Siapa engkau ini maka sangat beranimu bertahan di hadapan aku?!”*

Sikandar Muda pun tertawa, katanya:

*“Engkau siapa namamu maka terlalu sangat keras amukmu itu membunuh segala menteri, hulubalang, rakyat sekeliannya?! Lakumu seperti babi tunggal! Patutlah dengan rupa! Mulut muncung terconget-conget, ekor pendek terkutik-kutik, taringnyamu seperti gading!”*

Maka Raja Babi pun terlalu marah, katanya:

*“Akulah yang bernama Si Raja Babi. Nadimku sudah tinggal di Masyriq<sup>[276]</sup> dan Betaraku tenggelam di maghrib<sup>[277]</sup> dan segala tenteraku seorang tiada lagi berketahuan perginya!”*

Maka Sikandar Muda pun suka tertawa gelak-gelak seraya berkata:

*“Mengapatah maka tiada Raja Babi bawa semuanya ke mari? Datang mengamuk seorang diri!”*

Sambil dilontarnya dengan cakranya, bernyala-nyala datang memarang leher Raja Babi, maka segera dikibaskannya oleh Raja Babi dengan parang putingnya. Maka cakra itupun habislah berpenggal-penggal. Akan Raja Babi luka pun tiada. Maka iapun melompat, terlalu pantas seperti kilat yang tangkas lalu diparangnya kepala Sikandar Muda Raja Alam, putus lehernya terpelanting ke tanah!

Maka Kobat Sikandar pun terkejut melihat kepala Sikandar Muda jatuh itu. Lalu dicitum baginda serta dengan marahnya. Mukanya merah berseri-seri seperti api bernyala-nyala, katanya:

*“Siapa yang membunuh saudaraku ini?! Sukat<sup>[278]</sup> ku penggal lehernya ku perbuat sepak raga di tengah padang ini, maka puas hatiku!”*

Lalu ia melayangkan kenderaannya. Maka sembah Perdana Menteri:

*“Ingat-ingat, Tuanku. Kerana Raja Babi itu sangat perkasanya. Ialah yang membunuh adinda tadi, Tuanku!”*

Maka tiadalah diendahkannya lagi akan sembah Mangkubumi itu.

Maka Raja Babi pun tampillah datang berlari-lari mengusir segala hulubalang kaum Bangkahulu dan menghambur orang Di Gua Intan Diserudi. Bunyinya mengeram-ngeram seperti harimau beranak muda.

Maka Kobat Sikandar pun segera memanah dengan panah manikam merah berturut-turut. Tiada berhingga lagi datangnya anak panah Kobat Sikandar itu seperti hujan berintik, berdengung-dengung seperti kumbang melangsi. Semuanya jatuh ke tubuh Raja Babi. Maka anak panah itu habislah patah-patah berpelantingan, tiadalah diperasakannya lagi oleh Raja Babi. Datang juga ia dekat dengan Kobat Sikandar.

Maka banyaklah raja-raja jin yang datang bertahan di hadapan Kobat Sikandar itu. Dan segala menteri, hulubalang pun ramailah dengan senjatanya datang memarang Raja Babi. Ada yang menikamkan pendahannya, ada yang menetakkan pedangnya, ada yang memalukan gadanya, ada yang memalukan cokmarnya. Semuanya senjata itu mengenai tubuh Raja Babi sekeliannya habis rosak binasa penggal-penggal dan berkeping-keping.

Maka diusirnya oleh Raja Babi parangnya dengan parang putingnya, maka banyaklah segala raja-raja yang bertahan habis mati berpenggal-penggal. Mayat segala jin bertimbun-timbun. Maka Kobat Sikandar Muda pun termarahnya seperti biram berjuang di tengah padang. Maka ditimang-timangnya pendahannya lalu ditikamkannya kepada Raja Babi, kena roknya <sup>[279]</sup>, keluar api bernyala-nyala. Maka pendahan itupun patahlah.

Maka Kobat Sikandar pun mengambil pedangnya lalu

diparangkannya kepada Raja Babi, tiada sampai. Maka Kobat Sikandar Raja Alam pun makin sangat marahnya lalu ia terjun dari atas Walimana Sakti, berlari-lari datang mengusir Raja Babi. Diparangkannya berturut-turut, malah patahlah dengan pedangnya. Maka diambil sebilah lagi, diparangkannya Raja Babi tiada henti lagi.

Maka Raja Babi pun terpusing-pusing tiada boleh membalas lagi kerana Raja Di Gua Naga Taru itu terlalu pantas memarang dengan pedang. Kedua tangannya memegang pedang, sebilah tangannya kanan, sebilah tangannya kiri. Maka diparangkannya sama di tengahnya bersambutan, terlalu pantas lakunya. Maka kena kepala Raja Babi dan lehernya dan belakangnya, keluar api memancar-mancar. Maka gemparlah kaum jin itu terlalu sabar memarang tidaklah berketahuan lakunya.

Maka Raja Babi pun terlalu marahnya merasai sakit tubuhnya kena parang Kobat Sikandar Raja Alam itu. Maka dilompatinya bangkai jin yang bertindih-tindih di hadapannya itu lalu diparangkannya Seri Sultan Kobat Sikandar. Kenalah pinggang baginda lalu putus. Iapun lalu mati.

Maka Raja Babi pun mengamuklah menetakkan parang putingnya ke dalam kaum jin yang tiada dipermanai lagi banyaknya. Maka segala jin yang melihat rajanya sudah hilang itu maka sekeliannya pun larilah berlumba-lumba mengusir Seri Sultan Alam Syah dan Sutan Dewa Perkasa Alam.

Dari jauh sudah jin itu berseru-seru katanya:

*“Tuanku! Paduka kekanda kedua sudah hilang di tengah medan dibunuh oleh Raja Babi! Itulah dia sudah hampir ke mari, Tuanku! Baiklah segera undur, Tuanku! Jangan bertahan di hadapannya itu! Apakah jadi mahkota patik sekelian?!”*

Maka Seri Sultan Alam Syah Dewa pun mengucap katanya:

*“Sebab kerana patiklah maka kekanda kedua hilang di tengah padang peperangan, karam di dalam laut darah. Oh, encik abang! Nanti*

*patik seketika! Oh, encik tengah weh, janganlah berjalan dahulu! Nantilah patik di pintu kayangan!”*

Maka kata Sutan Dewa Perkasa Alam:

*“Oh! Hilanglah abang kedua. Nantilah Muda seketika!”*

Lalu ia tampil dengan marahnya. Maka Seri Sultan pun segera tampil ke hadapan sama melayangkan kenderaannya berlumba-lumba dua bersaudara diiringkan raja-raja segala kaum jin yang bergua dan hulubalang pahlawan. Bergadangan rupa busur Sailan dan gemerlapan rupa sumbu lotongnya dan bersandingan perisainya kaca. Segala hulubalang di Gua Jin sekalian bertempik melambung-lambungkan dirinya di atas kenderaannya sambil menangis akan rajanya yang sudah hilang itu. Maka semuanya itu keluarga Kobat Sikandar, sukaiah ia mati bersama-sama.

Semuanya pun mengusir Raja Babi, maka Si Parang Puting pun berseru-seru, katanya:

*“Hei, kamu segala kaum kores! Segeralah kamu sekalian ke mari bunuh segala kaum jin ini. Terlalu banyak datangnya!”*

Maka Degar Qamar Keempat Bersaudara pun datanglah dengan segala menteri hulubalang kores semuanya berkampunglah datang mendapatkan Raja Babi dan Si Parang Puting. Maka bertemulah segala raja kaum kores dengan segala raja-raja kaum jin yang bergua. Maka keduanya sama raja besar. Lalu berperang mengadu kesaktian berbagai-bagai kepandaiannya yang dipergurukannya. Maka segala handal johan pahlawan pun mengadu gagah perkasanya, dan dewa hulubalang terlalu sabar lakunya.

Pada masa ketika itu akan Seri Sultan Alam Syah Dewa pun melayangkan Buraq Pingai lalu ke hadapan Raja Babi. Sultan mengadang busur panahnya sambil memusing-musing cakranya. Dari jauh dipanah baginda. Gemuruh bunyi datangnya seperti tagar. Maka anak panah itupun datanglah bernyala-nyala seperti panah kelawar dan datang

menikam Raja Babi.

Maka Raja Babi pun diterbangkan panah itu jatuh di kaki kota negeri Syahrastan Yunan. Semua kaum Syaharastan Yunan pun terkejut. Habislah lari cerai-berai masing-masing membawa dirinya.

Maka titah Raja Tahir Johan Syah:

*“Segeralah lepaskan harimau yang tujuh sekawan itu!”*

Maka Pahlawan Kilat Cemerlang pun segeralah membuka pintu penjara seraya berkata:

*“Keluarlah engkau ketujuh tangkap babi itu makan olehmu!”*

Maka harimau itupun keluarlah ia dengan gembiranya melompat serta bertempik datang menerkam Raja Babi. Ada yang menangkap lehernya, ada yang menangkap tangannya, ada yang menangkap kakinya, ada yang menangkap tubuhnya, ada yang menangkap perutnya, maka dihela-helanya. Maka Raja Babi pun tiadalah dapat berlepaskan dirinya.

Maka bergomollah babi dengan harimau di kaki kota Syahrastan Yunan. Terlalu suka Raja Tahir Syah Johan melihat dia. Maka segala handal johan pahlawan pun bersoraklah segala kaum Syaharastan Yunan seperti akan terangkatlah negerinya.

Maka Raja Nobat Lela Indera pun terkejut. Disangkanya orang melanggar kotanya. Maka iapun segeralah keluar berlari-lari anak berkain sambil berjalan membawakan kursi sambil berlari-lari. Maka jatuhlah bulang dari kepalanya lalu diambil oleh mahkota pancawarnanya. Saburlah Raja yang Muda berlarian mengiringkan Nobat Lela Indera, lalu ke Pintu Gerbang Alam. Maka kata Nobat Lela Indera:

*“Di mana baginda sekarang ini?”*

Maka sembah Pahlawan Kilat di Awan:

*“Baginda ada semayam di atas kota! Tuanku jangan keluar kerana Raja Babi itu datang ke mari diterbangkan oleh anak panah Seri Sultan Alam Syah Dewa, Tuanku! Maka Paduka Ayahanda mengeluarkan harimau dari dalam penjaranya lalu ia bertangkap dengan babi itu,*

*TuanKu! Maka segala rakyat bersoraklah suka melihat kelakuannya itu, TuanKu!”*

Maka Nobat Lela Indera pun berdiri di muka Pintu Gerbang Alam. Raja tongkatkan samasarnya memandang kepada Raja Babi ditangkap oleh harimau tujuh ekor dihela-helanya. Maka bergomollah babi dengan harimau itu sama menyeringai akan taringnya dan sama mengeluarkan kukunya. Syahdan akan kuku Raja Babi itu daripada besi kersani yang tajam berkilat-kilat. Lalu dicakar akannya pada harimau itu. Habislah luka berdarah bercucuran daripada tubuhnya. Maka ketujuh harimau yang luka itupun terlalu sangat marahnya sebab ia merasai sakit itu.

Maka Raja Babi pun melompat lalu diparangnya dengan parang puting, kena seekor lalu penggal dua. Maka ditetak pula seekor lagi, kena lehernya, putus. Maka Raja Babi pun bertempik, katanya:

*“Malaslah aku membunuh binatang celaka ini, bukan lawanku!”*

Maka harimau yang lima ekor lagi itupun terkejut mendengar suara Raja Babi bertempik itu, syahdan kelimanya pun rebah terguling di bumi. Maka Raja Babi pun segera melompat jauh. Maka harimau kelima ekor pun bangun lalu ia lari, ekornya terdiri. Maka ditempuhnya segala kaum Syhrastan Yunan. Maka sekeliannya pun larilah bertempik-tempik. Maka Raja Babi pun tersenyum dan Si Parang Puting pun bersoraklah, katanya:

*“Lawanlah akan harimau yang luka itu! Apa mulanya maka tuan hamba sekelian lari? Hendak aku bunuh semuanya kerana bukan patut lawan TuanKu. Ke mana perginya hulubalang yang pahlawan Syhrastan Yunan ini maka tiada mau keluar mengembiri harimau ini?”*

Maka kata Raja Babi:

*“Janganlah kekasihku berpanjang kalam kerana lawan kita lagi ada.”*

Maka Raja Babi berjalan perlahan-lahan menuju kaum jin bergua

sambil menoleh-noleh kepada kaum Syaharastan Yunan.

Maka segala pahlawan Syaharastan Yunan pun ramailah datang hendak membunuh harimau itu. Ada yang memanah, ada yang menikam, ada yang membedal, terlalu ramai. Maka harimau itupun menerkam, ditangkapnya orang. Banyaklah mati dan luka ditangkapnya. Maka baharulah ia mati kelimanya.

Maka kata Nobat Lela Indera:

*“Hendak membunuh babi tidak mau mati! Rakyat sendiri yang banyak mati dan luka! Seperti apakah ini bala?!”*

Lalu Nobat Lela Indera berjalan kembali ke istananya.

Sebermula Raja Babi pun sampailah kepada tempat orang berperang. Maka dilihatnya Adiguru Kilat berperangkan samasyarnya dengan Pahlawan Berantah Sailan sama di atas kenderaan melayang, terlalu hebat rupanya dan sikapnya. Keduanya sama dewa pahlawan gagah perkasa sama memarangkan samasyarnya melayang berganti-ganti. Sabung-menyabung mata samasyarnya, berkilat memancar-mancar cahayanya, gemerincing bunyinya mata samasyar bertemu sama samasyar.

Maka Raja Qamar Syamsi pun berhadapan dengan hulubalang di Gua Pancalogam yang bernama Syah Pertala Zanki dan Raja Qamar Pari berhadapan dengan Syah Perdana Zanki dan Raja Syamsi Tabir Syah berhadapan dengan Johan Syah Hadi dan Bongsu Sipat Udara berhadapan dengan Gangga Maharupa. Sekeliannya sama berlontar-lontaran cakra melayang dan sama usir-mengusir, parang-memarang, berbelit-belit seperti ular bertangkap lakunya.

Maka Raja Babi pun lalu ke hadapan Seri Sultan Alam Syah Dewa. Sultan pun lagi sendaleka <sup>[280]</sup> tercengang lakunya melihat kelakuan segala keluarganya berperang itu. Banyaklah yang mati di tengah medan peperangan. Maka baginda pun segera melayangkan

kenderaannya menuju Degar Qamar seraya dipanahnya. Tidaklah sempat disalahkan lagi lalu kena pahanya terus. Maka Degar Qamar pun rebah di atas gajahnya, lalu dibawa orangnya undur.

Maka Raja Babi pun terkejut. Disangkanya mati, lalu segera didapatkannya. Setelah sampai katanya:

*“Matikah Degar Qamar itu?”*

Maka sembah gembala gajah:

*“Luka Tuanku pahanya.”*

Maka Raja Babi pun melompat naik ke atas gajah itu, lalu dimanteranya sambil dijilatnya lalu diludahinya. Mata lukanya pun sembuhlah dengan seketika itu juga. Maka Degar Qamar pun bangun, duduk menyembah Raja Babi dengan sukacitanya. Maka Raja Babi segera turun dari atas gajah.

Maka Seri Sultan pun datang, lalu dilontarnya dengan cakranya yang tajam. Bernyala-nyala datangnya. Maka tiadalah sempat disalahkannya lagi oleh Raja Babi, lalu kena tali leher manikam pancawarna tujuh belit itupun putus berpelantingan ke bumi. Maka cakra itupun patah. Akan Raja Babi garis pun tidak.

Maka Seri Sultan pun segera mengambil samasyarnya, ditimang-timangnya. Maka Raja Babi pun datang dengan gembiranya. Maka ekornya pun dikutik-kutikkannya berkibas-kibas ke kanan ke kiri. Syahdan mulutnya pun termuncung-muncung, hidungnya pun terkembang-kembang dan matanya terbeliak-beliak merah seperti pudi. Maka ia berbunyi seperti harimau mengeram-mengeram bunyi suaranya.

Gempitalah Padang berantah Cahaya dan takut ngeri segala yang mendengar bunyinya suaranya itu lantas ke dalam kota Syaharastan Yunan. Maka titah Raja Tahir Johan Syah:

*“Suara apakah itu? Bergeraklah rasa kota negeri kita ini seperti akan robohlah rasanya.”*

Maka sembah Sambang Padang:



*“Itulah suara Raja Babi, Tuanku! Mengeram di tengah padang peperangan. Marah sangat gerangan itu maka demikian bunyi suaranya.”*

Maka titah baginda:

*“Jika selaku ini juga tidaklah menang raja jin itu kerana dua sudah saudaranya yang mati. Baiklah kerahkan segala rakyat kita masuk ke dalam kota!”*

Maka Pahlawan Kilat Cemerlang pun menyuruhkan segala rakyat masuk. Pintu kota pun ditutup oranglah. Maka Raja Tahir Johan Syah pun berangkat kembali semayam di balairong dihadap segala menteri baginda yang besar-besar bicarakan dirinya. Maka sembah Mangkubumi:

*“Jika mati Seri Sultan Alam Syah Dewa itu sekarang, kita lawannyakah Raja Babi itu atau kita tundukkah kepadanya?”*

Maka titah baginda:

*“Yang kepada rasa beta ini, raja besar juga ia itu maka demikian lakunya.”*

Maka segala menteri, hulubalang, pahlawan, handal johan yang menghadap itupun semuanya tunduk dengan marahnya. Sembahnya:

*“Daulat Tuanku! Mohonkan ampun beribu-ribu ampun. Apatah gunanya patik sekelian ini Yang Maha Mulia peliharakan manjang kurnia pagi dan petang? Berburuk kain berganti kain, lusuh baju berganti baju. Adalah bagi hayam <sup>[281]</sup> sabungan apalah gunanya dipeliharakan berlelah-lelah diberi makan tiada mau disabung? Jadilah terbuang beras dan padi dimakannya. Tiada boleh dilihat lagi entahkan baik entahkan jahat pukunya Tuanku! Patik sekelian pun demikianlah adanya.”*

Maka baginda pun mengeluh seraya bertitah:

*“Benarlah sembahmu sekelian itu. Tetapi rasanya tidaklah akan menang kita daripada Raja Babi itu, sedang raja Di Gua Persunggi Alam Empat Bersaudara lagi tidak boleh melawan dia ini, konon kita yang*

*sebuah negeri. Rakyat pun kurang kepada kita.”*

Maka segala yang menghadap pun tunduk berdiam dirinya. Di dalam hatinya:

*“Barang di mana pun aku menyembah juga masakan akan disembah orang. Engkau juga yang malu disebut oleh segala raja-raja menyembah babi binatang haram.”*

Syahdan maka tersebutlah perkataan Raja Babi. Setelah ia dekat dengan Seri Sultan lalu ia melompat seperti kilat yang tangkas lalu diparangnya dengan parang putingnya itu. Kenalah leher baginda lalu putus kepalanya jatuh ke tanah lalu mati. Maka Sutan Dewa Perkasa Alam pun datang dengan marahnya lalu diparangnya Raja Babi itu dengan kedua belah tangannya.

Maka tiadalah beranggar <sup>[282]</sup> lagi datangnya tetak Sutan Dewa Perkasa Alam itu. Maka Raja Babi pun terpusing-pusing seperti gasing yang ligat. Tubuhnya pun keluar api bernyala-nyala memancar-mancar. Maka ramailah segala raja-raja yang bergua datang menetak Raja Babi itu. Ada yang memarangnya dengan samasyarnya, ada yang menikam dengan khanjarnya. Maka Raja Babi pun menetakkan parang putingnya dengan kedua belah tangannya. Maka dihusirlah segala raja-raja itu, dibunuhnya habis mati.

Maka bertetaklah Raja Babi dengan Sutan Dewa Perkasa Alam. Ada seketika juga maka Sutan Dewa Perkasa Alam pun matilah. Maka segala raja-raja jin itupun habislah mati semuanya. Maka bersoraklah segala kaum kores terlalu gemuruh maha gempita. Bahananya datang ke tengah rimba belantara sampai ke isi awan yang biru.

Syahdan maka segala kaum jin pun larilah cerai-berai tidaklah berketahuan perginya. Ada yang kembali ke guanya. Maka mungkur kaca tempat anak isteri raja jin itupun dilarikannya melayang hendak dibawanya kembali. Maka diturut oleh Degar Qamar dengan segala kaum kurus sekeliannya terlalu ramai dengan tempiknya. Setelah bertemu lalu

direbutnya mungkur kaca itu lalu dibawanya kembali ke Kota Emas Kerajang. Maka ramailah kaum kores merampas dan menawannya segala kaum jin itu, terlalu sabur bahana suaranya.

Maka Raja Babi pun kembali masuk ke dalam kotanya lalu kembali ke Tuan Puteri. Kepada masa itu Tuan Puteri pun lagi duduk di atas mercu mahligai di dalam pengalang kerajaan dengan segala siti dayang-dayang melihat akan termasa orang berperang itu. Maka kata Dang Raya Rani:

*“Sayangnya Seri Sultan Alam Syah Dewa mati lagi teruna marduwangsa <sup>[283]</sup>, baik paras. Patutlah sekali dengan Tuan Puteri. Oh, untung nasibku! Bersuamikan babilah Tuanku ini kelak!”*

Lalu ia menangis. Maka Inangda pun marah lalu dijelingnya Dang Raya Rani sambil berpaling, katanya:

*“Bijaknya mulut anak dara sondol sikutuk sondol! Merugi ini airmata. Gatal ia pula berbanyak-banyak kata! Bukankah lakimu sudah datang ke mari itu?!”*

Maka Dang Raya Rani pun menoleh. Dilihatnya Raja Babi naik ke mahligai. Maka airmatanya pun segera disapunya. Mukanya pun dimaniskannya, maka segala siti dayang-dayang pun tersenyum seraya tunduk dengan takutnya akan Raja Babi itu kerana ia baharu datang daripada berperang itu.

Maka Raja Babi pun lalu duduk dekat Tuan Puteri seraya disondol-sondolnya belakang Tuan Puteri seraya berkata:

*“Kasih sayang Paduka Kekanda. Tidaklah kekanda itu mengadap tuan lagi kerana ia hendak bangat kembali ke Gua Persunggi Alam.”*

Maka ditolakkan oleh Tuan Puteri sambil ia berkata:

*“Suatu sebagai pula datang daripada berperang ke mari berbuat bohong. Hendak pun baik mati pun baik. Apa yang dikatakan kepada aku bukan aku yang hendakkan dia itu dapat sedikit!”*

Maka Raja Babi pun suka tertawa lalu terbatuk-batuk dan kepalanya terangguk-angguk. Maka segala dayang-dayang pun suka tertawa-tawa melihat kelakuan Raja Babi itu. Maka kata Inangda:

*“Marilah, tuan, bonda mandikan!”*

Lalu dibawanya Raja Babi itu ke permandian, maka dimandikannya dan dilangirnya. Setelah sudah maka disiraminya dengan air mawar dan digosoknya dengan kelembak gaharu masak.

Setelah sudah maka Raja Babi pun pergi pula dekat Tuan Puteri lalu dikirai-kirai bulunya dan dikipas-kipaskannya. Maka keluarlah air mawar terlalu harum baunya seperti hujan yang lebat datang menimpa. Tuan Puteri dengan segala siti dayang pun habislah basah kain bajunya. Maka ramailah mendera perawarahara itu menjerit. Ada yang mengirap <sup>[284]</sup>, ada yang berteriak, terlalu ramai bunyinya mulutnya. Maka kata Tuan Puteri:

*“Terlalu sangat perbuatannya babi kutuk ini! Habislah kita basah seperti mandi diperbuatnya!”*

Lalu ditamparnya dan ditolakkannya. Maka Raja Babi pun naik duduk di atas ribanya Tuan Puteri. Tangannya dipelukkannya kepada leher Tuan Puteri, katanya:

*“Patik sejuk, Tuanku! Hendak menumpang panas tubuh anak dara.”*

Maka Tuan Puteri pun mengherdik, katanya:

*“Cilakanya si mati dibunuh ini!”*

Sambil ditolak-tolakkannya. Maka segala dayangdayang pun tertawa-tawa gelak melihat lakunya Tuan Puteri dengan Raja Babi itu. Maka kata Raja Babi:

*“Sukanya dayang-dayang sekalian menumpang asyik-asyikan kami. Suatupun tidak diperolehnya diri.”*

Maka lalu diciumnya pipi Tuan Puteri, maka ditampar oleh Tuan Puteri mukanya, lalu dicakarnya dipulas-pulasnya telinga Raja Babi

seraya berkata:

*“Baharu-baharuan pula yang demikian kelakuannya! Entah pun terkena kepada semangat orang mati dibunuh gerangan dia ini!”*

Maka sahut Raja Babi:

*“Abanglah Raja di Gua Persunggi Alam. Adinda janganlah murkakan abang. Sepawai janganlah gerakkan abang. Gunung padang abang serah akan adinda sekeliannya di dalam perintah tuan. Balai medan persembahan abang. Tuanlah nyawa badan abang. Tuanlah seri durja abang. Adindalah permaisuri di Gua Persunggi Alam. Disembah segala jin sekalian. Abang di dalam maklum tuan terbilang weh, jangan sangat bercinta.*

*Demi gunung padang abang! Demi ayahanda bonda abang! Haram ku tidak memangku sayang, Wallahi tidak menimang kasih sayang. Janganlah disebut lagi di masa ini.”*

Lalu ia berpantun:

*“Diangkat-angkat lalu dijulang,  
Helang bersarang di kayu tinggi,  
Ayunya pipi mahkota abang,  
Terletak di mercu mahligai tinggi.*

*Hatiku teluk membalai pagar,  
Beban suruhi rama-rama,  
Makhluk di mana akan sedar,  
Dendam berahi sudah lama.”*

Maka ditolakkannya oleh Tuan Puteri sambil ia menangis, katanya:

*“Inangda tolonglah kita! Ambil anakmu ini!”*

Maka Inangda pun datang sambutnya Raja Babi seraya berkata:

*“Marilah nyawa buah hati bonda! Janganlah sangat tuan mengusik Tuan Puteri itu kerana ia sudah menangis!”*

Maka Raja Babi pun turun dari ribaan Tuan Puteri, katanya:

*“Diamlah, Tuanku. Jangan sangat menangis akan Paduka Kekanda yang hilang di tengah medan peperangan. Kasih sungguh tuan bertunangan.”*

Maka kata Tuan Puteri:

*“Janganlah engkau duduk di mahligai ini lagi! Benci aku melihat lakumu itu! Kita juga yang diusiknya memberi sakit hatiku mandang katamu itu!”*

Maka Raja Babi pun berjalan turun sambil ia berpantun:

*“Selasih penggal diapun penggal,  
Penggallah biduk kait-kait,  
Ayuhai kekasih tinggal,  
Tuan tinggallah duduk baik-baik.”*

Lalu Raja Babi melompat ke atas balairong semayam di atas singhahsana. Maka beraturlah khadam Bentara kiri dan kanan. Syahdan berbarislah segala raja-raja dan menteri hulubalang kores menghadap. Masing-masing dengan kursinya. Maka sembah Degar Kilat, Degar Qamar dan Degar Syamsi Tabir Syah:

*“Daulat Tuanku! Ada empat buah mungkur kaca isteri raja jin itu, Tuanku! Semuanya sudah patik suruh duduk ke istana Yang Maha Mulia dikawali oleh Si Parang Puting, Tuanku!”*

Maka Raja Babi pun menoleh kepada Kores Peri Bongsu Dewa, katanya:

*“Pergilah diri bawa masuk ke istana Benderang Alam. Beri tempat segala isteri raja-raja.”*

Maka Kores Peri Bongsu Dewa pun menyembah lalu masuk ke

istana. Dilihatnya segala isteri raja-raja semuanya menangis terlalu ramai dengan segala siti dayang-dayang. Maka penuhlah Istana Benderang Alam itu dengan tawanan anak isteri raja-raja semuanya berkaparan. Segala perkasa tiada boleh melentangkan kaki lagi. Maka Kores Peri Bongsu Dewa pun berkata kepada Penghulu Istana itu; Tun Seri Buana namanya, katanya:

*“Bonda! Titah Baginda Raja Babi suruh beri tempat segala orang itu masing-masing dengan patutnya kerana ia raja besar-besar belaka.”*

Maka Tun Seri Buana pun tersenyum, katanya:

*“Baik paras sangat rupanya Tuan Puteri Di Gua Kemala Naga dan isteri Sikandar Muda itupun baik juga rupanya. Sayangnya sudah bersuami.”*

Maka Kores Peri pun tertawa, katanya:

*“Disuruh memberi tempat orang duduk, bonda gila dengan berkhobar juga.”*

Maka Tun Seri Buana suka tertawa manis lakunya seraya melelakan tangannya sambil berkata:

*“Sungguh tuan, seperti kata bonda ini! Kepada budi bicara bonda sukarlah samanya putera raja-raja yang melebihi berelok paras putera Kobat Sikandar Raja Alam itu. Cahaya mukanya gilang-gemilang, warna tubuhnya kilau-kilauan seperti cermin di dalam air. Dan rambutnya seperti mayang mekar, dahinya seperti sehari bulan, keningnya bagai taji dicanai, hidungnya seperti kuntum melur, bibirnya bagai petai dijeruk, lehernya seperti kumba<sup>[285]</sup> dilarik, dadanya bidang, lengannya seperti Panah Rajuna, pinggangnya bagai tangkai bunga. Sayang sedikit lagi, kecil susunya, belum lagi ketara. Mejelis elok manis. Di mana entah bonda tidaklah berbagai lagi.”* Maka Kores Peri Bongsu Dewa suka tertawa gelakgelak, katanya: *“Janganlah bonda lalaikan diri. Pergilah beri tempat duduk yang mana baik pada bonda patut kadarnya.”*

Maka sahut Tun Seri Buana:

*“Kepada pendapat bondalah, baik paras Tuan Puteri ini daripada Puteri Syahrastan Yunan itulah tuan!”*

Maka Kores Peri pun makin suka pula ia tertawa, katanya:

*“Malaslah sanda duduk lagi!”*

Lalu ia segera turun gopoh-gopoh lakunya sambil berkata.

Maka ramailah siti dayang melontar dengan suntung malainya. Maka Kores Peri pun menoleh-noleh sambil tertawa-tawa lalu ke balairong duduk kepada tempatnya dilimbanh kiri baginda seraya menyembah.

Sebermula maka tersebutlah Raja Tahir Johan Syah. Setelah sudah raja jin habis mati, maka titah baginda:

*“Hendakpun Raja Babi itu kita sambut ke mari. Kalau ia tiada mau datang kerana sudah salah tanpa sebab kita suruh makan kepada harimau itulah, maka kita hendak pergi ke negerinya.”*

Maka sembah segala raja-raja:

*“Yang mana baik Ke Bawah Duli patik iringkan, Tuanku!”*

Maka Raja Tahir Johan Syah pun berangkatlah. Baginda naik ke atas gajahnya. Maka terkembanglah payung iram kuning, maka titah Baginda:

*“Janganlah berdandan berperintah lagi. Sekadar bersahaja-sahaja juga.”*

Lalu baginda berangkat keluar kota diiringkan segala raja-raja, menteri, hulubalang, rakyat. Sekeliam tidaklah membawa senjata banyak. Setelah sampai ke kota emas kerajang, maka dilihatnya pintu gerbang itu tertutup. Maka Pahlawan Kilat Cemerlang berseru, katanya:

*“Hai kamu penunggu pintu! Pergilah persembahkan ke bawah Duli Raja Babi, katakan Raja Tahir Johan Syah datang hendak mengadap!”*

Maka penunggu pintu pun segera masuk menghadap. Dari jauh-



jauh sudah berdatang sembah, katanya:

*“Daulat Tuanku! Mahkota Alam Raja Tahir Johan Syah datang hendak mengadap!”*

Maka Raja Babi pun mencita Si Parang Puting. Dengan seketika itu juga iapun datanglah berdiri di hadapan Raja Babi. Maka kata Raja Babi:

*“Hai kekasihku tuan! Raja Tahir Johan Syah datang, apakah kata kekasihku sekarang ini?”*

Maka kata Si Parang Puting:

*“Hendak baik kita lawan baik. Jikalau ia hendak jahat kita lawan jahat! Apatah yang anakanda gundahkan? Suruhlah sambut ia masuk ke mari!”*

Maka Raja Babi pun memberi titah kepada Degar Kilat:

*“Pergilah Raja bersama-sama dengan Bentara Kores Peri sambut Raja itu masuk! Kita pun sangat hendak bertemu!”*

Maka Kilat Degar pun menyembah lalu turun dari balai bersama dengan Kores Peri. Raja berkaus<sup>[286]</sup> berjalan. Duli diiringkan orang muda-muda. Setelah sampai ke pintu gerbang, lalu dibukanya seraya berkata:

*“Silakanlah Tuanku masuk! Titah Baginda Raja Alam pun sangatlah hendak bertemu dengan Tuanku!”*

Maka Raja Tahir Johan Syah pun masuklah lalu ke medan balai. Maka dilihatnya tentera kores terlalu banyak. Semuanya hadir dengan alat senjatanya. Segala adi johan pun banyak duduk beratur. Seorang satu kursi dari pintu kota sampai ke medan, dari medan datang ke balai. Maka sekeliannya pun turun dari kursinya memberi hormat mulia sambil mengangkatkan pula ketopongnya.

Maka Raja Tahir Johan Syah pun hendak turun dari atas gajahnya, maka datanglah Nadim Bentara Kanan yang bernama Ismu Dewa Bongsu Kores, katanya:

*“Sembah sujud Paduka Anakanda. Janganlah Tuanku turun dari atas gajah. Silakanlah Raja ke Balairong Alam!”*

Maka Raja Tahir Johan Syah pun lalu ke tapakan balai. Maka Raja Babi pun berdirilah memberi hormat. Maka segala raja-raja sekeliannya turun dari atas balai itu. Maka kata Si Parang Puting:

*“Silakan Raja Syaharastan Yunan naik ke mari. Marilah Raja duduk dekat kita!”*

Maka Raja Tahir Johan Syah pun turun dari atas gajahnya lalu naik ke atas balairong, langsung ke Seri Balai, duduk dekat Si Parang Puting. Baginda pun hairan melihat parang pandai berkata-kata dan ngeri rasanya memandang Raja Babi itu. Lalu ia tunduk menyembah seraya berkata:

*“Sebab pun ayahanda mengadap ini harap akan kasih sayang anakanda. Kerana ayahanda orang bicara pun tidak, akal pun kurang.”*

Maka kata Raja Babi:

*“Janganlah Raja berkata demikian. Lebih pula sanda binatang hutan yang tiada tahu akan cara bahasa raja menteri. Dari-dari amat mula jadi dilabuhkan ayah dengan bonda ke dalam hutan rimba belantara. Datang qamar<sup>[287]</sup> disinar qamar, datang syamsu<sup>[288]</sup> disinar syamsu. Embun titik disangka susu, daun jintan disangka gandum dimamah-mamah diludahkan. Perinya badan tidak bernasib, sifat pun tidak serupa orang. Baiknya ada kasih nun Tuan Puteri di Pucuk Puding yang diam bertapa di Padang Luas. Ialah yang memeliharaikan patik, Tuanku!”*

Maka Raja Tahir Johan Syah pun suka sedikit hati baginda oleh memandang kata Raja Babi putera raja besar juga. Maka kata Baginda:

*“Adapun ayahanda datang ini hendak menyambut tuan masuk ke negeri anakanda kerana ayahanda sudah tuha. Tuanlah akan ganti ayahanda kerajaan di negeri Syaharastan Yunan.”*

Maka Raja Babi pun tersenyum seraya berkata:

*“Mohonlah sanda jadi raja kerana kita hendak segera pergi melihat termasa negeri segala raja-raja Tuanku!”*

Maka titah baginda:

*“Jika anakanda tidak suka menjadi raja sekalipun, silakanlah tuan masuk bermain-main.”*

Maka kata Raja Babi:

*“Baiklah, Tuanku!”*

Maka Raja Tahir Johan Syah pun berangkatlah kembali membawa Raja Babi dengan Si Parang Puting juga yang pergi itu. Segala raja seorang pun tidak dibawanya.

Setelah datang ke dalam kota lalu duduk di balairong, maka Raja Babi dibawa baginda duduk sama dengan Si Parang Puting. Maka baginda pun menyuruh memalu segala bunyi-bunyian dan memasang bedil dan memukul gong raya, alamat akan berjaga-jaga <sup>[289]</sup>.

Maka berkampunglah segala rakyat hina-dina. Gegak-gempita bahana orang bersuka-suka dan makan minum dengan bunyi-bunyian suka termasa dengan tepuk tarinya. Segala pahlawan bermain pedang perisai dan segala adi johan semuanya bermain tombak lembing. Tujuh hari tujuh malam baginda berjaga-jaga itu.

Maka baginda pun menyuruh menyambut anakanda baginda Nobat Lela Indera. Maka iapun datang dengan musykilnya. Syahdan mukanya yang manis berseri itupun menjadi masam-masam. Setelah sampai lalu ia duduk kepada tempatnya tunduk menyembah. Maka titah baginda:

*“Ayuhai anakanda nyawa badan ayahanda! Pergilah buah hati cahaya durja ayahanda. Baik-baik peliharakan tempat. Baginda ini hendak ayahanda kahwinkan dengan saudara tuan, Puteri Kemala Indera.”*

Maka Nobat Lela Indera pun menyembah, katanya:

*“Sudah baik semuanya. Menantikan titah Duli juga lagi.”*

Maka baginda pun suka lalu menghiasi Raja Babi di bahunya gelang kaki tangannya dan bertali leher sembilan belit, bergelang merak mengigal, berkerancing buah rambai, bergelang jari tujuh sebelah. Ekornya disarungi dengan manikam yang kuning dan kepada pinggangnya dibubuh baginda qamar bulan purnama. Kepada telinganya dibubuh baginda sunting cempaka emas berumbai-rumbaikan manikam merah sampai ke perutnya. Maka dibubuh jamang<sup>[290]</sup> sehari bulan kepada dahinya. Diletakkan baginda Mahkota Alam kerajaan di kepalanya. Di dalam hati baginda:

*“Jikalau bukannya raja yang bernobat, mati tulah engkau muntahkan darah dengan seketika ini juga. Tidaklah engkau boleh bergerak lagi, mati dengan setakat ini juga!”*

Maka Si Parang Puting pun suka tertawa-tawa, katanya:

*“Sudah daulat bertambah-tambah daulat pula Putera Baginda Di Gunung Berapi Rantau Panjang di Tebing Berukir. Baginda itulah raja di tanah manusia. Perinya badan tidak bernasib, berputerakan Raja Babi ini, lalu dibuangkan Baginda ke hutan. Besar itulah maka jadi Baginda Sultan selaku ini.*

*Melainkan di dalam kepada itu raja weh, jangan berkecil kalbu! InsyaAllah, sangat juga baginda ini kembali menjadi manusia pula. Jangan barangsiapa kamu sekelian tertawa akan baginda memakai ini! Baik menteri, baik raja aku parang tidak bertanya lagi. Aku ceraikan kepalanya dari badan!*

*Syahdan akulah yang bernama Si Parang Puting. Saudara Tuan Puteri di Pucuk Puding Emas!”*

Lalu ia melompat menari terliuk-liuk menghempas-hempas kakinya dan menghempas ke kiri, lalu melompat dekat Raja Babi. Maka Raja Tahir Johan Syah dan Nobat Lela Indera pun baharulah sukacita hatinya dan mukanya pun manis berseri-seri. Dan segala raja-raja yang

menghadap semuanya tunduk dengan takutnya mendengar kata Si Parang Puting dan melihat kelakuannya terlompat-lompat, cahayanya memancar-mancar, bernyala-nyala memberi dahsyat segala yang melihat dia.

Setelah sudah Raja Babi memakai itu, lalu dibawa baginda naik ke atas perarakan tujuh pangkat. Maka beraturlah anak segala raja-raja muda-muda. Masing-masing dengan jawatannya. Ada yang memegang kipas emas, ada yang memangku puan kerajaan, ada yang membawa pedang yang keemasan, ada yang membawa dian bermalaikan emas diraqam. Maka terkembanglah payung mutia dikarang empat puluh berapit dan terdirilah cogan alam kerajaan dan terkibarlah tunggul panji-panji yang larangan. Maka melangsilah bunyi samping cahaya dan meragamlah bahana dandi muri.

Syahdan berdengunglah bunyi nagara kuning dan gemuruhlah bahana nobat sali disambutnya gendang arakarakan. Bedil pun dipasang oranglah, lotong cahaya seribu sekali lepas.

Syahdan beraraklah Raja Babi keluar dari dalam kota kembali ke Kota Emas Kerajang. Keluarlah di negeri Qamar Empat Bersaudara dan Nadim Bentara Kiri Kanan dengan segala adi dan johan pahlawan menteri hulubalang sekeliannya dengan tempik suaranya. Gemuruh bahana bunyi lotongnya. Kalam-kabut rupa asapnya. Setelah sampai lalu masuk ke dalam kota, berarak lalu ke mahligai Tuan Puteri.

Sebermula maka segala bininya raja yang di dalam Istana Benderang Alam pun ramailah melihat Raja Babi berarak itu. Maka segala siti dayang-dayang ada yang melihat dari merong manikam, ada yang dari merong cahaya, ada yang dari lawang <sup>[291]</sup> meleng, ada yang dari lawang seketeng.

Setelah dilihatnya yang diarak itu babi, itu babi diberi memakai yang indah-indah rupanya, maka kata Permaisuri Di Gua Kemala Naga:

*“Inangda tuan nyawa bonda! Marilah buah hati bonda lihat juga*

*babi berarak ini lagi berusung!”*

Maka sahut Tuan Puteri Cahaya Kemala:

*“Mohonlah patik Tuanku melihat dia. Ialah yang membunuh Ayahanda Keempat. Apalah gunanya dilihat mukanya babi si kutuk si cilaka itu, Tuanku!”*

Lalu Tuan Puteri menangis katanya:

*“Ayuh ayahanda, ambillah patik bawa kembali ke gunung padang kita. Sunyilah Gua Kemala Naga selama ayahanda tinggalkan. Dan sunyilah Balairong Cahaya selama ayahanda tidak di ruang medan. Marilah Tuanku kita kembali! Jangan terlali di padang raja, jangan termasa di tanah jin!”*

Maka bonda baginda pun turut menangis mendengar anakanda baginda meratap akan ayahnya Kobat Sikandar Raja Alam itu. Maka Permaisuri pun berpaling lalu meratap, katanya:

*“Diamlah tuan nyawa bonda! Ayahmu lagi mengenderai padang, ayahmu lagi melayangi gunung. Diamlah puteri bonda! Jangan sangat tuan bercita akan ayah. Memberi pilu rasa bonda, bertambah sali kalbu bonda.”*

Maka segala isteri raja-raja pun menangislah terkenangkan suaminya. Memasing-masing dengan bunyi ratapnya berbagai-bagai lakunya. Maka kata isteri Sikandar Muda Raja Alam:

*“Oh abangku elok mejelis, muda berusul, hilang tidak berganti lagi, lenyap pun tiada bertukar lagi. Raja-raja yang mana-manapun baik, haram tiada sebanjar abang!”*

Maka kata isteri Sutan Dewa Perkasa Alam:

*“Oh, abangku tuan! Lenyap di mata-mata, abangku nyawa hilang di dalam qadam jari, abangku tuan muas di dalam peraduan salih <sup>[292]</sup>. Ke mana gerangan abangku tuan maka tidak kembali lagi. Marilah abang, kita bermain melihat babi berarak.”*

Maka ramailah bunyinya tangis orang di dalam Istana Benderang

Alam itu. Maka segala yang lalu itupun belas rasanya mendengar bunyi ratap segala isteri raja-raja jin itu. Yang terlebih Raja Tahir Johan Syah, dalam hati baginda:

*“Jika aku mati, demikianlah laku adinda permaisuri.”*

Lalu baginda mengeluh terkenangkan Seri Sultan Alam Syah Dewa.

Maka berarak itupun sampailah ke mahligai, lalu baginda naik membawa Raja Babi dudukkan dekat Inangda baginda seraya berkata:

*“Moga-moga selamat juga tuan!”*

Maka Tuan Puteri pun menangis seraya menyembah, katanya:

*“Sampai hati ayahanda mengahwinkan patik dengan babi binatang haram ini! Tuanku bunuhlah Kemala Indera sekali-kali!”*

Maka baginda pun cucur airmatanya lalu segera turun mahligai duduk ke balairong dihadap segala raja-raja sekeliannya. Terlalu ramai memalu bunyi-bunyian. Segala kaum kores bermain caranya kores. Jin bermain caranya jin. Masing-masing lakunya. Maka Si Parang Puting pun terdiri di atas takhta kerajaan lalu ia berseru-seru, katanya:

*“Keluarlah engkau hidangan makanan! Aku hendak berjamu segala raja-raja ini!”*

Hatta dengan seketika itu juga maka beraturlah pelbagai rupanya hidangan terhantar di hadapan Raja Tahir Johan Syah kedua berputera dan segala raja-raja sekeliannya sampai kepada segala menteri hulubalang, datang kepada adi johan pahlawan dan rakyat bala tentera sekeliannya. Maka jin sekelian pun hairanlah melihat sakti Si Parang Puting itu. Bertambah-tambah takutnya akan Raja Babi itu.

Maka kata Si Parang Puting:

*“Santaplah Raja Syaharastan Yunan nasi kurnia abang Tuan Puteri di Pucuk Puding Emas menyuruh membawa ke mari tadi, kerana Baginda orang yang sakti lagi terus mata <sup>[293]</sup>. Semuanya sudah diketahuinya.”*

Maka Raja Tahir Johan Syah dan Nobat Lela Indera pun santaplah dua berputera. Yang jin makan samanya jin dan yang kores makan samanya kores. Maka bunyi-bunyian pun berbunyi sendiri. Syahdan kedengaranlah bahana suara biduan bernyanyi terlalu nyaring bunyi suaranya. Makin bertambah hairan Raja Tahir Johan Syah.

Setelah sudah santap maka minuman pula datang sendiri dan timbul pelbagai rupanya nikmat yang indah-indah namanya, jati rasanya. Syahdan baginda pun minumlah dengan segala raja-raja minum bersulang-sulangan terlalu ramai. Maka segala yang asyik berahi pun bangun menari terlalu ramai di Balairong Alam sampai ke Medan Persunggi Laung suka termasa. Segala adi johan pahlawan rakyat bala tentera bermain tepuk tari, masing-masing dengan kelakuannya.

Tujuh hari tujuh malam Si Parang Puting berjamu Raja Tahir Johan Syah dengan pelbagai permainan. Gajah berjuang sendiri, hayam bersabung sendiri, dan biri-biri berlaga sendiri, dan kambing berlaga sendiri, dan kerbau berlaga sendiri dan lembu berlaga sendiri. Dan segala bunyi-bunyian berbunyi sendiri. Maka terlalulah suka baginda kedua berputera dan segala jin melihat termasa itu.

Maka segala isteri raja-raja yang gila menangis itupun diamlah melihat laku orang main itu. Maka Nobat Lela Indera pun sebagai memandang ke Istana Benderang Alam itu lalu terpandang kepada isteri Sikandar Muda menengok dari merong cahaya. Terserlah rupanya seperti bulan purnama. Maka terlalu berahi hati Nobat Lela Indera sebagai dipandangnyanya sambil tersenyum.

Maka Kores Peri Dewa Perkasa Alam dan banyaklah jin dan kores yang berahi akan segala isteri raja-raja itu. Ada yang berahikan Permaisuri Kemala Naga.

Sebermula akan Raja Babi pun berkata kepada Tuan Puteri:

*“Adinda tuan janganlah sangat menangis. Bukannya dengan*



*kehendak kita dengan maksud tuan ayahanda. Ayuh adinda janganlah sangat bercinta.”*

Lalu ia berpantun:

*“Terang bulan taram-temaram, <sup>[294]</sup>  
Hantu berjalan dua laki bini,  
Jangan kamu dimuram-muram,  
Kamu pun tiada lama di sini.”*

Inangda pun berkata:

*“Janganlah tuan ambikan hati perkataan adinda itu. Lebih ampun Tuanku juga.”*

Maka segala dayang-dayang pun tertawa-tawa, katanya:

*“Sedang lagi belum kahwin lagi kasih, ini pula sudah jadi suami, makin kasih! Jika Tuanku pergi juga entahkan sakit dengan bercinta!”*

Maka Raja Babi pun rebah berguling-guling di ribaan Tuan Puteri.

Sebermula akan Raja Tahir Johan Syah pun kembalilah ke kotanya. Sehari-hari baginda datang mendapatkan Raja Babi duduk bersuka-sukanya makan minum serta dengan bunyi-bunyian. Maka baginda pun terpandanglah kepada Permaisuri Kemala Naga duduk di lawang meleng dua berputera, sendu-sendu lakunya.

Maka Raja Tahir Johan Syah ingin rasanya melihat paras Permaisuri itu sebagai baginda datang terulang-ulang kepada Raja Babi itu. Terlebih pula Nobat Lela Indera yang sangat berahinya akan Permaisuri Bangkahulu itu tidaklah kembali lagi, siang malam di Balairong Alam itu juga duduk sama-sama dengan Raja Nadim Bentara Kiri dan Bentara Kanan dan Degar Qamar Keempat Bersaudara. Semuanya raja muda-muda syahdan suka termasa dengan senda gurauanya dan syair baitnya terlalu ramai siang malam dengan bunyi-bunyian.



Ada kepada suatu hari Tuan Puteri Kemala Indera beradu, maka ia bermimpi bersuamikan seorang raja besar lagi dengan elok parasnya dan sikap mejelis dan canda lela <sup>[295]</sup>. Maka Tuan Puteri terlalu kasih rasanya duduk bersenda bergurau. Maka kata Tuan Puteri:

*“Siapa nama abang ini?”*

Maka sahut Raja itu:

*“Kekandalah Raja Babi. Sebabpun abang jadi babi kerana disumpahi oleh bonda tiri kekanda yang empat puluh banyaknya tuan. Maka dibuangkan semuanya oleh Baginda Sultan di Gunung Berapi kerana bonda yang hamil akan abang ini. Maka segala anak-anak raja itu marah lalu disumpahinya: “Semoga-moga anakmu itu menjadi babi binatang haram!” Inilah sebabnya maka abang serupa babi ini.*

*Ayuhai adinda, janganlah tuan katakan rahsia ini!”*

Maka Tuan Puteri terkejut. Dilihatnya Raja Babi ada beradu dekat dia. Maka Tuan Puteri pun bangun lalu basuh muka dan makan sirih. Letih lesu rasa tubuhnya, mukanya pucat-pucat berseri. Lakunya sendu-sendu basa teringatkan mimpinya. Maka sembah Inangda:

*“Sakitkah Tuanku Mahkota patik?”*

Maka sahut Tuan Puteri:

*“Tubuh kami tiada sedap rasanya.”*

Lalu Tuan Puteri pergi mandi. Setelah sudah lalu duduk di merong peranginan melihat ke balairong, maka dilihatnya kekanda baginda bermain jogar <sup>[296]</sup> manikam dengan Raja Qamar Syamsi, terlalu ramai dengan senda guraunya.

Maka Raja Tahir Johan Syah pun datang lalu duduk kepada tempatnya seraya memandang ke merong istana kalau-kalau ada Permaisuri Kemala Naga itu melihat dia. Maka Ismu Dewa Bongsu Kurus

pun tertawa memandang Bentara Kiri. Maka Kurus Peri Bongsu Dewa pun tersenyum lalu ia berpantun:

*“Indang-indang <sup>[297]</sup> padi Dang Seni,  
Beras bercampur dengan biji bayam,  
Terulang-ulang kamu ke sini,  
Pura-pura mencari ayam.”*

Maka sahut Si Parang Puting:

*“Aku tutuh <sup>[298]</sup> jelatang tinggi,  
Anak sawa berbelang-belang,  
Tuah sungguh dusunku ini,  
Anak raja terulang-ulang.*

*Hambatan burung hambatan,  
Makan buah padi di Tanjung,  
Sanda diambikan sambatan, <sup>[299]</sup>  
Buah hati dikendong-kendong.”*

Maka Raja Tahir Johan Syah pun tertawa mendengar Parang Puting bersandar nyanyi itu, maka titah baginda:

*“Mana ayam diri sabung dahulu itu bolehkah disabung lagi?”*

Maka sembah Kores Peri:

*“Tiada boleh Tuanku dapat disabung lagi kerana matanya sudah buta, Tuanku!”*

Maka Raja Tahir Johan Syah pun suka tertawa, katanya:

*“Baik sangat pukulnya hayam diri itu sabungnya sudah buta.”*

Baginda berkata-kata itu matanya tidaklah lepas lagi daripada

memandang lawang meleng itu. Dilihatnya banyak siti dayang Tuan Puteri Kemala Cahaya itu, ada yang bergutu-gutuan <sup>[300]</sup> empat-lima orang ia mencari-carian kutu. Maka katanya Indera Dewa:

*“Bencinya aku melihat Raja Tahir Johan Syah itu. Tiada lain yang dipandangnya, ke mari juga matanya dengan tertawa-tawa. Siapa gerangan yang dikehendaknya itu? Lain pandangan orang yang menaruh isi hati.*

*Banyak lagi yang aku lihat raja-raja yang salah hatinya ke dalam istana ini. Sampailah Tuanku sudah jadi rampasan orang sudah menjadi hamba sahaya orang datangkan Nadim Bentara pun menaruh isi hati ke mari. Adalah bagai kata orang tuha-tuha: Perut buncit hendak berpending, kakinya untut dibubuh genta, bagai si cebil <sup>[301]</sup> hendak mencapai bulan!”*

Maka Tun Siti Bama pun tersenyum:

*“Sudahlah adatnya orang yang bujang. Banyak lagi kain yang buruk banyak tuma, rumah yang tinggal banyak hantu. Seperti Raja Nobat Lela Indera itu. Zahirlah sudah kelakuannya sebagai kulihat Mahkota Pancawarna itu datang minta sirih pada dayang-dayang Bangkahulu. Entahpun tuannya entahpun hambanya tidaklah boleh dikatakan lagi kerana ia sama sebangsa, patut dan padan bagai di pangsa!”*

Lalu tertawa semuanya. Maka kata Permaisuri Kemala Naga:

*“Apakah dayang-dayang dapat itu maka suka tertawa? Adakah sudah kita sampai ke negeri kita?”*

Maka semua siti dayang-dayang semuanya diam dengan takutnya.

Sebermula akan Raja Babi pun bangun lalu berangkat turun ke balairong semayam di atas singgahsana, maka titah Raja Babi:

*“Patik pun hendak mengadap Tuanku juga. Hendak bermohon Ke*

*Bawah Duli sanda hendak berjalan membawa untung nasibnya babi. Tuanku jangan lalai akan negeri ini kerana seteru kita banyak, Tuanku!”*

Maka baginda pun terkejut. Katanya:

*“Janganlah tuan pergi lagi! Duduklah tuan sama ayahanda. Sangatlah hati suka ayahanda memandang tuan.”*

Maka sembah Raja Babi:

*“Apatah daya patik lagi kerana belum sampai kepada masanya patik akan duduk di negeri mencemar akan medan segala raja-raja Tuanku.”*

Maka titah Baginda sambil menangis:

*“Adinda tuan bawakah bersama-sama?”*

Maka sembah Raja Babi:

*“Jika boleh dengan bolehnya, patik pohonkanlah bersama-sama dengan patik, Tuanku!”*

Maka titah Baginda:

*“Baiklah tuan bawa bersama!”*

Maka sembah Nobat Lela Indera:

*“Patik pun hendak pergi juga bersama-sama, Tuanku!”*

Maka kata Raja Babi:

*“Jangan abang pergi dengan beta.”*

Maka baginda pun menangis lalu memeluk mencium anakanda baginda seraya bermohon kepada Raja Babi lalu kembali dengan airmatanya. Setelah sudah raja kembali maka kata Si Parang Puting:

*“Hai, Negeri Emas Kerajang! Kembalilah engkau kepada tempatmu dengan berkat abangku Puteri di Pucuk Puding Emas yang sidi <sup>[302]</sup> sakti! Tiada berbagai lagi lenyap desa dengan isinya, hilanglah kota dengan perutnya kembali seperti awalnya pulang bagai dahulu kala!”*

Maka dengan seketika itu juga Kota Emas Kerajang itupun lenyaplah.

Maka Raja Babi pun berjalanlah dengan Si Parang Puting masuk hutan seraya mengharung di dalam belukar dan melesap di dalam padang semak-semak itu. Babi berjalan seorang dirinya.

Hatta berapa lamanya Raja Babi berjalan itu maka sampailah Raja Babi kepada sebuah negeri bernama Tebing Bunga.

Adapun akan Raja itu berputera tujuh orang, perempuan ketujuhnya. Ditaruhkan baginda kepada sama tengah negerinya di atas mahligai tujuh pangkat lengkap dengan inang pengasuhnya dan balai tamannya akan tempat Tuan Puteri Ketujuh bermain. Masing-masing dengan balai gadingnya dan tujuh buah kolam bertembokkan batu pelinggam<sup>[303]</sup>. Maka diturapkannya dengan pasak ragam.

Syahdan akan pasirnya daripada emas urai, rumputnya daripada kumkuma. Maka ditanaminya dengan bunga-bunga yang indah-indah pelbagai rupanya dengan harum baunya masing-masing dengan jambangannya di tepi kolam itu. Syahdan airnya air mawar. Maka dipagarnya tujuh lapis pagar jala-jala daripada emas dan perak dan suasa, terlalu indah rupanya.

Maka sehari Tuan Puteri Ketujuh Bersaudara itu turun bermain ke dalam Taman Penglipur Cita Berahi itu, duduk kepada balai gading bersenda-senda lagi bersandiwara. Maka dipatam<sup>[304]</sup> dengan emas dengan permata yang amat mulia, syahdan dibubuhnya kepada kemuncaknya balai itu naga berjuang. Terlalu permai indah-indah rupanya. Sekeliannya daripada emas sepuluh mutu.

Sebermula akan Raja Babi berjalan itu mencari mangsa buah-buahan maka sampailah kepada sebuah dusun orang bertanam tebu dan pisang ubi keladi. Terlalu banyak kebun segala rakyat Tanjung Bunga itu. Maka Raja Babi pun masuk ke dalam dusun itu, dilihatnya segala buah-

buahannya terlalu banyak dan buah mempelam pun sedang masak bermerah di pohonnya. Maka Raja Babi pun melompat, ditempuhnya pohon mempelam itupun rebah. Maka buahnya dimakannya.

Setelah sudah ia makan mempelam itu lalu ia melompat masuk kebun tebu dan pisang. Ditempuhnya, habislah rebah-rebah. Maka segala orang yang berkebun itupun gemparlah datang membawa lembing dan pedang. Maka dikepungnyalah Raja Babi itu, terlalu ramai dengan tempik soraknya datang menikam Raja Babi. Dari jauh-jauh melontarkan lembingnya. Ada yang dari jauh memanahkan panahnya. Ada yang melontarkan cakranya. Tiadalah diendah akan oleh Raja Babi. Ditempuhnya juga segala kebun orang itu.

Habislah ubi keladi orang itu dicabutnya. Maka terlalu sangat marahnya segala yang empunya kebun itu. Maka bersangka-sangka ditikamnya. Hendak pun segala mereka dekat kerana ia takut dan ngeri melihat taringnya panjang terjulur seperti jantung pisang, berkilat-kilat seperti cermin kaca kuning. Maka Raja Babi pun melompat diusirnya segala orang itu, ditempuhnya maka sekalian mereka itu yang kena taringnya itu habislah belah-belah perut dan luka kaki tangannya dan dadanya.

Maka banyaklah orang yang mati dan luka. Maka segala mereka itupun larilah masuk ke dalam kota berlumba-lumnaan. Maka pintu kota pun ditutupnya. Gemparlah segala mereka itu mengatakan:

*“Babi terlalu gagah perkasa lagi dengan kebalnya tidaklah dimakan senjata, banyaklah tombak lembing kita patah-patah dan banyaklah orang mati dibunuhnya. Syahdan segala dusun dan kebun kami habislah binasa disungkur-sungkurnya dan dilanyaknya dan digulingnya!”*

Maka segala orang di dalam kota suka tertawa-tawa gelak-gelak, katanya:

*“Takutkan babi tunggal seekor itu seperti orang dihambatnya*



*musuh tujuh buah negeri sekali kelakuannya!”*

Di dalam ia berkata-kata itu maka Raja Babi pun datanglah lalu ditempuhnya pintu gerbang itupun robohlah menempuh orang banyak mati luka, patah kaki tangannya dan luka muka hidungnya. Ada yang pecah kepalanya. Maka sekalian pun larilah masing-masing membawa dirinya.

Maka berdirilah Raja Babi di muka pintu gerbang, katanya:

*“Berilah tahu rajamu, katakan aku Raja Babi datang hendak bermain-main ke negeri Tanjung Bunga ini!”*

Maka segala mereka itupun makin sangat takutnya melihat sikap Raja Babi itu terdiri seperti gajah meta <sup>[305]</sup> lakunya bermain-mainkan ekornya terkutik-kutik di kirinya. Syahdan mulutnya pun termuncung-muncung dan matanya pun terkenyit-kenyit dan berbeliak-beliak.

Maka segala yang melihat itupun jauhlah larinya teraba-raba masuk ke dalam kampung menteri hulubalang. Ada yang ke balairong.

Kepada masa ketika itu akan Raja Besar sedang semayam dihadap segala menteri yang kaya-kaya dengan segala Orang Besar-Besar ada menghadap Baginda. Maka gempar itupun kedengaranlah ke dalam. Akan bunyi pintu gerbang roboh itupun lantasi bahananya seperti bumi akan bergeraklah rasanya. Maka Baginda pun terkejut dengan segala yang menghadap itupun semuanya berdebar-debar rasanya, lalu menoleh ke kanan dan ke kiri sambil berkata:

*“Bahana apa pulak itu?!”*

Maka orang pun banyaklah datang larinya sambil berteriak-teriak akan laginya. Maka segala menteri hulubalang pun menghunus samasnya. Ada yang menghunus kerisnya sambil berkata:

*“Orang mengamuk gerangan itu!”*

Ada yang berkata:

*“Musuh rupanya datang ke mari!”*

Maka banyaklah turun dari balai itu memegang senjata. Maka

titah Raja Besar:

*“Apakah sebab gempar tidak berketahuan?! Musuh yang manakah datang ke mari maka rakyat tersangat takutnya?! Rakyat si kutuk mengada-ngada!”*

Bermula akan Raja Babi mengusir segala orang yang lari itu, ditikamnya dengan taringnya dan dicakarnya dengan kukunya. Maka banyaklah mereka itu mati dan luka. Syahdan seorang pun tidak berani melawan Raja Babi itu. Segala yang bertahan habis mati dibunuhnya. Sampailah Raja Babi ke dalam negeri, maka segala isi negeri Tanjung Bunga pun gemparlah daripada laki-laki dan perempuan, kecil-besar, hina-dina semuanya pun takut terketar-ketar tubuhnya. Maka Menteri Raja dengan segala orang yang kaya semuanya pun berlari-lari kembali ke kampungnya.

Maka Raja Besar pun tiadalah terkata-kata lagi melihat laku segala menterinya. Maka Raja Babi pun berjalanlah masuk sambil ditempuhnya segala kedai dan rumah orang yang di pasar itu. Habislah roboh-roboh. Maka dipersembahkan oleh penunggu pintu kepada Raja Besar, sembahnya:

*“Tuanku! Ada seekor babi tunggal datang membinasakan negeri Yang Maha Mulia dan rakyat Yang Dipertuan pun banyaklah matinya dari luar kota sampai ke pasar dan pintu gerbang pun sudah roboh ditempuhnya masuk tadi, Tuanku! Akan katanya, beritahu rajamu aku Raja Babi hendak bermain-main ke Tanjung Bunga!”*

Maka Baginda pun bertambah-tambah ngeri dan gentar lalu titah:

*“Siapa kamu yang dapat membunuh babi itu, sekerat negeri ku berikan dia!”*

Maka segala menteri dan hulubalang pun semuanya suka mendengar titah baginda itu, maka sekeliannya pun berkampunglah dengan senjatanya. Maka dibedilnya oleh segala menteri hulubalang itu

beberapa ratus kali pasang. Bunyinya seperti nagara bunyinya. Maka segala yang memegang anak panahkan panahnya beribu-ribu anak panah itu sekali datang menuju Raja Babi. Suatupun tiada mengenai tubuhnya. Maka iapun berjalan juga hendak masuk ke balairong.

Maka gajah perang pun dibawa oranglah, lalu disuruh lepaskan oleh Perdana Menteri. Maka gajah yang empat puluh itupun dilepaskan oranglah. Setelah Raja Babi melihat gajah perang itu sudah lepas maka iapun segera datang ke hadapan gajah itu berdiri berkaki dua, katanya:

*“Penakutnya orang Tanjung Bunga ini! Hendak menumpang berani gajah pula. Diberi endah apa kepada kami! Gajah si kutuk hidung panjang patutlah dipulaskan!”*

Maka lalu dipegangnya belalai gajah itu seekor sebelah kiri, dua ekor sebelah kanan, lalu dipelagakannya kepala gajah tiga ekor itu sambil berkata:

*“Tiada engkau mengenal aku Raja Babi!”*

Maka gajah yang tiga ekor itupun menderam <sup>[306]</sup> lalu ia menghempaskan dirinya berguling-guling di tanah. Maka segala gajah yang banyak itupun semuanya menderum <sup>[307]</sup> ke bumi mengangkat belalainya ke atas seperti laku orang menyembah.

Maka Raja Babi pun lalu ke balairong. Seorang pun tiada berani di hadapannya bertahan Raja Babi itu. Setelah ia sampai lalu ia melompat naik ke atas balai berdiri dekat Raja Besar. Maka Raja Besar pun terlalu sangat takutnya. Gementarlah segala anggotanya. Maka Baginda pun merangkak turun dari atas singgahsananya. Maka kata Raja Babi:

*“Hendak lari ke mana pula Raja ini?! Janganlah turun dari singgahsana!”*

Maka Raja Besar pun menyembah, katanya:

*“Apakah kehendak tuan ke mari ini?”*

Maka kata Raja Babi:

*“Janganlah Raja Besar menyembah kita. Sebabpun kita masuk ke negeri kerana orang dusun itu lari ke mari. Akan sekarang ini jika Raja mau, baik kita lawan dengan baik. Janganlah raja takut dan ngeri akan kita.”*

Maka baharulah suka hati Raja Besar, lalu Baginda berkata:

*“Duduklah, tuan! Ayahanda hendak jamukan santap!”*

Maka Raja Babi pun duduklah di atas peterana. Setelah itu, maka Raja Besar pun memanggil segala menteri yang banyak itu naik ke balai semuanya duduk ke tempatnya. Maka Raja Besar pun berkata kepada bentaranya:

*“Pergilah ambil nasi, bubuh di badang <sup>[308]</sup> besar bawa ke mari!”*

Maka Bentara pun segera masuk minta nasi sebadang besar bubuh dengan gulai rendang tumisnya sekali kerana Baginda hendak berjamu babi makan. Maka dibubuh oranglah. Setelah sudah, maka disuruh usung empat orang yang membawa badang berisi nasi gulai itu. Setelah sampai lalu diletakkannya di hadapan Raja Babi. Maka titah Raja Besar:

*“Makanlah diri nasi kami itu! Terlalu baik rasanya.”*

Maka Raja Babi pun melompat, lalu ia masuk ke dalam badang itu. Maka nasi gulai itupun habislah dicakarnya dan dikaisnya. Bertaburan habislah kena kepala segala yang duduk itu. Penuhlah muka hidungnya dengan nasi gulai itu. Maka kata Raja Babi:

*“Aku katakan Raja Besar namanya, tiada kita tahu akan Raja Badang namanya!”*

Lalu ia melompat turun berlari-lari. Ditempuhnya tiang mahligai Tuan-tuan Puteri Ketujuh itupun bergoncang seperti akan tercabut. Maka mahligai itupun tersenget. Maka Tuan Puteri Ketujuh dengan segala dayang-dayang pun mengeriap <sup>[309]</sup> lalu lari turun dari atas mahligainya

lalu masuk ke dalam taman.

Tatkala Tuan Puteri turun itu dilihat Raja Babi banyak orang lari dari mahligai itu masuk ke taman semuanya. Maka Raja Babi pun segeralah melompat dari sebelah taman itu lalu masuk bersembunyi di bawah pohon bunga pekan <sup>[310]</sup> di balik jambangan lazuardi. Maka Tuan Puteri keenam pun menampar-nampar dadanya seraya berjalan, katanya:

*“Baiknya kita belum bermara <sup>[311]</sup>. Jika tumbang mahligai kita tadi matilah kita sekelian ini ditempuh babi si kutuk! Babi si laknat si mulut muncung ekor pendek itu datang pula ia mencelaka ke mari merosakkan kita sekelian ini. Banyaklah rakyat mati dibunuhnya.”*

Maka segala dayang pun ramailah menyumpah Raja Babi itu. Masing-masing dengan katanya. Maka Tuan Puteri Bongsu pun tersenyum, katanya:

*“Babi itu tadi ayahanda memberi makan di badang besar. Itulah maka ia marah. Kami lihat dicakarnya nasi sebadang. Habislah bertaburan ke atas kepala segala menteri dan hulubalang, lalu ia turun ditempuhnya mahligai kita.”*

Maka sahut Puteri Enam:

*“Itulah kata kami, babi cilaka mati dibunuh!”*

*Sambil Tuan Puteri memetik bunga pekan itu dipersuntingnya.*

Maka Raja Babi pun berbunyi. Berdengung-dengung bahana suaranya. Maka lalu digoncangnya pohon bunga pekan itu seperti ditiup ribut yang maha keras. Tuan Puteri Ketujuh pun terkejut lalu lari bersungguh-sungguh. Rebah bangun pula, berlumba-lumba dengan segala dayang-dayang lalu naik ke Balai Gading. Maka Tuan Puteri Ketujuh pun rebah terlantar di Balai Gading tiadalah khabar akan dirinya.

Syahdan akan Raja Babi pun melompat keluar taman lalu ia keluar kota duduk kepada suatu tempat yang sunyi. Maka segala dayang-dayang Tuan Puteri pergilah menghadap Raja Besar persembahkan Tuan

Puteri Ketujuh pengsan tidaklah khabarkan dirinya.

Maka Baginda pun segera masuk ke taman, dilihatnya akan anakanda baginda terlantar di Balai Gading. Maka Raja Perempuan pun datang dengan tangisnya lalu dibawa Baginda kembali ke istananya. Maka titah Raja Besar:

*“Ke mana perginya babi itu?”*

Maka sembah Perdana Menteri:

*“Sudah lari keluar kota, Tuanku!”*

Maka Baginda pun suka sedikit lalu menitahkan orang memanggil segala tabib yang pandai ubat. Maka semuanya pun datanglah berkampung. Maka titah Raja Besar:

*“Ubatilah Puteri kita! Ketujuhnya ini pengsan terlantar tidak khabar akan dirinya.”*

Maka sembah segala orang yang pandai ubat itu:

*“Daulat Tuanku!”*

Maka lalu diberinya ubat. Pelbagai rupa ubatnya. Maka tiga hari tiga malam tiada juga Tuan Puteri itu ingatkan dirinya. Maka Baginda laki isterinya pun menangis tiada berhenti lagi melihat anakanda baginda terlantar ketujuhnya seperti mayat rupanya. Maka gemuruhlah bunyi tangis segala inang pengasuh terlalu ramainya. Maka titah Raja Besar:

*“Pergi sambut Nujum Ketujuh Bersaudara ke mari!”*

Maka Bentara pun menyembah lalu turun berjalan ke luar kota menuju tempat Nujum Ketujuh. Setelah sampai ke tengah jalan maka bertemulah dengan Raja Babi duduk di bawah kayu besar. Maka kata Raja Babi:

*“Hendak ke mana Bentara pergi gopoh-gopoh ini?”*

Maka Bentara pun terkejut melihat Raja Babi itu. Maka mukanya pun pucat lalu ia menyembah, katanya:

*“Patik dititahkan Baginda memanggil Nujum Ketujuh kerana Tuan Puteri Ketujuh Bersaudara itu sakit sangat tiadalah khabarkan*

dirinya.”

Maka kata Raja Babi:

“Pergilah *bangat-bangat* <sup>[312]</sup>! *Jangan berjalan perlahan-lahan kerana raja kesakitan.*”

Maka Bentara itupun segera menyembah lalu ia berlari dengan takutnya akan Raja Babi itu.

Berapa antaranya sampailah ia ke tempat Nujum Ketujuh. Dari jauh-jauh Bentara itu berseru-seru, katanya:

“*Dato’ Nujum disembah Baginda segera-segera! Marilah kita pergi! Jangan berjalan dari sini kerana Raja Babi itu ada berdiri di bawah kayu besar!*”

Maka Nujum Ketujuh pun tertawa, katanya:

“*Dari mana baik jalan kita?*”

Maka kata Bentara itu:

“*Ikutlah sanda ini!*”

Lalu ia berjalan masuk hutan besar Merapi Duri. Maka kata Nujum Ketujuh:

“*Gila sungguh Bentara ini! Bukan jalan benar kita dibawanya! Habislah kakiku kena duri dan kain bajuku habislah carik-carik belah dua! Silap gila gerangan Bentara ini!*”

Maka kata Bentara:

“*Gila mabuk apa pulak kita?! Bukanlah sudah kami katakan tadi, babi tunggal itu ada terdiri di jalan besar hendak membunuh orang! Mari juga ikut sanda! Seketika lagi sampailah kita ke negeri.*”

Maka berjalanlah Nujum Ketujuh itu di dalam hutan rimba belantara.

Hatta seketika lagi maka bertemulah dengan Raja Babi terdiri di hadapan Nujum Ketujuh! Maka Bentara pun segera lari menyusup diri. Maka Nujum Ketujuh pun sujud menyembah kaki Raja Babi, sembahnya:

*“Daulat Tuanku! Apa kerja Duli Tuanku di hutan ini?”*

Maka titah Raja Babi:

*“Aku mencari tanah yang baik tempat berhenti.”*

Maka sembah Nujum Ketujuh:

*“Inilah Tuanku baik tempat duduk. Barang dicita diperoleh, barang Tuanku kehendakku menjadi, dengan berkat tuah tanah ini, Tuanku!”*

Maka Raja Babi pun suka hatinya lalu berkata:

*“Pergilah Nujum dipanggil Raja Besar! Putera baginda sakit. Jangan Nujum ubati.”*

Maka Nujum pun tertawa-tawa, sembahnya:

*“Baiklah, Tuanku! Patik pun sudah tahu daripada mulanya. Silakan Tuanku, Duli Tuanku ke hujung negeri dahulu, Tuanku!”*

Maka Raja Babi pun berjalanlah sama-sama Nujum Ketujuh itu. Setelah sampai ke hujung negeri, maka Nujum Ketujuh pun berjalanlah masuk ke dalam kota. Setelah sampai ke pasar maka bertemulah dengan Bentara lalu sama berjalan masuk ke dalam. Setelah datang menghadap Raja Besar maka titah baginda:

*“Segeralah Nujum lihatkan sakitnya putera kita!”*

Maka Nujum Ketujuh pun menyembah lalu membuka nujumnya. Setelah itu lalu ia sujud, sembahnya:

*“Yang di dalam nujum hambamu ini, tidaklah akan dapat diubahi oleh segala nujum dan biksu Brahman sekelian, jika bukannya bangsa raja yang berasal Tuanku!”*

Maka titah Baginda:

*“Siapa orang yang di dalam nujum diri itu?”*

Maka sembah Nujum Ketujuh:

*“Patik mohonkan ampun beribu-ribu ampun Ke Bawah Duli Tuanku. Ada seekor Raja Babi, dialah yang dapat mengubati Paduka Anakanda ini.”*



Maka titah baginda:

*“Babi baik, anjing pun baik! Pergilah segera panggil ke mari!”*

Maka Bentara pun berlari-lari ke luar kota, maka dicarinya babi tiada bertemu. Lalu ia masuk hutan dengan segala orangnya mencari babi, maka bertemulah dengan babi kawan terlalu banyak. Maka Bentara Raja pun berseru-seru, katanya:

*“Hai Raja Babi-babi, engkau dipanggil oleh Baginda!”*

Maka babi itupun larilah. Maka dihusirnya juga oleh Bentara itu terlalu lahunya <sup>[313]</sup> dengan segala orang banyak, lalu masuk hutan besar. Maka hari pun malam.

Kata Bentara itu:

*“Nujum si kutuk Nujum cilaka menyuruh kita memanggil babi! Di mana akan babi mau kita panggil? Makin diseru makin jauh, makin didapatkan makin bertambah lari pula dia babi si kutuk haram zadah itu! Marilah kita kembali! Biarlah Nujum cilaka itu pergi memanggil babi itu kerana ia yang punya pandai!”*

Bentara berkata itu dengan lahunya menghambat babi tiada dapat. Maka lalu ia kembali menghadap Baginda. Sembahnya:

*“Daulat Tuanku! Tidaklah patik bercekap memanggil babi itu, Tuanku! Makin diseru makin ia lari, patik ikut makin jauh perginya, Tuanku!”*

Maka Baginda pun murka. Katanya:

*“Bentara apa yang demikian ini?! Jangankan memanggil orang, sedang memanggil babi lagi tidak datang dipanggilnya! Hai, Nujum! Pergilah diri sambut akan kami Raja Babi itu bersama-sama dengan Bentara ini.”*

Maka Nujum Ketujuh pun menyembah lalu turun berjalan ke luar kota lalu ke hujung negeri. Maka bertemulah dengan Raja Babi. Maka Nujum pun duduk menyembah, sembahnya:

*“Silakan Tuanku masuk disambut Raja Besar! Biarlah patik iringkan.”*

Maka Raja Babi pun berjalanlah masuk. Maka di dalam hati Bentara:

*“Lihatlah laku, Nujum si kutuk kepalanya! Mari pulak babi cilaka ini dipanggilnya masuk ke dalam negeri!”*

Sebermula maka sampailah Raja Babi ke dalam kota. Maka segala isi negeri pun semuanya takut melihat Raja Babi dibawa Nujum Ketujuh masuk ke dalam kota. Setelah sampai lalu ia duduk beratur. Maka Raja Besar pun terkejut melihat babi itu juga yang dibawa Nujum Ketujuh itu. Maka baginda pun tiadalah terkata-kata lagi. Maka segala menteri yang sangat takutnya semuanya kembali ke rumahnya sambil berkata:

*“Datanglah bala yang maha besar dibawa Nujum si laknat ini!”*

Sebermula akan Raja Babi pun berkata:

*“Apalah kehendak Raja Badang memanggil kita ini?”*

Raja Besar pun menyembah dengan takutnya seraya berkata:

*“Jika dengan mudahnya, patik hendak mintak ubat anak patik tujuh orang ini. Ketujuhnya terlantar lupakan dirinya ada sepuluh hari sudah lamanya.”*

Maka kata Raja Babi:

*“Jika ada baik sekarang, berikan kami seorang. Maka maulah kami memberi ubatnya.”*

Maka Baginda pun tiadalah terkira-kira lagi daripada musykil hatinya itu:

*“Daripada mati baiklah hidup.”*

Maka titah Baginda:

*“Yang mana kehendak Tuanku itu tidaklah patik salah lagi lamun sungguhpun juga sembuh ketujuhnya Tuanku!”*

Maka sembah Nujum Ketujuh:

*“Benarlah titah Tuanku itu! Masakan yang tiada sembuh maka hendakkan upahnya. Syahdan suruhlah ambil air mawar tujuh sangku bawa ke mari, Tuanku!”*

Maka Baginda pun memandang Bentara Raja pun tahulah akan hasratnya, lalu ia segera masuk mintak air mawar tujuh sangku emas bertatahkan permata yang indah-indah rupanya. Maka diberi oranglah dengan segeranya, lalu dibawa Bentara keluar. Maka disambut Nujum Ketujuh lalu dipangkunya di hadapan Raja Babi.

Maka kata Nujum Ketujuh:

*“Hai segala kamu Bentara Baginda! Berkampunglah kamu semuanya ke mari berdiri kanan dan kiri air ini. Syahdan suruhlah palu segala bunyi-bunyian gendang tabal dan nobat salih <sup>[314]</sup>!”*

Maka Raja Besar pun menitahkan orang memalu bunyi-bunyian dan Bentara Raja berbarislah empat puluh sebelah dan bunyi-bunyian dipalu oranglah, terlalu gemuruh.

Maka berkampunglah segala menteri hulubalang, adi johan, pahlawan rakyat. Sekeliannya datang penuh sesak di balairong sampai ke medan luar balai. Samasyar tersandang empat puluh. Dia pun dipangku oleh segala anak menteri yang besar-besar. Semuanya sudah dipasang oleh Nujum Ketujuh.

Maka Raja Besar pun bertitah:

*“Apalah lagi kehendakmu, hai Nujum?”*

Maka sembah Nujum:

*“Tuanku sendiri ke mari mengamburkan bunga rampai emas itu kepada Baginda Raja Babi ini.”*

Maka Raja Besar pun segeralah berdiri datang mengamburkan bunga rampai emas kepada Raja Babi itu. Tujuh kali ditaburkan Baginda. Maka Raja Babi pun melompat bertengger di atas sangku tujuh yang diriba oleh Nujum Ketujuh itu. Maka ekornya pun direndamkan ke dalam

air mawar itu. Syahdan tujuh kali Raja Babi melompat daripada satu sangku kepada satu sangku itu, direndamkannya hujung ekornya maka diketuk-ketukkannya ke dalam sangku itu. Maka air mawar yang di dalam sangku itupun mendidih berbunyi seperti bangsi meragam bahananya lantaslah ke dalam istana raja Besar. Maka riuhlah orang yang datang melihat kelakuan Raja Babi berbuat air ubat Tuan Puteri itu.

Maka kata Nujum Ketujuh itu:

*“Menamburlah <sup>[315]</sup> Tuanku Raja Junjungan Mahkota Bayu Dewa Kayangan, tidak disangka diangan-angan, Tuanku nagara masuk bilangan, mengidap tambur Raja Mahkota, sekalian bayu dilemba <sup>[316]</sup> takhta, tidak berani berkata-kata, akan encik hitam emas juita, siang malam duduk bercita.”*

Maka Raja Babi pun undurlah duduk di atas peterana tempat Raja Mangkubumi, katanya:

*“Mandikanlah air itu!”*

Maka Raja Besar pun masuk sendiri dengan segala Bentara Baginda membawa air itu lalu dimandikan kepada Tuan Puteri Ketujuh itu satu seorang sangku air mawar itu. Setelah sudah maka Tuan Puteri pun ingatlah akan dirinya. Ketujuhnya pun menyembah ayahanda bonda baginda, maka dipeluk dicium ditangisinya sambil berkata:

*“Ayahanda berjanji dengan Raja Babi memberikan tuan salah seorang akannya.”*

Maka Tuan Puteri pun lalu bermohon kembali ke mahligai dengan segala dayang-dayangnya. Maka Raja Besar pun keluarlah semayam di balairong. Maka Nujum Ketujuh pun diberi Baginda nugrah <sup>[317]</sup> dengan sepertinya. Maka ketujuhnya pun bermohon kembali ke tempatnya. Setelah itu maka kata Raja Babi:

*“Apatah kata Raja Badang kerana kita hendak kembali juga hari ini?”*

Maka Baginda pun tiadalah terkira-kira lagi, katanya:

*“Barangnya pun tuan dengarlah sendiri katanya sekarang. Barangsiapa yang suka bersama-sama dengan tuan itulah yang ayahanda berikan tuan.”*

Maka kata Raja Babi:

*“Pergilah tanya bangat-bangat!”*

Maka titah Baginda:

*“Marilah tuan, kita ke Balai Gading!”*

Maka Raja Babi pun turun lalu masuk ke dalam taman duduk di Balai Gading. Maka Raja Besar pun berseru-seru, katanya:

*“Ayuhai putera nyawa ayah! Maukah tuan bersuamikan Raja Babi itu?”*

Maka sahut Puteri yang tua:

*“Mohonlah patik Tuanku berlakikan babi binatang haram itu, biarlah patik bersuamikan gembala anjing, ayahanda!”*

Maka berseru pula baginda, katanya:

*“Iyakah Ambung, nyawa ayahanda! Maukah tuan bersuamikan Raja Babi?”*

Maka sahut Puteri Ambung:

*“Mohonlah patik Tuanku, biarlah patik bersuamikan gembala gajah, ayahanda!”*

Maka berseru-seru pulak Baginda, katanya:

*“Iyakah tuan nyawa ayahanda, seri negeri Tanjung Bunga! Siapakah yang kasih sayang belas dan kasihan akan ayahanda tuan marilah dipinta Raja Babi ini.”*

Maka Puteri yang tengah berkata:

*“Mohonlah patik Tuanku, biarlah ayah berikan patik kepada gembala kuda, ayahanda.”*

Maka kata Puteri yang muda, ketiganya sama berkata-kata:

*“Mohonlah patik Tuanku diberikan babi mulut muncung, ekornya*

*pendek, perut besar, lutut pendek, kaki kecil. Baik berlaki baik tidak biarlah bujang sebuangnya hayat jangan memandang mata laki-laki sukalah patik Tuanku nan sekali-kali.”*

Maka Baginda pun berkata kepada Raja Babi:

*“Tuan dengar sendirilah katanya beta. Saudara-bersaudara semuanya sudah berkata tiada suka bersuamikan tuan. Apatah daya patik lagi Tuanku.”*

Maka Raja Babi pun melompat daripada suatu Balai Gading kepada suatu Balai Gading lalu ditempuhnya habislah roboh-roboh seraya ia berkata:

*“Besarnya akal Raja Badang ini kepadaku! Ditunjukkannya akalnya, binasalah negeri Tanjung Bunga ini olehku!”*

Maka Balai Gading ketujuh buah itupun habislah robohroboh berhamba lengan. Tiangnya ke atas kemuncaknya ke bawah.

Maka kata Raja Besar:

*“Ya anakku Tuan Puteri Bongsu, nyawa ayahanda dan tuanlah buah hati ayahanda dan tuanlah seri negeri ayahanda, tuanlah cahaya durjah ayahanda! Maukah anakku menolong ayahanda bersuamikan Raja Babi ini kerana ia sudah sangat marah?”*

Maka sembah Puteri:

*“Yang mana titah patik junjung. Lamun juga Tuanku selamat sempurna di atas takhta kerajaan biarlah patik jadi tolak bahaya ayahanda. Apalah gunanya Bongsu seorang ini Tuanku peliharakan kerana putera ayahanda pun banyak lagi ada.”*

Maka lalu diambilnya kain bajunya dan segala pakaiannya maka dibungkus. Setelah sudah lalu ia turun dari atas mahligai itu seraya berkata:

*“Tinggallah abang puteri keenam baik-baik memelihara Paduka Ayahanda Bonda. Patik bermohon kepada kekanda keenam. Sudahlah nasib Bongsu seorang, mati segenap rimba raya, hilang*

*segenap padang belukar.”*

Maka kata Puteri Enam:

*“Sahaja diri hendak berlakikan babi itu! Kami yang tidak mau akan babi itu adakah kami pergi? Jangankan setara ia merobohkan Balai Gading tujuh buah itu, jika ia merobohkan Balairong Pengadapan ayahanda sekalipun apalah endah kepada kami!”*

Maka diludahinya Puteri Bongsu turun itu, dan segala dayang-dayang pun tiadalah diberinya mengikut Puteri Bongsu itu, katanya:

*“Janganlah engkau sekalian pergi bersama dengan sebangsa orang cilaka memberi malu Ayahanda! Bongsulah memberi sopan Bonda!”*

Maka segala dayang-dayang pun takutlah ia turun itu. Kurang takutnya akan murka Puteri Keenam itu, lebih pulak takutnya akan Raja Babi itu.

Maka Tuan Puteri Bongsu pun berjalanlah mendapatkan Raja Besar lalu menyembah kaki ayahanda baginda. Dipeluk cium baginda, ditangisi, katanya:

*“Pergilah buah hati ayahanda. Moga-moga selamat sempurna juga tuan. Apatah daya ayahanda lagi.”*

Maka Tuan Puteri pun berjalanlah mendapatkan Raja Babi. Setelah Raja Babi melihat Tuan Puteri datang membawa suatu bungkusan maka Raja Babi pun berjalanlah ia ke luar kota. Perlahan lakunya itu akan berjalan akan tiada menoleh-noleh. Kepada Tuan Puteri juga katanya:

*“Bangat Tuan Puteri berjalan! Jangan lambat sangat!”*

Maka sahut Tuan Puteri:

*“Kami tiada dibiasa berjalan jauh.”*

Maka segala isi negeri pun menangis melihat Tuan Puteri sudah dibawa Raja Babi lalu keluar kota.

Sepanjang jalan itu, Tuan Puteri menangis. Setelah sampai ke

dalam hutan maka Tuan Puteri pun tiadalah terjalan lagi, lalu ia rebah terduduk dan bungkusnya pun jatuh terpelanting jauh perginya. Maka Raja Babi pun berbelok mendapatkan Tuan Puteri, katanya:

*“Tinggallah tuan seketika. Jangan takut dan ngeri. Tiada akan mengapa dengan berkat Si Parang Puting. Hai kekasihku, marilah diri!”*

Maka dengan seketika itu juga Si Parang Puting pun datanglah, berdengung-dengung seperti kumbang melangsi bahananya. Maka Tuan Puteri pun ngeri rasanya. Maka Parang Puting pun datanglah. Dilihat oleh Tuan Puteri sebilah parang puting datang berpusing-pusing seperti gasing yang ligat rupanya terdiri dekat Raja Babi. Maka katanya:

*“Apa kerjaan Tuanku memanggil patik ini?”*

Maka kata Raja Babi:

*“Sebabpun sanda menyambut kekasihku kerana kepada hutan inilah kita hendak buat negeri akan kata Nujum Ketujuh.”*

Maka Si Parang Puting pun tertawa, katanya:

*“Baiklah, Tuanku!”*

Maka iapun memanjangkan dirinya lalu diparangnya segala kayu-kayuan yang besar dan kecil habislah diparangnya. Maka segala kayu itupun rebahlah bertempuh-tempuh dan bertindih-tindih. Bahananya seperti tagar yang tiada putusan lagi. Si Parang Puting menebas hutan itu seperti kilat pantasnya memarang ke kanan rebah ke kiri, memarang ke belakang rebah ke hadapan. Dengan seketika itu juga maka hutan itupun menjadi padang terlalu permai indah-indah rupanya.

Maka datanglah Si Parang Puting ke hadapan Raja Babi, katanya:

*“Tuanku! Patik keluarkankah Paduka Adinda dengan segala isteri raja jin sekelian itu?”*

Maka kata Raja Babi:

*“Yang mana baik kepada kekasihku kita turut.”*

Maka Si Parang Puting suka tertawa, lalu ia berjalan sambil berkata:



*“Yang-yangku dewata, jika sangka aku anak dewa bangsa raja yang sakti-sakti, dengan berkat abangku Tuan Puteri di Pucuk Puding Emas, kembalilah desa Kota Emas Kerajang dengan segala isinya jangan lagi berubah!”*

Maka ditepuknya tanah itu tiga kali.

Dengan sesaat seketika itu juga tampaklah Kota Emas Kerajang dan melip-laplah mahligai Tuan Puteri Kemala Indera bercahaya-cahaya. Syahdan terbenderanglah istana tujuh belas ruang berapit dengan Balairong Alam Cahaya. Penuh sesak segala raja-raja yang muda-muda di atasnya, gemuruh dengan segala bunyi-bunyiannya terlalu ramai.

Maka Raja Babi pun membawa Puteri Bongsu ke Istana Bandar Alam lalu naik. Maka Tun Seri Buana pun datang menyambut Puteri Bongsu, dibawanya ke Seri Istana. Maka Raja Babi pun berkata:

*“Bonda! Inilah Puteri Tanjung Bunga. Peliharakan baik-baik.”*

Maka sembah Tun Seri Buana:

*“Daulat Tuanku! Yang mana titah patik junjung!”*

Maka Tuan Puteri pun dimandikan oranglah. Setelah sudah lalu diberinya memakai. Maka Raja Babi pun naik ke atas Kota Peraduan lalu berbaring-baring. Maka Tuan Puteri pun duduklah dekat Raja Babi. Suka sedikit rasanya melihat orang terlalu banyak. Maka kata Tuan Puteri:

*“Ayuh kekanda, baiklah abang menyuruh memberitahu kepada ayahanda supaya baginda tahu akan abang berbuat negeri kepada hutan ini. Entahkan datang gerangan ia ke mari.”*

Maka kata Raja Babi:

*“Benarlah seperti kata adinda itu. Tetapi nantilah dahulu barang dua-tiga hari lagi.”*

Lalu Raja Babi keluar ke balairong, berdiri dekat Nobat Lela Indera, katanya:

*“Abang ambillah Permaisuri Bangkahulu itu. Jangan dibuatnya*

lagi. Naiklah abang ke Anjung Ratna itu.”

Maka Nobat Lela Indera pun menyembah, katanya:

“*Biarlah Tuanku dahulu.*”

Maka Raja Babi pun melompat naik ke mahligai lalu duduk dekat Tuan Puteri, katanya:

“*Rindunya abang akan tuan.*”

Seraya berpantun:

*“Seladang lari ke bukit,  
Makan pucuk angsoka layu,  
Dendamnya abang bukan sedikit,  
Pucat kurus mendayu-dayu.”*

Lalu ia rebah berbaring-baring di ribaan Tuan Puteri. Maka kata Tuan Puteri:

“*Kuruskan apa gerangan ini! Makin bertambah besar pulak perut! Seperti tapaian [318] budu. Belakang pun berlurah seperti belalai gajah, kurusnya lagi sekian! Jika tembus berapa lagi!*”

Maka segala dayang-dayang pun suka tertawa. Maka lalu disapunya oleh Tuan Puteri belakang Raja Babi, maka Raja Babi pun tidurlah di ribaan Tuan Puteri itu terlalu nyedar [319].

Sebermula kepada ketika hari itulah Raja Babi akan jadi manusia pula. Maka segala bunga-bunga pun berkembang terlalu harum baunya. Maka angin pun bertiup sepoi-sepoi bahasa antara ada dengan tiada. Maka tagar di langit pun berbunyi sayup-sayup. Matahari pun berkandang teja [320] dan kuang [321] pun merentang [322] dirinya. Maka hujan panas pun turun rintik-rintik bahasa.

Syahdan kepada masa ketika itu *Cakca Kuca*<sup>[323]</sup> pun lalu mengedar jagat shah<sup>[324]</sup> di situ maka dilihat Baginda Raja Indera Brahmakala menjadi babi dengan sebab kerana disumpahi anak raja-raja yang empat puluh itu, maka *Cakca Kuca* pun bertitah<sup>[325]</sup> dengan terang suaranya:

*“Wa satwani*<sup>[326]</sup> *engkau hai cucuku! Semoga-moga kembali seperti rupamu yang sediakala. Terbanglah engkau sumpah-menyumpah yang empunya sumpah!”*

Kata dengan sesaat itu juga maka Raja Babi pun menjadi manusialah. Hilanglah rupa babi itu, kembali seperti dahulukala elok mejelis, baik paras, gilang-gemilang cahaya mukanya. Maka Tuan Puteri dengan segala dayang pun semuanya terkejut babi itu sudah menjadi orang. Maka titah Tuan Puteri perlahan-lahan:

*“Demikian itulah rupanya yang kami lihat di dalam mimpi malam-malam ia datang kepada kami.”*

Maka hairanlah segala siti dayang-dayang sekeliannya.

Manakala Inangda pun berhadir bedak dan langir dengan sukacitanya teraba-raba menggiling bedak. Maka langir itupun tumpahlah dilanggarnya. Lalu ia meramas langir pula. Maka bedak itupun tumpah pula. Maka kata Dang Raya Rani, iapun suka tertawa, katanya:

*“Jika dipangku apalah jahatnya bedak langir baginda itu.”*

Maka kata Inangda:

*“Anak si kutuk ini tertawakannya pula kita! Marilah engkau pangku langir ini!”*

Maka Dang Raya Rani datang, disambutnya langir itu lalu dipangkunya seraya berkata: *“Dang Cendera Maya Dini, ribalah pendupa itu!”*

Maka Dang Cendera Maya Dini pun datang, disambutnya

batil<sup>[327]</sup> berisi bedak itu lalu dipangkunya. Maka Inangda pun berbuat lulut<sup>[328]</sup> dan kasai<sup>[329]</sup>, dibubuhnya kepada sangku<sup>[330]</sup> firus<sup>[331]</sup>, maka dipangku oleh siti berjawatan dan air mawar dan bunga rampai semuanya dipangku oleh mendera siti dayang.

Setelah sudah hadir semuanya beratur menantikan baginda terkejut daripada beradu di ribaan Tuan Puteri Kemala Indera. Setelah berapa jam lamanya, baginda pun terkejut, dilihatnya dirinya sudah menjadi manusia. Maka iapun bangun, katanya:

*“Penatlah tuan memangku abang. Daripada babi datang kepada orang pula! Apakah untung tuah abang maka bertemu tuan!”*

Maka Tuan Puteri pun tunduk tersenyum malu-malu bahasa. Maka sembah Inangda:

*“Silakan Tuanku mandikan. Semuanya pun sudah patik hadirkan. Menantikan Duli juga lagi.”*

Maka baginda pun tersenyum lalu berangkat pergi mandi sambil dipimpin tangan baginda tangan Tuan Puteri dibawanya sama berjalan seraya berkata:

*“Marilah kita pergi mandi berlimau membuang malang cilaka badan. Adinda jangan sopan akan abang. Tuanlah dahulu pertama sayang, adindalah mula membangun kasih.”*

Maka baginda pun mandi di pasu emas bersama-sama dengan Tuan Puteri. Maka dilangiri oleh Inangda sambil menyembah dan digosoknya dengan lulut kasturi bedak narwastu<sup>[332]</sup>. Maka disiraminya dengan air mawar, maka ditaburinya dengan kuntum rampai. Setelah sudah Baginda kedua bersiram, maka lalu bersalin kain, syahdan datanglah siti penjawat kapan dan pakaian. Maka baginda pun dihiasi Inangda dengan seberhana<sup>[333]</sup> kain yang indah-indah.

Maka diletakkan oleh Tuan Puteri bulang hitam bernaga, dibubuhnya tajuk manikam pancawarna. Maka Baginda pun semayam di atas peterana <sup>[334]</sup> dengan Tuan Puteri. Maka titah baginda:

*“Suruh panggil Bentara Kores Peri dan semua dewa bangsa Kores!”*

Maka sembah Inangda:

*“Baiklah, Tuanku!”*

Lalu ia menyuruhkan Dang Sajawarna keluar memanggil bentara itu. Maka Dang Sajawarna pun keluar, katanya:

*“Yang manakah bernama Kores Peri? Dan semua dewa keduanya dipanggil baginda!”*

Maka masuklah Bentara kedua segera naik ke mahligai sambil memandang ke istana. Maka banyaklah siti dayang-dayang yang muda-muda murung semuanya suka tertawa-tawa memandang. Bentara keduanya pun sama tersenyum-senyum sambil membaiki banghulunya <sup>[335]</sup> dan menyisipkan rambutnya ke belakang lalu masuk ke Mahligai Ternalak Durani Laung, tunduk menyembah. Maka titah baginda:

*“Kekanda Kores Peri! Pergilah diri menghadap Raja Besar. Katakan sembah sujud kita hendak bertemu. Minta silakan kekanda ke mari dan semua dewa bangsa kores. Pergilah diri ke Gunung Berapi menghadap Baginda Sultan! Katakan sembah sujud kita. Janganlah baginda terkejut kerana kita hendak kembali menghadap Duli Ayahanda Bonda.”*

Maka keduanya pun menyembah lalu keluar. Maka kata Nobat Lela Indera:

*“Hendak ke mana Bentara pergi?”*

Maka kata Bentara itu:

*“Sanda dititahkan ke Rantau Panjang Tebing Berukir dan ke*

*Negeri Tanjung Bunga.*”

Maka keduanya pun naik kuda semberani <sup>[336]</sup> ditatang-tatang, digertakkan, dipacu-pacu lalu dilayangkannya. Dengan sangat seketika lenyaplah di dalam kota lalu ke Negeri Tanjung Bunga.

Kepada masa ketika itu, akan Raja Besar sedang dihadap di balairong, maka Kores Peri pun datang bertelut menyembah di hadapan Baginda. Maka segala menteri pun terkejut. Seorang pun tiada berkata-kata. Maka titah Baginda:

*“Raja mana gerangan ini? Dari mana tuan datang?”*

Maka Kores Peri pun menyembah pula, sembahnya:

*“Patiklah Raja Nadim Bentara Kiri Paduka Anakanda Raja Babi. Akan sekarang ini Paduka Anakanda itu sudah kembali menjadi manusia. Maka Tuanku disambut Paduka Anakanda sembah sujud Mahkota Alam Ke Bawah Duli Raja Besar kedua laki isteri, juga ada berat ringan-ringan hasrat anakanda hendak bertemu di Negeri Emas Kerajang, tempat Baginda berhenti sementara, lagi menantikan Paduka Ayahanda Seri Sultan di Gunung Berapi, itupun sudah Paduka Anakanda menyuruh memberitahu baginda.”*

Maka Raja Besar pun terkejut mendengar sembah Nadim Bentara itu. Terlalu suka baginda seperti kejatuhan bulan, lalu bertitah:

*“Hai, Mangkubumi! Bawak-bawaklah Adinda Permaisuri, sanda hendak pergi dahulu!”*

Lalu Baginda turun dari atas balairong lalu naik gajahnya lalu berangkat keluar kota diiringkan segala menteri dan rakyat sekalian. Akan Koresnya Peri membawa jalan.

Setelah sampai lalu masuk ke dalam kota. Maka baginda pun hairanlah melihat Negeri Emas Kerajang itu dan rakyat pun banyak daripada jin dan kores dan terlalu banyak kursi bernaga akan tempat segala pahlawan kores dan jin.

Maka baginda pun lalu ke balairong, maka Raja Indera Brahmakala pun segera berangkat turun dari mahligai lalu ke istana Puteri Bongsu. Setelah datang lalu duduk, katanya:

*“Paduka Ayahanda sudah datang, tuan!”*

Maka Tuan Puteri pun menangis, katanya:

*“Apatah yang dikatakan kepada patik kerana patik seorang diri. Patik lebih bicara perintah Yang Dipertuan.”*

Maka Baginda pun terlalu belas dan kasihan rasanya memandangi laku Tuan Puteri itu. Bertambahlah kasih sayang Baginda, lalu disambutnya, diribanya dan dipangkunya. Lalu ditepiskannya. Katanya:

*“Kursemangat nyawa abang. Sedura <sup>[337]</sup> kekanda memandangi tuan. Rasaku tiada berura-uralah. Safalah <sup>[338]</sup> penakluk cita pilu abang.”*

Maka titah Sultan Raja Indera Brahmakala:

*“Hai Inangda, perintahkan adat berjamu raja yang besar-besar! Syahdan mintak tolong kepada Permaisuri Ketiga kerana ia biasa memerintahkan negeri yang bergunung dan bergua.”*

Maka sembah Inangda:

*“Baiklah, Tuanku!”*

Maka kata Puteri Bongsu:

*“Adakah abang sudah melihat Puteri di Gua Kemala Naga itu? Konon baik sangat rupanya.”*

Maka titah baginda:

*“Tiada abang melihat dia. Jika adinda hendak berikan abang, adinda suruhlah sambut. Kita lihat rupanya.”*

Maka Tuan Puteri pun menyuruhkan dayang-dayang pergi menyambut Permaisuri kedua berputera. Maka keduanya pun datanglah lalu duduk menyembah Baginda laki isteri. Maka kata Tuan Puteri

Sinaran Bulan <sup>[339]</sup>:

*“Santaplah bonda dan adinda sirih itu.”*

Lalu diunjukkannya puannya, maka disambut Permaisuri lalu dimakannya sirih itu. Maka baginda pun tersenyum, katanya:

*“Bonda tolonglah anakanda ini hendak berjamu Baginda Raja Besar konon sudah datang ada di balairong kerana dia orang muda belum biasa.”*

Sambil baginda memandang Tuan Puteri Cahaya Kemala sama berjumpa mata lalu dikejut <sup>[340]</sup> baginda dengan keningnya kiri sambil tersenyum manis lakunya. Maka Tuan Puteri pun tunduk malu. Baginda pun berangkat keluar ke balairong semayam di atas singgahsana kerajaan. Maka Raja Besar pun datang, lalu disambut Baginda dibawa duduk semayam.

Syahdan Raja Besar pun memeluk mencium Raja Indera Brahmakala seraya menangis katanya:

*“Sungguhkah tuan putera Baginda di Gunung Berapi?”*

Maka sembah Raja Indera Brahmakala:

*“Sungguh, Tuanku! Sebabpun patik tiada bersama-sama dengan Baginda itu kerana patik serupa dengan babi.”*

Lalu dicereterakan daripada mulanya. Maka Raja Besar pun menampar-nampar kepalanya dan mengurut-ngurut dadanya seraya berkata:

*“Oh Putera Ayahanda. Adapun bonda tuan itu saudara yang bongsu kepada ayahanda. Ada juga khabarnya konon berputerakan babi. Tiada sampai pendapat ayahanda akan tuan putera ayahanda!”*

Maka segala yang menghadap pun sukacita hatinya.

Maka tersebutlah perkataan Permaisuri dan Puteri Keenam pun terlalu suka mendengar khabar Raja Babi sudah berbuat negeri. Rupanya pun sudah baik paras itu. Ialah Putera Baginda di Gunung Berapi dan di



Rantau Panjang di Tebing Berukir. Maka Permaisuri pun pergilah dibawa Mangkubumi dan Puteri Keenam pun terlompat-lompat dan tertari-tari datang mendapatkan bonda baginda, katanya:

*“Patik pun pergi bertemu dengan Si Bongsu, Tuanku!”*

Lalu ia naik ke atas jempana ratna, di bawah payung rama-rama kuning lalu berjalan keluar kota. Terlalu banyak segala isi negeri Tanjung Bunga itu pergi mengiringkan Permaisuri itu. Berapa antaranya berjalan itu maka sampailah ke Negeri Emas Kerajang lalu masuk ke dalam kota dengan hairannya. Maka Kores Peri pun datang membawa jempana ratna itu masuk ke istana. Maka kata Puteri Keenam:

*“Itukah Raja Babi itu? Baik pulak rupanya laki Si Bongsu ini!”*

Maka Kores Peri pun tersenyum mendengar kata Puteri Keenam itu lalu ia keluar. Maka Puteri Bongsu pun keluar sama-sama isteri Sikandar Muda dan segala dayang-dayang. Setelah bertemu lalu disambut Tuan Puteri tangan bonda baginda, dibawanya masuk ke istana duduk di atas peterana yang keemasan.

Maka beraturlah segala janda raja-raja jin datang menghadap Permaisuri dan Puteri Bongsu. Semuanya itu dikasihi oleh Puteri Bongsu. Maka berbarislah siti dayang-dayang, masing-masing dengan jawatannya. Maka Tuan Puteri Bongsu pun dibawa oranglah ke hadapan Permaisuri dan Puteri Keenam. Maka sembah Puteri Bongsu:

*“Santaplah Tuanku sirih dan abang encik dan encik abang sekalian tiada dengan sepertinya. Serasa orang hutan padang kekanda, jangan diaibkan.”*

Maka kata Puteri Keenam:

*“Kami katakan dirilah putera ayahanda bonda yang cilaka bersuamikan babi itu. Sekonyong-konyong dirilah yang bertuah! Jika kami tahu akan demikian ini jadinya, kamilah dahulu yang boleh bersuamikan Raja Babi itu. Haram tiada pangku kita yang demikian ini.”*

Maka segala yang mendengar semuanya suka tertawa. Ada yang

tersenyum.

Sebermula maka semua dewa bangsa kores pun sampailah ke Gunung Berapi lalu menghadap Duli Baginda pun sedang ramai semayam melihat hayam menyabung dengan Raja Mangkubumi di medan balai itu. Maka semua dewa bangsa kores pun datang duduk di bawah kursi Baginda lalu sujud menyembah, sembahnya:

*“Daulat Tuanku! Patiklah utusan Paduka Anakanda Raja Babi empunya sembah sujud Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia. Jangan Tuanku sangat bercinta akan Paduka Anakanda yang dibuangkan itu. Sudahlah ia kembali kepada rupanya yang sediakala, Tuanku! Kemudianlah Paduka Anakanda itu mengadap kaus Yang Dipertuan laki isteri.”*

Maka Baginda pun terkejut, katanya:

*“Ada di mana sekarang putera kita itu?”*

Maka sembah semua dewa bangsa kores:

*“Ada di Negeri Tanjung Bunga, Tuanku! Paduka Anakanda itu duduk di Negeri Emas Kerajang.”*

Maka titah baginda:

*“Hai Bentara, pergi panggil nujum ke mari, apa katanya!”*

Maka semua dewa pun bermohonlah kembali.

Maka titah Baginda:

*“Suruhlah putera kita ke mari segera-segera! Katanya kan kasih sayang beta. Jangan tertali di bandar orang.”*

Maka semua dewa pun kembalilah menghadap Raja Indera Brahmakala. Baginda pun sedang tengah berjamu Raja Besar maka minum dengan bunyi-bunyian terlalu ramai tujuh hari tujuh malam. Maka Raja pun kembali ke negerinya membawa Permaisuri.

Syahdan akan Raja Indera Brahmakala pun sebagai disambut

Baginda ke negeri, diperjamunya makan minum bersuka-sukaan. Terlalulah kasih sayang Baginda laki isteri. Maka Puteri Keenam pun terlalu sangat berahinya akan Raja Indera Brahmakala. Tidaklah Puteri Keenam ingat akan malunya lagi. Maka sebagailah pergi kepada adinda baginda Puteri Bongsu, katanya:

*“Adinda tuan, maukah diri selaki dengan kami supaya kita jangan bercerai lagi saudara-bersaudara duduklah kita tujuh serumah?”*

Maka sahut Puteri Bongsu:

*“Apalah dikata kepada patik, Tuanku katalah kepada abang Raja Indera Brahmakala. Jika ia mau sukalah patik. Sedang bersedu dengan yang lain, baik ini konon saudara sendiri.”*

Maka Puteri Keenam pun suka hatinya mendengar kata Puteri Bongsu itu. Maka duduklah Puteri Keenam bersama-sama dengan adinda baginda itu. Jikalau mandi sama mandi, jika santap sama santap, jika beradu sama-sama. Maka segala dayang-dayang pun berkata:

*“Apalah gilanya Puteri Keenam ini maka tiada mau pulang lagi!”*

Maka Tun Seri Buana pun berkata kepada Puteri Bongsu:

*“Tuanku, lain patik lihat kelakuan Paduka Kekanda ini! Baik Tuanku suruh pulang!”*

Maka kata Puteri Bongsu:

*“Keenam itu hendak bersedu dengan kita, bonda. Tolonglah beritahu akan abang Raja Indera Brahmakala.”*

Maka Tun Seri Buana pun menampar-nampar dadanya seraya katanya:

*“Oh Tuanku nyawa badan patik! Tuanlah batu kepala patik! Tiada berani patik berdatang sembah!”*

Maka Raja Indera Brahmakala pun datang. Setelah dilihatnya Puteri Keenam itu ada bersama-sama dengan Puteri Bongsu maka Raja Indera pun lalu ke peraduan seraya berkata:

*“Adinda, marilah tuan seketika.”*

Maka kata Puteri Keenam:

*“Kamakah yang dipanggil abang itu?”*

Maka Puteri Bongsu pun berbalik malu pula lakunya, lalu ia berkata:

*“Siapakah yang kekanda panggil itu?”*

Maka baginda pun suka tertawa sambil berkata:

*“Adinda pun satu! Sebagai pula masakan abang memanggil orang yang lain daripada tuan, kerana tuan sudi akan abang. Apakah jahatnya abang dahulu, apakah baiknya kekanda sekarang maka tuan bersalah tempa <sup>[341]</sup> maka nyawa bercinta dua? Marilah molek safa abang! Marilah pingai majalis abang! Kekanda hendak bertanya khabar. Abang hendak mendengar warita <sup>[342]</sup> .”*

Maka Puteri Bongsu pun segera masuk ke peraduan duduk di luar tirai. Maka titah Raja Indera Brahmakala:

*“Apakah kerja Puteri Keenam duduk di sini? Baik tuan suruh pulang. Kalau murka Paduka Ayahanda Bonda akan abang.”*

Maka kata Puteri Bongsu:

*“Baiklah abang berkata sendiri.”*

Maka Baginda pun tertawa, katanya:

*“Iyakah Puteri yang Keenam! Baiklah tuan kembali kerana sanda hendak berjalan pulang ke Gunung Berapi.”*

Maka kata Puteri Keenam:

*“Kekanda bawalah beta pergi bersama-sama. Sedang seorang lagi baik, ini konon ketujuhnyanya!”*

Maka Raja Indera Brahmakala pun suka tertawa seraya berkata:

*“Jangan Puteri Keenam berkata demikian. Bukan kata dikatakan. Baik kembali dahulu.”*

Maka Tuan Puteri pun kembalilah dengan segala dayang-

dayangnya dengan marahnya lalu ia menyuruh mencari ubat guna pengasih.

Sebermula akan Raja Indera Brahmakala pun menyuruhkan berjaga-jaga tujuh hari tujuh malam makan minum dengan segala bunyi-bunyian. Setelah itulah maka Nobat Lela Indera pun dikahwinkan dengan janda Sikandar Muda.

Setelah sudah, maka Raja Indera Brahmakala pun bermohonlah kepada Raja Besar hendak kembali. Maka dipeluk dicium Baginda dengan tangisnya dan bertaruhkan anakanda baginda Puteri Bongsu Sinaran Bulan.

Setelah itu maka Raja Indera Brahmakala pun mencita Si Parang Puting, maka Parang Puting pun datang terdiri dekat Baginda, katanya:

*“Apa pekerjaan Tuanku memanggil patik ini?”*

Maka titah Baginda:

*“Ayuh kekanda, sanda hendak kembali! Ambillah negeri ini!”*

Maka kata Si Parang Puting:

*“Baiklah Tuanku berjalan dengan segala menteri hulubalang sekeliannya. Akan Paduka Adinda ini, di atas patiklah membawa dia. Berangkatlah Tuanku keluar kota.”*

Maka Baginda pun turun dari atas balai itu lalu naik gajah bertimbangan rengga dengan Nobat Lela Indera. Maka berdirilah Nadim Bentara Kiri di atas kepala gajah memegang manikam dan terkembanglah payung intan dikarang empat puluh. Segala raja-raja yang membawa dia dan menteri hulubalang semuanya naik gajah dan kuda. Masing-masing dengan payungnya berjalan dari kanan-kiri Baginda. Dan segala adi johan pahlawan semuanya di atas singa terbang.

Maka berbunyiilah gendang arak-arakan *Raja Berangkat*. Syahdan terdirilah cogan alam bernaga dan terkibarlah tunggul panji-panji alam bergenta. Maka berbunyiilah nobat Genta Sali. Syahdan melangsilah

bahana Nagara Kuning dan meragamlah bunyi samping cahaya disambuti dandi dan muri. Gemuruhlah bahana tambur di medan. Berlompatanlah segala anak supai<sup>[343]</sup> dan bersoraklah segala anak pendekar. *Alam Kidar* pun sudah menggoncang dirinya berbagai-bagai rupa warnanya.

Syahdan berangkatlah Raja Indera Brahmakala keluar kota. Bersusun-susun dan berlapis-lapis rupa pawainya. Berjalan dahulu Degar Qamar Keempat bersaudara. Syahdan Raja di atas jampana ratna dilemba payung iram-iram kuning. Sikapnya garang lagi perkasa. Diiringkan segala hulubalang kores.

Sudah itu maka Si Parang Puting pun mengangkat mahligai, dan Istana Benderang Alam itu berjalan sendirinya. Maka Negeri Emas Kerajang itupun lenyaplah. Maka Si Parang Puting pun membawa mahligai dan istana itu keduanya sama berkisar-kisar sendirinya berjalan di hadapan Raja Indera Brahmakala.

Maka Raja Besar dengan segala menteri Baginda sudah hadir akan pergi mengantarkan Raja Indera Brahmakala kembali itu, maka Permaisuri pun menangis hendak pergi bersama-sama. Maka titah Baginda:

*“Naiklah adinda ke atas rata!”*

Maka Permaisuri pun naik rata yang keemasan. Maka Puteri Enam pun datang, katanya:

*“Patik pun hendak mengantar Si Bongsu juga, Tuanku!”*

Lalu ia naik rata bersama-sama bonda baginda dengan segala dayang-dayang sekelian. Maka segala bini menteri pun semuanya dikerahkan Bentara pergi mengiring Permaisuri itu lalu keluar kota. Raja Besar bergajah berjalan dahulu di bawah payung mutia dikarang diiringkan segala menteri dan hulubalang.

Setelah bertemu dengan Raja Indera Brahmakala maka titah Raja Besar:

*“Ayahanda Bonda pun pergi mengiringkan anakanda kembali kerana lamalah sudah ayahanda tiada bertemu dengan Paduka Ayahanda dan Bonda tuan di Gunung Berapi itu.”*

Maka sembah Raja Indera:

*“Silakan Tuanku berjalan dahulu.”*

Maka Raja Besar pun berjalanlah dengan segala bala tenteranya sekalian.

Syahdan berangkatlah Raja Indera Brahmakala kembali ke Gunung Berapi diiringkan segala kaum kores dan jin.

Setelah beberapa lamanya baginda berjalan itu sepanjang hutan sangka <sup>[344]</sup> berburu terlalu ramai dengan tempik soraknya. Akan perburuan pun telalu banyak ditangkap segala adi dan johan pahlawan. Ramailah rakyat membakar daging perburuan. Maka hutan itupun jadilah padang daripada kebanyakan orang berhenti di Hutan Batu Buruk itu.

Maka berjalan pula dari sana lalu ke Padang Luas. Maka Tuan Puteri di Pucuk Puding pun tahulah akan Raja Indera Brahmakala hendak bertemu dengan dia itu. Maka Tuan Puteri pun mencita <sup>[345]</sup> sebuah Balai Emas sama tengah padang itu. Panjangnya maklumlah sama dengan padang itu dan kursi pun banyak beratur dan khemah pun terbentanglah berkeliling balai itu. Syahdan hampan medan pun sudah mengaturkan dirinya dan kursi di medan pun sudah mengatur dirinya.

Maka sampailah Raja Indera ke balai itu lalu berhenti semuanya. Maka kata Parang Puting:

*“Silakan Tuanku naik ke Balai Emas itu! Bawaklah Paduka Ayahanda naik berhenti dahulu.”*

Maka Raja Indera Brahmakala dan Raja Besar pun naik ke balai itu. Maka segala raja-raja dan menteri hulubalang Baginda semuanya naiklah duduk dengan kursinya menghadap Raja Indera dan Raja Besar.

Maka kata Nobat Lela Indera:

*“Mana dia raja yang empunya balai ini, Tuanku?”*

Maka sahut Raja Indera:

*“Inilah tempat Tuan Puteri di Pucuk Puding. Balai ini pun baharu disakti baginda kerana kita akan datang ke mari.”*

Maka hairanlah segala yang baharu tahu akan Tuan Puteri. Hatta ada seketika datanglah bidadari empat orang ke hadapan Raja Indera lalu duduk menyembah, katanya:

*“Paduka Bonda persilakan Tuanku dengan Paduka Adinda sekali naik ke mahligai.”*

Maka Baginda pun segera menyuruhkan Bentara Kiri menghadap Puteri Kemala Indera dan Puteri Bongsu dan Puteri Cahaya Kemala:

*“Katakan disambut Baginda di Pucuk Puding.”*

Maka Bentara pun menyembah lalu ke mahligai menghadap Tuan Puteri bersembahkan titah Baginda itu. Maka Tuan Puteri Ketiga pun turunlah dari mahligainya lalu naik gajah ketiganya. Masing-masing dengan gajahnya dan siti dayang-dayang. Maka berapitlah gajah Tuan Puteri Ketiga itu berjalan sama-sama hulu di bawah payung iram-iram kuning dibawa Nadim Bentara Kiri diiringkan segala bini raja-raja dan anak dara-dara dan segala janda raja-raja jin. Sekeliannya ada mengiringkan Puteri Tiga Bermadu itu berjalan daripada Padang Luas menuju Taman Aneka Warna.

Maka Raja Indera pun datang berjalan mengiringkan isterinya baginda di atas cerpu <sup>[346]</sup> bernaga-naga <sup>[347]</sup> diiringkan raja muda-muda.

Setelah sampai Baginda ke taman, maka Pohon Puding Emas itupun menjadi sebuah mahligai manikam yang kuning bercahaya-cahaya, tiadalah dapat ditentang nyata <sup>[348]</sup>. Maka Raja Indera pun menurunkan isterinya ketiga dari atas gajahnya lalu Baginda masuk ke dalam taman.



Maka dilihatnya Si Parang Puting ada berdiri, katanya:

*“Silakan Tuanku naik!”*

Maka baginda pun tersenyum, katanya:

*“Mana jalan kita naik? Mahligai ini tidak bertanggung.”*

Maka Si Parang Puting pun segera menjadi tangga pancalogam. Maka Baginda pun naiklah membawa Tuan Puteri Ketiga itu. Maka Tuan Puteri di Pucuk Puding pun datang memeluk mencium Raja Indera dan Tuan Puteri Ketiga, katanya:

*“Rindunya Bonda akan tuan, buah hati Bonda cahaya mata Bonda.”*

Lalu dibawanya duduk bersama-sama. Maka Baginda pun menyembah kaki Tuan Puteri di Pucuk Puding, maka kata Tuan Puteri di Pucuk Puding:

*“Ingat anakku tuan, kerana di suatu bala yang maha besar akan datang atas anakku laki isteri. Tetapi tidak akan mengapa tuan kerana berkat Si Parang Puting ada bersama-sama.”*

Hatta maka Raja Indera diperjamunya oleh Tuan Puteri itu makan minum di Balai Emas itu. Semuanya dijamunya makan hidangan nasi gulai datang sendirinya ke hadapan Raja Besar dan Nobat Lela Indera dengan segala raja-raja makan minum di padang itu. Tiga hari Raja Indera berhenti maka iapun bermohonlah daripada padang itu menuju Rantau Panjang Tebing Berukir.

Setelah berapa lamanya maka sampailah Baginda di Gunung Berapi. Nampaklah mercu Negara Gunung Berapi bernyala-nyala seperti akan sampai ke udara. Makin dekat makin besar nyalanya. Maka kata yang baharu melihat:

*“Api besar di hadapan kita ini!”*

Kata segala yang tahu akan gunung berapi:

*“Itulah dia gunung berapi.”*

Sebermula alkisah maka tersebutlah perkataan Baginda Sultan

Muktabar Syah menyuruhkan nujum melihat anakanda Baginda sampaikan sudah masanya akan kembali. Maka sembah Nujum Ketujuh:

*“Sudahlah Tuanku, Paduka Anakanda itu kembali rupanya yang sediakala. Tatkala di Tanjung Bunga patik pun ada bersama-sama dengan Paduka Anakanda itu.”*

Maka dipersembahkan segala kelakuan Raja Besar dengan Raja Babi itu. Maka baginda laki isteri pun sukacita mendengarkan khabar Nujum Ketujuh itu seperti sudah dilihat Baginda sendiri kepada rasanya. Maka menteri pun datang gopoh-gopoh, sembahnya:

*“Daulat Tuanku! Akan Paduka Anakanda sudah datang dengan Raja Besar hampirlah dengan Rantau Panjang!”*

Maka Baginda Sultan laki isteri pun berangkatlah sendirinya keluar kota. Baginda di atas jampana ratna semayam dua laki isteri dilemba naung iram-iram berjentera, dihadap siti dayang syahdan beratus-ratus bini segala menteri yang besar semuanya ada mengiringkan Baginda keluar itu. Bercampurlah laki-laki dengan perempuan.

Tiadalah Baginda menantikan adat lagi berangkat dengan Nobat Sali. Maka titah Baginda Sultan:

*“Kepada hari inilah aku turun daripada takhta kerajaan aku. Sebatang cogan jangan terdiri dan sehelai tunggul jangan terkibar lagi.”*

Maka Baginda pun lalu keluar kota.

Setelah itu maka Raja Indera Dewa pun sampailah ke Tebing Berukir. Maka segala rakyat yang berjalan dahulu itu pun berhentilah melihat banyak rakyat keluar dari dalam kota dan payung iram-iram berjentera empat berapit di atas jampana ratna, maka Raja Besar dan Raja Indera Brahmakala pun segera mendapatkan Baginda Sultan. Dari jauh Raja menyembah dengan segala raja-raja yang mengiringkan itu.

Maka Raja Indera Brahmakala menundukkan kepalanya menjunjung Duli Paduka Ayahanda Bonda baginda. Lakunya seperti merak mengigal, sikapnya bagaikan terbang. Diiringkan Nobat Lela

Indera dan segala raja-raja kores dan jin sekeliannya tunduk memberi hormat Maha Mulia. Maka sembah Nujum Ketujuh:

*“Itulah Tuanku Paduka Anakanda. Raja Indera Brahmakala namanya, Tuanku!”*

Maka Baginda pun bertitah:

*“Marilah nyawa badan ayahanda! Marilah batu kepala bonda!”*

Maka Raja Indera pun melompat naik ke atas jampana ratna sujud di kaki ayahanda bonda baginda. Dipeluk dicium baginda kedua laki isteri lalu rebah pengsan di ribaan anakanda baginda itu. Maka disapunya muka ayahanda bonda baginda itu dengan air mawar seraya cucur airmatanya. Maka baginda kedua laki isteri pun ingatlah akan dirinya, lalu bangun duduk memeluk anakanda baginda tiada dilepas lagi. Lalu dibawa baginda masuk ke dalam kota sekali.

Maka gemuruhlah bahana segala kaum jin dan kores bercampur dengan manusia masuk ke dalam kota. Baginda pun lalu ke balairong. Maka Istana Benderang Alam dan mahligai pun datanglah dibawa Si Parang Puting. Maka Raja Besar pun duduk bersuka-sukaan makan minum dengan raja-raja sekalian. Gemuruh dengan bunyi-bunyian Sultan berjaga-jaga dengan segala mainan. Yang jin cara jin, yang kores caranya kores, yang manusia caranya manusia. Masing-masing dengan pandainya.

Empat puluh hari empat puluh malam baginda Sultan bersuka-sukaan di balairong dengan anakanda baginda dan kekanda baginda itu.

Maka Permaisuri pun demikian juga di dalam istana terlalu ramai berjamu anakanda baginda dan kekanda Permaisuri Tanjung Bunga. Maka terlalu kasih Permaisuri Bongsu akan menantunya ketiga itu sama ketiganya kasihnya seperti putera yang dijayakan. Kepada rasanya adalah terlebih sedikit akan Tuan Puteri Sinaran Bulan kerana sebab anak saudaranya, tetapi tidaklah dizahirkannya.

Sebermula akan Puteri Keenam pun terlalu sangat berhambakan

dirinya kepada bonda baginda yang bongsu. Tidaklah ia jauh lagi, terbelit-belit dekat Permaisuri Bongsu juga. Maka katanya:

*“Bonda Bongsu, patik tidaklah mau kembali lagi ke Tanjung Bunga. Hendak duduk bersama-sama dengan bonda.”*

Maka kata Permaisuri:

*“Apa telah salahnya tuan. Sebaik-baiknyalah, bonda pun lebih suka.”*

Akan Tuan Puteri Sinar Bulan pun tersenyum memandang kepada Puteri Kemala Indera, sama tahu keduanya akan kehendak Puteri Keenam itu. Maka Puteri Sinar Bulan pun bermohon kembali ke Istana Benderang Alam bersama-sama dengan Puteri Cahaya Kemala. Dan Puteri Kemala Indera pun bermohon kembali ke mahligainya.

Setelah berapa lamanya Raja Indera Brahmakala duduk bersuka-sukaan di balai dengan ayahanda baginda, ketujuh hari sekali ia pergi kepada isterinya. Seketika juga bergurau bersenda maka turun pula ke balairong. Dua-tiga hari sekali Raja Indera pergi kepada Puteri Kemala Indera.

Maka dilihat oleh Puteri Keenam Raja Indera di mahligai itu, maka iapun pergi, katanya:

*“Abang Raja Indera, mengapakah maka tiada dimasuk mengadap Bonda Bongsu? Baginda menyebut-nyebut abang tiada berhenti-henti lagi. Tidakkah kekanda diberi oleh Puteri inikah?”*

Maka sahut Puteri Kemala Indera:

*“Apakah gila kita melarangkan dia! Sama aja hendak menjahatkan kita, dagang terselam di bandar orang.”*

Maka Raja Indera pun tersenyum seraya berkata:

*“Adinda, jangan tuan murka akan abang. Tinggallah mejelis prabu abang. Tinggallah safa yang berusul.”*

Lalu baginda turun pergi ke Istana Benderang lalu ke Hujung Ratna kepada Puteri Cahaya Kemala. Setelah sampai lalu disambut

baginda, diribanya dan dipeluk lalu dingesinya <sup>[349]</sup>:

*“Adinda, mari tuan beradu. Sedura abang mengadap ayahanda tidak menatang sifatmu tuan.”*

Lalu dibawa baginda masuk ke peraduan duduk bergurau bersenda. Lalu baginda beradu terlalu nyedar.

Maka Puteri Keenam pun datang ke Istana Benderang Alam lalu kepada Puteri Bongsu, katanya:

*“Adinda, mana suami tuan?”*

Maka sahut Tuan Puteri Bongsu:

*“Tidak ia di sini. Kalau kepada Puteri di Gua Kemala Naga gerangan.”*

Maka kata Puteri Keenam:

*“Itulah jahatnya laki-laki yang banyak bini! Kasihnya kurang kepada kita! Mulutnya juga yang manis terlebih daripada syakar <sup>[350]</sup> dan madu! Ayuh adinda, maukah tuan kekanda ajar ubat orang dikasihi laki? Kerana abang tiada berlaki apalah gunanya kepada kekanda. Ambillah akan tuan!”*

Maka sahut Puteri Bongsu:

*“Malas patik, kerana banyak juga yang berubat guna dibuangkan lakinya. Malu patik kelak kata orang “Di mana Raja tidakkan kasih kerana pandai ubat guna”. Biarlah duduk demikian ini.”*

Maka kata Puteri Keenam:

*“Jangan tuan berkata begitu! Adalah seperti negeri tiada berkota dan parah kerana seteru kita banyak, hai saudaraku tuan!”*

Maka kata Puteri Sinar Bulan:

*“Biarlah abang patik ditinggalkannya.”*

Maka Puteri Keenam pun pergi ke Ujung Ratna, dilihatnya tiada Raja Indera di luar. Maka kata Puteri yang tuha:

*“Hai Inangda, adalah abang Raja Indera di sini?”*

Maka sembah Inangda:

*“Lagi beradu, Tuanku!”*

Maka Puteri yang tuha pun masuk ke peraduan lalu disingkapnya tirai khatifah tujuh lapis itu seraya katanya:

*“Beradukan apakah tengah hari hangat ini!”*

Lalu disentapkannya kain Puteri. Maka Puteri Cahaya Kemala pun terkejut, hendak bangun tidak boleh kerana dipeluk serta ditindih baginda. Maka Puteri Sedang Keenam pun tertawa, katanya:

*“Demikianlah tidurnya orang yang beristeri! Kita datang pun tidak ia terkejut!”*

Maka Puteri Cahaya Kemala pun terlalu marah lalu ditolakkannya kaki dan tangan Raja Indera. Maka baginda pun terkejut, lalu dipeluk baginda pula seraya dicium baginda. Lakunya seperti olok-olokan. Terlalu suka Puteri Keenam melihat dia itu, tertawa-tawa gelak-gelak.

Maka kata Puteri Cahaya Kemala:

*“Bangunlah! Beradukan apa juga lagi? Bukankah Puteri Keenam datang mencari Tuanku!”*

Lalu Tuan Puteri bangun pergi basuh muka sambil ia menangis. Maka sembah Inangda:

*“Jangan Tuanku sangat murka kerana Puteri Keenam itu saudara sepupu dengan Paduka Kekanda. Sedang Baginda lagi tiada murka akan kelakuannya itu.”*

Maka kata Puteri Cahaya Kemala:

*“Jangankan saudara sepupu, jika saudaranya benar sekalipun hatiku marah juga!”*

Lalu ia berludah-ludah. Maka disingkapnya tirai peraduan itu sambil ia berkata:

*“Hendak beradukah Tuan Puteri Keenam maka ke mari ini?”*

Maka Puteri Keenam pun berkata:

“Apakah gila kita tidur kerana abang Raja disambut Bonda Bongsu seketika juga. Konon janganlah lama abang di sana, segera salih <sup>[351]</sup> segera kembali beradu pulak.”

Maka Raja Indera pun bangun lalu dipegangnya tangan Puteri Cahaya Kemala sambil baginda tersenyum, katanya:

“Marilah molek mejelis abang, kita pergi mandi dahulu! Janganlah mengadakan murka.”

Lalu dibawanya baginda pergi mandi diiringkan siti dayang-dayang diiringkan mendera perawara.

Setelah sudah mandi bersiram dua laki isteri sambil bergurau dan bersenda, baginda membujuk hati isterinya itu dengan pelbagai kelakuan yang lemah-lembut dan kata yang manis dikatakannya, kerana baginda tahu akan hati isterinya marah akan Puteri Keenam itu.

Maka Puteri Keenam pun datanglah ke permandian itu, katanya:  
“Abang, patik pun mandi, kerana panas rasanya.”

Maka titah baginda:

“Mandilah tuan, apakan salahnya.”

Maka Puteri Keenam pun mandi berlangir limau. Lebih Raja Indera itu terlalu suka lakunya mandi. Kemala pun tiada diberi dia lagi daripada takutnya akan bonda baginda itu marah akan dia.

Lalu ia turun kembali berjalan sambil makan sirih suatu kentala <sup>[352]</sup> dipegangnya. Setelah sampai maka kentala itupun diletakkannya di ribaan baginda, maka segera disambut baginda lalu dimakannya sambil ditariknya tangan Tuan Puteri direbahkan baginda kepada ribanya.

Maka terlalulah ngeran <sup>[353]</sup> hati Puteri Keenam itu, lalu ditariknya tangan baginda. Ada yang menarik tangan kiri, ada yang

menarik tangannya kanan. Ada yang memeluk, ada yang mencium baginda. Masing-masing dengan lakunya sambil berkata:

*“Kekanda, marilah kita pergi disambut Bonda Bongsu!”*

Maka kata Tuan Puteri:

*“Pergilah Tuanku segera! Janganlah duduk di sini lagi!”*

Sambil ditolakkannya dada baginda seraya tertawa-tawa. Mukanya merah berseri-seri. Baginda pun berdiri sambil berkata:

*“Marilah kita pergi!”*

Lalu baginda berjalan turun bersama-sama dengan Puteri Keenam. Maka ramailah segala isi istana itu melihat kelakuan Puteri Keenam dengan baginda itu berlumba-lumba turun dari istana bertempuh-tempuh bahu.

Maka Bentara Kores Peri dan semua dewa pun ada hadir menantikan baginda itu. Maka Raja Indera Brahmakala pun lalu ke balairong diiringkan Nadim Bentara lalu semayam di atas singgahsana dekat Paduka Ayahanda Baginda.

Bermula akan Puteri Keenam pun terlalu sangat marahnya, maka iapun pergilah kepada Permaisuri Bongsu. Setelah ia sampai, lalu sukacita menyembah dengan:

*“Bertih Jawa bidara puan,  
Antah tepung dalam gantang,  
Putih dia bicara tuan,  
Orang mengepung sudah datang.*

*Puan bertanjak bunga melati,  
Diampu pula dengan kain,  
Bukan aku takut akan mati,  
Sesalku tidak puas bermain.*



[Tamat Halaman Terakhir 206] f.104r

*Demikianlah berakhirnya hikayat ini. Adapun halaman seterusnya pada manuskrip adalah tidak bersambungan dan tidak berkaitan sama sekali dengan Hikayat Raja Babi ini.*

*Setelah itu di halaman f.105r dinyatakan empunya Hikayat ini (pemilik manuskrip).*

*Adapun yang empunya Hikayat Raja Babi ini Encik Muhammad Salih.*

*Bahawa yang empunya surat Hikayat Maharaja Babi ini Encik Ismail bin Muhammad Salih yang ada di dalam Semarang, Kampung Pekojan, Gang Tengah.*

*Juga dinyatakan di awal naskah bahawa ia dimiliki oleh Encik Amaluddin bin Ismail Muhammad Salih, cucu kepada pemilik pertama.*

Dirumikan Hikayat ini oleh Arsyad Bin Mokhtar. Alhamdulillah tamat perumian hikayat ini pada jam 11.00 malam, 07 Disember 2014 bersamaan 14 Safar 1436 H, hari Sabtu. Pendang, Kedah Darulaman, Malaysia.

Tamat pembedulan susunan dan semakan semula untuk kesekian kalinya pada Rabu, 10/12/2014 jam 1.00 pagi.

[1] Bermakna Hikayat ini selesai ditulis pada jam 11.00 pagi, Hari Jumaat 10 Zulkaedah 1188 H.(248 tahun yang lalu).

[2] Iaini. Seperti perkataan “iaitu”.

[3] @khoja-India Muslim dari India Utara.

[4] Selanjutnya. Ia juga bermaksud “lalu” mengikut kedudukannya di dalam ayat.

[5] Dikisahkan orang.

[6] Bendahara/Perdana Menteri.

[7] Dirgahayu – Doa semoga panjang umur.

[8] Saya berkeyakinan beginilah sebutannya yang bermaksud sebuah balai.

[9] @ perwara- gadis pengiring.

[10] Anak dara, manis, lemah gemalai, sopan-santun.

[11] Timbangan berat. (Dalam manuskrip ditulis dengan huruf ya selepas huruf ro, menjadi bahari.)

[12] Disembunyikan.

[13] Seruan untuk menarik perhatian.

[14] Durja. Kata “durja” bermakna wajah.

[15] Sedia.

[16] Orang tua-tua.

[17] Umpama.

[18] Hantar.

[19] Pertapa, sami Buddha.

[20] Bertujuh. Pengarang menggunakan imbuhan “ke” menggantikan imbuhan “ber”. Contoh lainnya dalam hikayat ini: Raja Keempat, Puteri Keenam.

[21] Susah hati.

[22] Mata bakok/bengkak kerana banyak menangis atau kurang tidur.

[23] Sikapnya.

[24] Tidak terurus.

[25] Veda (mengikut sebahagian dialek India Selatan).

- [26] Malang.
- [27] Jemput.
- [28] Berdukacita. Rindu dendam.
- [29] Pendapat.
- [30] Jaraknya.
- [31] Bertunas.
- [32] Sejenis meriam kecil.
- [33] Gong.
- [34] Bunyi halus yang nyaring.
- [35] Sejenis alat muzik – barangkali ianya sape/sampek, namun ditulis mengikut loghat sebutan pengarang.
- [36] Gema bunyi yang kuat.
- [37] Dandi – sejenis gendang kecil. Muri – sejenis serunai.
- [38] Sejenis gendang.
- [39] Sejenis bendera/panji-panji.
- [40] Sejenis payung khas raja.
- [41] Arak-arakan, perbarisan.
- [42] Handal.
- [43] Sejenis senjata. Saya meyakini ianya berbentuk seperti cangkuk/sauh. Daripada bahasa Hindi.
- [44] Buatan Mesir.
- [45] Ganti nama pertama bermaksud saya.
- [46] @Khudi/Kudi/Kudhi – parang seperti sabit.
- [47] Berkilat.
- [48] Busut jantan.
- [49] Temasya.
- [50] Ralit, leka.
- [51] Meskipun, asalkan.

- [52] Gempita kelam-kabut.
- [53] Catitan di pinggir naskah.
- [54] Usir, hambat.
- [55] Guruh, Guntur.
- [56] Sejenis pokok hiasan taman.
- [57] Berlawan.
- [58] Kalah.
- [59] @Kemala – sejenis permata.
- [60] Disedari, difahami.
- [61] Kelkatu.
- [62] Mengacungkan-acungkan ke kiri ke kanan.
- [63] Raja Babi diberi oleh Tuan Puteri di Pucuk Puding.
- [64] Catatan di pinggir halaman manuskrip.
- [65] Asli, murni.
- [66] Serulah.
- [67] Ada kesan koyak pada naskah. “Tipuan” – muslihat.
- [68] -sda- (-seperti di atas-).
- [69] -sda-
- [70] -sda-
- [71] -sda-
- [72] Gatal-gatal.
- [73] Pengawal peronda, sentry.
- [74] “Berkawal tidak mahu.” (Koyak pada naskah.)
- [75] -sda-
- [76] Koyak pada naskah.
- [77] -sda-
- [78] -sda-

- [79] Sungguh-sungguh.
- [80] Koyak pada naskah.
- [81] Pengasuh anak raja.
- [82] Catitan di pinggir naskah.
- [83] Cantik rupa paras.
- [84] Hujung baju labuh.
- [85] Rupawan.
- [86] Cantik (Hindi).
- [87] Tuhan Semesta Alam.
- [88] Tabik – isyarat hormat, rembunai/rambunai – sedang, sederhana.
- [89] Koyak sedikit pada naskah, tidak dapat dibaca. Saya tambahkan ini sebagai melengkapkannya.
- [90] Jentayu (sejenis burung).
- [91] Pendek.
- [92] Denak, katik, jinak.
- [93] Berketurunan baik-baik.
- [94] Mengambilkan.
- [95] Talam, dulang.
- [96] Bimbang risau.
- [97] Merumput.
- [98] Sejenis keladi.
- [99] Sirih.
- [100] Sunggi – junjung.
- [101] Varian sebutan bagi Iskandar.
- [102] @munggur/monggor – usungan, tandu.
- [103] Rattha (Tamil) – pedati terbang (kenderaan dewa-dewa).
- [104] Segeralah, cepatlah.

- [105] Kelihatannya pantun ini seperti tidak lengkap.
- [106] Mengiyakan.
- [107] Sejenis kepah.
- [108] @Kurus, Koris, Kuru – asal bahasa Parsi/Elamite (Kurush). Dalam English – Cyrus. Jenis dewa-dewa.
- [109] Alpa, lalai.
- [110] @Kalulu – sejenis perahu.
- [111] @Sentung pelalai/pelalai – sejenis ubat guna-guna, pengasih.
- [112] Bulang ulu – ikat kepala, tengkolok. Di sini bermaksud ‘kekasih’.
- [113] Semangat, merpati jiwa, etc.
- [114] @Prabu – panggilan hormat.
- [115] Barangkali Jordan.
- [116] Namun.
- [117] Tuhan Semesta Alam.
- [118] Gajah perang. ‘Biram’ daripada bahasa Tamil.
- [119] Periksakan.
- [120] @Rengga – tempat duduk atas belakang gajah.
- [121] Sejenis payung khas raja.
- [122] Tongkat pengendali gajah.
- [123] Baju besi.
- [124] @Kamar – tali pinggang.
- [125] Bertajuk – bermahkota, hiasan pada mahkota, hiasan kepala daripada emas, dll.
- [126] Mempunyai untaian emas atau lainnya.
- [127] Tak terkira banyaknya.
- [128] Begitu ejaannya, dengan alif. Mungkin varian sebutan bagi Pertiwi.
- [129] Sejenis pokok renek.
- [130] @Sarudi – dicanai, digosok.

- [131] @Sani – indah, mulia.
- [132] Barangkali (girang) dengan makna ceria.
- [133] Celoteh pengarang.
- [134] Tepak/bekas sirih daripada emas atau perak.
- [135] Tidak sepertinya, biasa-biasa saja.
- [136] Zabib – kismis.
- [137] Kopi.
- [138] Sirap, jus.
- [139] Rebab.
- [140] Seruling buluh.
- [141] Harmonika.
- [142] @Kopok – sejenis alat muzik daripada kayu/besi dipukul.
- [143] Sejenis alat muzik seperti canang kecil.
- [144] Sejenis serunai.
- [145] Hujung.
- [146] Celoteh pengarang.
- [147] @Kerjang – nama sejenis emas.
- [148] Destar, ikat kepala.
- [149] Sejenis tumbuhan menghasilkan cat/pewarna merah. Kesumba murapi/merapi – sangat marah.
- [150] Digosok.
- [151] @Ramal – Sapu tangan.
- [152] @Kadam – tapak kaki. Frasa ‘main-mainan kadam’ boleh membawa erti: mainan raja.
- [153] Potongan badannya, gayanya.
- [154] Pingai – burung. Juga bermaksud warna kuning cair.
- [155] Permata yang halus-halus, manik.
- [156] Mutiara; sesuatu yang dihiasi dengan permata, dll.



mitos.

[157] Mengerna – indah berseri.

[158] @Mangkara/Makara – binatang buas, sejenis binatang dalam cerita-cerita

[159] Tekua – sejenis baju seperti baju melayu.

[160] Tepak sirih.

[161] Berseluar.

[162] Sejenis sutera.

[163] Berkasut tutup, sepatu.

[164] Sejenis burung besar.

[165] Baldu.

[166] Sejenis kain.

[167] Dilukis corak (Arabic).

[168] Gelang lengan atas.

[169] Bentuk bulan sabit/bulan sehari.

[170] Perbuatan merak menayangkan ekornya. Coraknya.

[171] Sejenis kain daripada bulu kibas.

[172] Sejenis burung.

[173] Berhias.

[174] Disebai, disangkut ke bahu.

[175] Bunyi canang dan gendang yang bertalu-talu.

[176] Lautan besar.

[177] Celoteh pengarang.

[178] Duli – kaki, mata duli – buku lali/mata kaki.

[179] Tali leher.

[180] Tiada tandingan, tak terkalahkan.

[181] @Sabuk – tali pinggang.

[182] Bersari.

- [183] Alas kaki, bersepatu.
- [184] Seluruhnya.
- [185] Sejenis kenderaan dewa. Raksasa Gargath(?)
- [186] Naga besar untuk kenaikan.
- [187] Bertutup.
- [188] Digantungkan.
- [189] Saffron/za'afaran.
- [190] Sejenis ukiran yang bertemu kemudian belok ke kiri dan ke kanan.
- [191] Sejenis loket.
- [192] Sayap sandang-selejang (rantai emas) yang disilangkan di dada.
- [193] Permata biru.
- [194] @Cal – mafla, selendang.
- [195] Memukul-mukul.
- [196] Hiasan kepala daripada emas dll yang direka untuk mudah bergetar.
- [197] @pancung – hujung telinga (tempat subang).
- [198] Seketika.
- [199] @seli – mendarat berselang-seli.
- [200] Setara, setaraf, sejajar.
- [201] Bercampur-baur.
- [202] Jenis arak.
- [203] Kurma.
- [204] Alat muzik (tiupan).
- [205] Alat muzik seperti seruling.
- [206] Handal. (Mungkin dialek atau sebuah zaman tersebut.)
- [207] Beri-memberi, berlaga gelas.
- [208] Mabuk bunga selasih – terlampau mabuk.
- [209] @pinjung – hujung telinga (yakni tempat subang).

- [210] Sangir secara literalnya bermaksud taring, siong.
- [211] Sultan Paduka diulang merujuk kepada Sultan lebih tinggi, moyanganda mereka.
- [212] Warna.
- [213] @Candra – mambang dewa, setengah dewa.
- [214] Sejenis pewarna untuk mewarnakan kayu.
- [215] Dicanai.
- [216] Lautan.
- [217] Warna.
- [218] Yakni masakan orang laki-laki sahaja yang tentunya tidak seanak masakan perempuan.
- [219] Hiasan mahkota.
- [220] Buatan.
- [221] Sisir/sikat.
- [222] Kacip.
- [223] Taki – janji.
- [224] Tuanku.
- [225] @azmat – terlalu kuat.
- [226] Mengikat perang – mengisyiharkan perang.
- [227] Nama perang.
- [228] Debu.
- [229] Kaki.
- [230] @Main toi – sejenis permainan kanak-kanak. Galah panjang.
- [231] Buah nipah.
- [232] @mangkara, Makara – sejenis binatang buas di dalam cerita mitos.
- [233] Ukuran berat lebih kurang 80 paun/36.3 kg untuk setiap 1 man.
- [234] Dharab (Arab) – pukulan.
- [235] Ayat tergantung. Saya masukkan perkataan ‘matilah’ sebagai

melengkapkannya.

[236] Sejenis serangga kumbang yang mengeluarkan bunyi riuh.

[237] Larut, hilang lenyap.

[238] Celoteh pengarang.

[239] Berselimut.

[240] Sejenis kenderaan. Mimbar?

[241] @Nila kandi – sejenis permata nilam.

[242] Bandan – sejenis burung/ikan besar.

[243] Bergantungan.

[244] Mungkin pengarang bermaksud ‘uqab’ (Arabic) – sejenis helang besar.

[245] Sejenis senjata dewa berbentuk seperti piring terbang. Ada juga yang bertangkai/hulu.

[246] Beginilah tertulis di dalam manuskrip. Sepatutnya Raja Jin Berongga Sekata.

[247] Sarung simpanan anak panah.

[248] Jaga-jaga.

[249] Pengecut seperti kaum perempuan maksudnya kerana pukul curi.

[250] Laki-laki.

[251] Aib.

[252] Tertulis dalam manuskrip Raja Jin Mandu Kesani.

[253] -sda-

[254] Pasir kasar.

[255] Disangka-sangka.

[256] Padang, savannah.

[257] Mati bersama.

[258] Tongkat kendali gajah.

[259] Hiasan (daripada emas/perak dll) di kepala/mahkota.

[260] Durjah/durja – wajah.

- [261] Mengisytiharkan.
- [262] Nama perang tersebut.
- [263] @Cempana – tandu, usungan.
- [264] Sejenis lembing pendek.
- [265] Buatannya.
- [266] Ketopong, topi besi.
- [267] Ceylon, Sri Lanka.
- [268] Sunting malai – hiasan rambut yang dipakai di belakang telinga.
- [269] Barangkali sarng/tangkai cakranya.
- [270] Kelkatu/kelekatu.
- [271] Belantan.
- [272] Pelangi.
- [273] Di bawah bayangan.
- [274] Haru-biru, kelam-kelibut.
- [275] Hanyir.
- [276] Arah Timur.
- [277] Arah Barat.
- [278] Asalkan.
- [279] Muncungnya, sondolnya.
- [280] Terpaku, ralit.
- [281] Ayam.
- [282] Tak terkira.
- [283] @Mudawangsa – muda dan berbangsa (tampan dan berketurunan mulia).
- [284] Mengibas-ngibas.
- [285] Buyung berleher untuk diisi air.
- [286] Berkasut.
- [287] Bulan.

- [288] Matahari.
- [289] Berpesta sakan berhari-hari siang malam.
- [290] @Jeamang – sejenis perhiasan kepala dipasang di dahi.
- [291] Pintu, gerbang.
- [292] Berangkat pergi. Juga bermaksud datang (mengikut konteks ayat).
- [293] Kasyaf.
- [294] Bulan yang terang berwarna sehingga nampak agak redup.
- [295] Tampan. Canda – kelakar.
- [296] Permainan seperti dam.
- [297] Menampi.
- [298] Cantas.
- [299] Bantuan. Ambil kesempatan.
- [300] @Berkutu0kutuan – saling mencari kutu.
- [301] Orang yang rendah (tak layak). Cebil-cebil, si cebil – seorang yang dipandang oleh orang lain sambil mencebik mulut.
- [302] Sayyidi, Tuan.
- [303] Marmar berwarna-warni.
- [304] Dihiasi.
- [305] Gila, naik minyak.
- [306] Berbunyi dengan kuat.
- [307] Turun duduk.
- [308] Dulang seperti nyiru, tampi berbentuk bulat.
- [309] Berkerumun.
- [310] Bunga melur.
- [311] Ditimpa bencana, marabahaya.
- [312] Cepat-cepat.
- [313] Ke sana dan ke mari tak tentu hala.

- [314] Nobat berangkat.
- [315] Pukullah tambur.
- [316] Di bawah.
- [317] Anugerah kurnia.
- [318] Tempayan.
- [319] Nyenyak, lena.
- [320] Dikelilingi awan merah, pelangi.
- [321] Sejenis burung berekor seperti merak.
- [322] Mengigal seperti kelakuan burung merak.
- [323] @Cucak Kuricang – burung bulbul, merbah.
- [324] Alam raya, dada langit. Mengedar – terbang ke udara.
- [325] Berkicau.
- [326] Saya meyakini ianya bahasa Sanskrit. Barangkali ia bermaksud “Demi kebenaran!”.
- [327] Bekas seperti mangkuk.
- [328] Bedak wangi, lulur badan.
- [329] Syampu.
- [330] Mangkuk kecil.
- [331] Permata biru.
- [332] Serai wangi.
- [333] Selengkap.
- [334] Pelaminan.
- [335] Bulang hulu – destar.
- [336] Kuda bersayap.
- [337] Dura – kkuatir, susah hati.
- [338] Dindalah.
- [339] Yakni Puteri Bongsu.

- [340] Kenyit.
- [341] Tempa – pujian kepada perempuan cantik.
- [342] Cerita, warta.
- [343] Askar.
- [344] Sekira-kira.
- [345] Menyeru, menciptakan sesuatu dengan kuasa kebatinan.
- [346] Kasut, terompah.
- [347] Berukiran kepala naga.
- [348] Menyilaukan mata.
- [349] Dibisiknya.
- [350] Gula. (Arabic – sukkar).
- [351] Pergi.
- [352] Tepak sirih pinang.
- [353] Marah.